

"BERSEMPENA dengan Tahun Baru Hijrah yang mulia ini, marilah kita sama-sama membina azam untuk terus memelihara keamanan serta keadaan hidup sihat lagi harmoni." - Titah sempena Menyambut Tahun Baru Hijrah 1420.



قليتا بروني Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

"SESUNGGUHNYA setiap amalan itu dengan niat, dan bagi setiap seseorang itu mengikut apa yang diniatkannya." - Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

TAHUN 46 BILANGAN 13 RABU 28 MAC, 2001/1422 رابو 3 محرم

PERCUMA

<http://www.brunet.bn/news/pelita/pelita.htm> email: pelita@brunet.bn Talian penting PELITA BRUNEI: (02) 383941/(02) 383804 Faks: (02) 381004/(02) 380507

Kebawah DYMM tinjau kehidupan rakyat



PEMEDULIAN — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan berangkat melawat Kampong Batu Marang, Mukim Mentiri (kiri) dan Mukim Pengkalan Batu (kanan). Gambar atas juga memperlihatkan betapa kegembiraan rakyat baginda daripada pelbagai lapisan masyarakat sama ada warga tua mahupun kanak-kanak tidak melepaskan peluang keemasan berjumpa dan bersalaman dengan raja yang dikasihi. (Lagi cerita dan gambar-gambar di muka 5, 8, 9 dan 10).

Sudah ada anasir cuba rosakkan masyarakat KERAJAAN TIDAK BERTOLAK ANSUR

BANDAR SERI BEGAWAN, 25 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-

Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah mengingatkan bahawa tidak ada sebarang kelonggaran atau tolak ansur untuk sesiapa jua sama ada ia orang dalam

Oleh
Abu Bakar HAR

ataupun lebih-lebih lagi dari luar negara untuk melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan undang-undang dan Perlembagaan Negara ini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah sempena menyambut kedatangan Awal Tahun Hijrah 1422 yang disiarkan melalui

Radio Televisyen Brunei ke seluruh negara malam tadi.

Pada ketika ini titah baginda, sudah ada percubaan yang berani daripada anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab untuk merosakkan keharmonian masyarakat, khasnya masyarakat Muslim sekalipun mereka menyedari bahawa cara dan perbuatan ini adalah bertentangan dengan undang-undang dan Perlembagaan Negara.

Titah baginda lagi, selaku daulah Islamiah kita adalah sentiasa mengemaskan diri dan ke arah itu kerajaan baginda pada masa ini sedang rancak berge-

TIDAK ada sebarang kelonggaran atau tolak ansur untuk sesiapa jua sama ada ia orang dalam ataupun lebih-lebih lagi dari luar negara untuk melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan undang-undang dan Perlembagaan Negara ini. - titah

rak menyesuaikan undang-undang negara dengan kehendak-kehendak hukum syarak melalui Majlis Ugama Islam dengan kerjasama pelbagai pihak termasuk Pejabat Peguam Negara.

"Kita telah pun menyelesaikan beberapa buah undang-undang yang baru kesemuanya

undang-undang tersebut telah pun diwartakan," titah baginda.

"Mudah-mudahan dengan dikuatkuasakan undang-undang ini akan menambahkan kemajuan negara serta bersinar agama Islam yang maha suci yang membawa kepada kesejahteraan dan kemakmuran," titah baginda lagi.





دَعْنِ نَامَ اللَّهِ يَغْمَهَا
فَمُورُهُ دَانَ مَهَا فَيَاغِي

Dari Sidang Pengarang

28 MAC, 2001 BERSAMAAN 1422 هـ، محرم 3

WASPADA TERHADAP ANASIR ANCAM KEAMANAN NEGARA

SEBAIK sahaja kita menyambut Tahun Baru Masihi 2001 yang baru lalu, kemudian kita menyambut pula kedatangan Tahun Baru Hijrah 1422. Kedatangan Tahun Baru Hijrah 1422 yang penuh dengan cabaran telah mengingatkan kita kepada konsep asas Hijrah, iaitu semasa Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam berhijrah dari Mekah ke Madinah meneruskan perjuangan menegakkan dan meluaskan syiar Islam ke seluruh Semenanjung Tanah Arab dan ke seluruh pelusuk dunia.

Konsep Hijrah telah memberikan kita beberapa pengajaran dan iktibar yang berguna dalam menjaga dan memelihara kesucian agama Islam selaku agama rasmi bagi Negara Brunei Darussalam. Konsep Hijrah bukan sahaja meliputi hijrah lokasi dari satu tempat ke tempat lain tetapi juga hijrah yang bersifat jasmani dan rohani.

Hijrah yang menumpukan kepada aspek kerohanian yang meliputi seluruh nilai-nilai luhur yang merangkumi akhlak dan amal salih dengan berlandaskan kepada kepercayaan kepada Allah Subhanahu Wataala boleh menciptakan persaudaraan unggul di kalangan ummah sehingga melahirkan kekuatan luar biasa yang tidak dapat ditandingi.

Konsep ini bukan saja akan menjurus masyarakat negara ini ke arah hidup yang bersatu padu, tetapi juga akan mengeratkan perpaduan dan mewujudkan keharmonian di kalangan semua lapisan kehidupan rakyat dan penduduk negara ini dalam pelbagai suasana sama ada semasa negara dalam keadaan aman atau sebaliknya. Segala cabaran dan ujian yang kita hadapi akan dapat kita selesaikan dengan baik dan sempurna.

Seperti lazimnya setiap tahun, Sambutan Awal Tahun Baru Hijrah 1422 ini telah diraikan di rumah secara besar-besaran di negara ini menurut lunas-lunas ajaran agama dan adat istiadat masyarakat dan negara kita. Kita memberigakan sambutan ini dalam pelbagai cara dan dalam masa yang sama kita berusaha menghayati ajaran agama Islam menerusi pengajaran dan iktibar daripadanya.

Dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena awal Tahun Hijrah 1422 ini telah mengetengahkan konsep perpaduan dan persaudaraan sebagai agenda utama umat Islam. Baginda menambah bahawa agenda-agenda lain bolehlah menyusul tetapi tanpa perpaduan apa jua jenis agenda akan mengalami kegagalan dan sia-sia.

Baginda menekankan bahawa perpecahan adalah racun bagi pembangunan apa jua jenis pembangunan sama ada mental atau fizikal. Sementara perpaduan pula adalah ubatnya maka rawatlah pembangunan yang kurang sihat dengan perpaduan, insya Allah segala-galanya akan berjalan dengan baik dan lici. Baginda juga berseru mengelakkan daripada apa jua unsur yang membawa kepada perpecahan dan menjauhkan diri daripada segala anasir yang boleh menyebabkan pecah belah.

Pada ketika ini sudah ada percubaan yang berani daripada anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab untuk merosakkan keharmonian masyarakat khususnya masyarakat Muslim, sekalipun mereka itu menyedari bahawa cara dan perbuatan ini adalah bertentangan dengan undang-undang dan Perlembagaan Negara. Baginda mengingatkan bahawa tidak akan ada sebarang kelonggaran atau tolak ansur untuk sesiapa jua sama ada ia orang dalam ataupun lebih-lebih lagi dari luar negara untuk melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan undang-undang dan Perlembagaan Negara ini.

Oleh itu, selaku daulah Islamiah kita adalah sentiasa mengemaskan diri dan ke arah ini kerajaan baginda pada masa ini sedang rancang bergerak menyesuaikan undang-undang negara dengan kehendak-kehendak hukum syarak melalui Majlis Ugama Islam dengan kerjasama pelbagai pihak termasuk Pejabat Peguam Negara. Beberapa buah undang-undang yang baru kesemuanya undang-undang tersebut telah pun diwartakan. Mudah-mudahan dengan dikuatkuasakan undang-undang ini akan menambahkan kemajuan negara serta bersinar agama Islam yang maha suci yang membawa kepada kesejahteraan dan kemakmuran. Amin.

Mesej penting yang kita terima ini patut dan sewajarnya kita renungi secara serius dan mendalam supaya perpaduan di kalangan kita akan terus kukuh dan mantap. Kita selaku rakyat dan penduduk negara ini hendaklah sentiasa berwaspada terhadap anasir-anasir yang boleh mengancam keamanan dan ketenteraman negara dan akan sentiasa berwaspada supaya kita terhindar daripada apa jua bentuk ancaman dan kesan yang tidak diinginkan.

Sempena awal Tahun Hijrah 1422 ini kita akan membuat tekad baru selaras dengan cita-cita dan aspirasi agama, bangsa dan negara. Nilai-nilai murni yang berlandaskan agama dan cara hidup kita yang berfalsafahkan negara Melayu Islam Beraja akan terus kita pupuk dan pelihara bagi menjamin kesinambungan kita sebagai sebuah negara, bangsa dan agama.

Sikap proaktif dikehendaki dalam perkhidmatan awam

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

ALHAMDULILLAH, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih di atas kehadiran Dato-dato dan sekalian ketua-ketua jabatan, timbalan ketua-ketua jabatan dan para pegawai kanan ke perjumpaan kita pada tahun ini.

Sebagaimana lazimnya, tujuan kita mengadakan perjumpaan ini adalah untuk kitani sama-sama berbincang, bertukar-tukar fikiran dan berkongsi pengalaman mengenai dengan perkara-perkara yang melibatkan bidang tugas dan tanggungjawab kita serta perkhidmatan yang kita berikan, baik di Kementerian mahupun di jabatan masing-masing di bawah Kementerian ini.

Saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada jabatan-jabatan yang turut sama menjayakan projek-projek atau majlis-majlis yang bersifat kebangsaan dan kenegaraan seperti Sidang Kemuncak APEC pada tahun lalu dan Tahun Melawat Brunei pada tahun ini.

Begitu juga kepada jabatan-jabatan yang telah berjaya menepati anggaran belanjawan masing-masing dan meningkatkan pula hasil pendapatan kerajaan seperti pelancaran Kad Pintar atau Smart Card tahun lalu.

Bercakap mengenai bidang tugas dan tanggungjawab kita serta perkhidmatan yang kitani berikan, saya ingin mengaitkannya dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena menyambut Tahun Baru Masihi 2001 yang lalu.

Antara lain baginda bertitah: "Anggota-anggota perkhidmatan awam serta mereka yang memberikan perkhidmatan, perlulah berkhidmat dengan cemerlang serta mempunyai sifat-sifat luhur, dalam makna mengamalkan etika kerja yang tinggi."

Titah baginda lagi: "Sesebuah masyarakat yang sentiasa mementingkan pemedulian, bersopan santun dan kasih sayang yakni 'caring society', perlulah mengamalkannya dalam kehidupan bermasyarakat dan bernegara serta dalam amalan hidup seharian."

Dalam hubungan ini, memandang jabatan-jabatan di bawah Kementerian ini pada umumnya adalah bersifat 'service-oriented'

dan sentiasa berdamping rapat dengan orang ramai, maka pada pendapat saya, sikap pemedulian seperti yang dititahkan itu hendaklah sentiasa diamalkan dan diutamakan.

Dalam erti kata lain, janganlah kitani menunggu dulu kalau ada keluhan atau sungutan orang ramai mengenai sesuatu perkara yang melibatkan jabatan atau Kementerian kita, baru kita hendak mengambil langkah atau tindakan.

Itu namanya bertindak secara 'reactive', sedangkan yang dikehendaki sekarang ini ialah sikap 'proactive'.

Perkara ini juga ada kaitannya dengan Tekad Pemedulian Orang Ramai atau ringkasnya TPOR.

Saya mengambil maklum bahawa beberapa buah jabatan di bawah Kementerian kita telah memaparkan TPOR mereka masing-masing di ruangan pejabat mereka, sebagaimana yang dikehendaki.

Bagi mana-mana jabatan yang belum berbuat demikian, hendaklah segera melaksanakannya.

Dalam pada itu, jangan pula TPOR yang tercatat dan dipamerkan itu tinggal menjadi pameran sahaja, kerana matlamat utamanya ialah untuk melaksanakan TPOR itu dalam kerja dan tugas biskita seharian. Ertinya kita jadikan ia sebagai satu amalan budaya kerja.

Saya juga mengalu-alukan usaha untuk membukukan TPOR bagi Kementerian ini dan jabatan-jabatan di bawahnya sebagai usaha Kementerian kita

APA yang harus dielakkan ialah perasaan tidak puas hati orang ramai disebabkan kualiti perkhidmatan dan layanan yang diberikan itu tidak memuaskan.

pada meningkatkan kualiti perkhidmatan, dan juga sebagai usaha ke arah mencapai Wawasan Perkhidmatan Awam Abad Ke-21.

Kementerian juga perlu mengambil langkah tertentu dalam menyokong inisiatif Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam menubuhkan Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan baru-baru ini.

Saya berpendapat ada baiknya ditubuhkan satu Jawatankuasa Ad-Hoc di peringkat Kementerian bagi meneliti dan merangka keperluan teknologi maklumat yang bersesuaian di Kementerian kita.

Selain daripada bertindak selaku jabatan-jabatan yang memberikan perkhidmatan, beberapa jabatan di bawah Kementerian ini juga bertanggungjawab selaku agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang.

Dalam hubungan ini, ketua-ketua jabatan hendaklah sentiasa memastikan bahawa penguatkuasaan undang-undang dan peraturan-peraturan itu dilaksanakan dengan sebaik-baiknya.

Pemantauan hendaklah di-



UCAPAN Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa semasa perjumpaan dengan ketua-ketua jabatan, timbalan-timbalan ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bertempat di Bilik Persidangan, Ibu Pejabat Jabatan Perkhidmatan Bomba, Berakas pada 16 Zulkaedah, 1421 Hijrah/10 Februari, 2001 Masihi.

ialah perasaan tidak puas hati orang ramai disebabkan kualiti perkhidmatan dan layanan yang diberikan itu tidak memuaskan.

Orang ramai di sini termasuklah juga para pelancong yang berkunjung ke negara ini terutama sekali semasa Tahun Melawat Brunei pada tahun ini. Tentu sekali mustahak mereka itu diberikan layanan yang baik.

Dari segi disiplin dan tata-tertib, ketua-ketua jabatan sendiri hendaklah memberikan contoh yang baik iaitu 'they must lead by example'.

Mana-mana pegawai atau kakitangan yang didapati melanggar undang-undang dan peraturan hendaklah dilaporkan segera kepada pihak yang berwajib.

Saya juga mengambil maklumat mengenai dengan penubuhan Jawatankuasa Perhubungan Awam Kementerian ini dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Banyak perkara yang boleh diusahakan oleh jawatankuasa ini. Misalnya dalam menangani laporan-laporan akhbar yang berkaitan dengan Kementerian kita dan jabatan-jabatan di bawahnya, dan memberikan jawapan di mana yang perlu dan dalam tempoh masa yang bersesuaian.

Begitu juga mungkin dapat diusahakan program-program tertentu bersama-sama dengan penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung serta majlis-majlis perundingan mukim dan kampung.

Menyentuh lagi sedikit mengenai perkhidmatan ini, yang mustahak diberikan perhatian selalu ialah layanan kepada orang ramai baik di perkhidmatan kaunter di pejabat mahupun di pos-pos kawalan.

Apa yang harus dielakkan

Lihat muka 3



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam ketika bersabda merasmikan Seminar Pemasaran Sukan Perpaduan Olimpik. Majlis berlangsung di Dewan Kuliah Stadium Negara Hassanal Bolkiah. - Gambar oleh Masri Osman.

Pemasaran sukan bawa keuntungan

Oleh Haji Ahat HI

BERAKAS, 21 Mac. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah bersabda, pemasaran sukan dijadikan sebagai cara penting untuk meningkatkan taraf, kualiti serta pengurusan sukan dalam negeri dan peringkat antarabangsa.

Duli Yang Teramat Mulia yang juga selaku Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam bersabda, dengan melaksanakan klinik pemasaran yang bijaksana, membolehkan ramai pelaksana sukan menjadi kaya raya dan kukuh di segi kewangan.

Bersabda ketika merasmikan Seminar Pemasaran Sukan Perpaduan Olimpik di Dewan Kuliah Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia bersabda menyatakan bahawa menjadi tuan rumah acara-acara sukan besar dengan biaya sendiri menjadi rebutan dan persaingan di kalangan negara ketika ini yang hasilnya boleh membawa keuntungan besar kepada negara terutama masyarakat peniaga.

Melalui seminar itu, Duli Yang Teramat Mulia berharap akan dapat membantu para peserta memahami lebih banyak perkara mengenai pemasaran sukan bagi membolehkan para peserta saling bantu-membantu antara satu sama lain.

Duli Yang Teramat Mulia menambah sabda, penyertaan masyarakat sukan dan masyarakat peniaga dalam sektor pemasaran sukan masing-masing diharapkan antara satu dengan lain yang boleh memberikan keuntungan kedua-dua pihak.

Sehubungan itu, Duli Yang Teramat Mulia berharap selepas seminar itu nanti para peserta dan siapa saja akan tampil ke hadapan bagi mewujudkan suasana persefahaman dan sokongan yang lebih bermakna antara satu sama lain.

Seminar dua hari anjuran Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan serta bantuan Jawatankuasa Perpaduan Olimpik Antarabangsa itu antaranya bertujuan untuk memberikan kefahaman mengenai faedah dan kepentingan pemasaran dalam sukan.

Tiga penceramah yang terdiri daripada Svein Romstad dari Pengurusan Meridian, Atlanta, Amerika Syarikat; Setiausaha Agung Majlis Olimpik Malaysia, Dato Sieh Kok Chi dan Setiausaha Agung Majlis Olimpik Singapura, Lau Teng Chuan turut memberikan ceramah masing-masing.

Ralat

BERITA di muka hadapan Akhbar PELITA BRUNEI terbitan 21 Mac 2001 bertajuk \$2.2 JUTA BIAYAI SKIM PERINTIS (perenggan 10) hendaklah dibaca :

Dato Paduka seterusnya menjelaskan, pelatih-pelatih yang telah berjaya mengikut skim latihan dan memenuhi kehendak majikan akan diberikan sijil penyertaan dan diambil berkhidmat secara tetap oleh majikan berkenaan jika mereka itu didapati berse-suaian. - Penyunting.



Dari muka 2

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah bergambar kenangan bersama Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, para penceramah dan para peserta seminar. - Gambar oleh Masri Osman.

UBD tawar Sarjana Muda Sains Bioperubatan

Oleh Haji Ahat HI

BANDAR SERI BEGAWAN, 17 Mac. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) buat pertama kalinya menawarkan Kursus Sarjana Muda dalam bidang Sains Bioperubatan (Bio-medical Science) tahun ini.

Menurut siaran akhbar UBD, kursus tersebut adalah sebahagian daripada program kembar yang disusun antara UBD dengan Universiti Queensland, Australia.

Kursus tersebut berjalan selama tiga tahun dan 30 orang penuntut yang berkelayakan akan menjalani tiga semester pertama di UBD dan tiga semester selebihnya akan diteruskan di Universiti Queensland.

Siaran akhbar itu menambah, daripada Sarjana Muda Sains Bioperubatan, pelajar

yang terpilih berpeluang untuk menyambung ke bidang Sarjana Muda Perubatan di Universiti Queensland.

Selepas menamatkan dua semester pertama dalam Sarjana Muda Sains Bioperubatan di UBD, para penuntut berkelayakan untuk mengikuti pengajian Sarjana Muda Pergigian Sarjana Muda Sains Kesihatan, dan Sarjana Muda Sains di Universiti Queensland atau UBD.

Kursus Sarjana Muda itu ditawarkan kepada rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam dan penuntut luar negeri. Keterangan lanjut boleh didapati di UBD.

Mengenai dengan masalah banjir yang melanda banyak kampung di seluruh negara, pegawai-pegawai daerah hendaklah memainkan peranan utama mereka dalam sama-sama memastikan keselamatan para penduduk kampung.

Ada baiknya mereka memastikan dengan pihak-pihak berkenaan bahawa perhubungan dan kemudahan asas tidak terganggu atau terjejas yang mana jika terjadi gangguan ke atas kemudahan-kemudahan asas seperti elektrik, air dan simpanannya tentulah akan menyulitkan lagi keadaan.

Ada baiknya juga pegawai-pegawai daerah berganding bahu dengan para penghulu dan ketua kampung untuk menggembelng tenaga anak buah kampung dan para sukarelawan untuk sama-sama menolong mereka yang ditimpa kesusahan.

Sebagai contoh mengenai dengan keadaan banjir ini ialah seperti yang dilaporkan akhbar Borneo Bulletin keluaran 2 Februari, 2001 di muka hadapan mengenai dengan banjir yang melanda Kampung Bukit Kaboh, Jerudong.

Menurut akhbar tersebut, penduduk kampung sudah membuat aduan kepada ketua kampung empat tahun lalu bila banjir mula melanda kampung tersebut.

Banjir dikatakan mula berlaku apabila sungai di kawasan berkenaan telah disimpangkan ke tempat lain bagi memberi laluan kepada pembinaan projek perumahan. Jadi sampai sekarang dikatakan tidak ada tindakan diambil.

Masalah lain lagi mengenai kejadian kebakaran di Kampung Ayer. Terdapat tiga kejadian kebakaran pada tahun 1999 yang melibatkan 30 buah rumah dan ia meningkat lagi pada tahun lalu kepada enam kejadian kebakaran yang melibatkan 59 buah rumah.

Mungkin dapat Jabatan Daerah Brunei dan Muara dan Jabatan Perkhidmatan Bomba memikirkan langkah-langkah yang berkesan bagi mengelakkan kejadian kebakaran di Kampung Ayer itu.

Saya mengambil maklum mengenai dengan penubuhan Jawatankuasa Menangani Hal Ehwai Kebakaran Kampung Ayer. Saya juga mengambil maklum mengenai pembentukan sukarelawan bomba tahun ini seramai 130 orang bagi lapan buah mukim yang berkenaan di Kampung Ayer.

Saya berharap, jawatankuasa tersebut akan dapat seterusnya mengatur program-program lain dalam usaha mencegah kebakaran termasuk kebakaran yang berpunca daripada perbuatan khianat atau 'arson'.

Demikianlah saya setakat ini yang ingin saya sampaikan sebagai memulakan perjumpaan kita ini.

Modah-mudahanlah perjumpaan kita ini akan mendapat keberkatan dari Allah Subhanahu Wataala dan mendapat hasil yang diijazati, Amin.

Sekian, Wabillahir Tuufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh.

Berangkat hadir Forum EALAF di Santiago

BERAKAS, 23 Mac. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah, berkenan berangkat ke Santiago, Republik Chile bagi menghadiri Forum Asia Timur-Amerika Latin (EALAF) kali pertama.

Forum selama dua hari itu akan menyediakan perbincangan secara meluas mengenai isu-isu yang menjadi perhatian Asia Timur dan Amerika Latin terutama cabaran-cabaran dan peluang-peluang dalam sains dan teknologi.

Oleh Abu Bakar HAR


Forum tersebut antara lain bertujuan bagi meningkatkan persefahaman dialog dan kerjasama yang lebih baik antara Asia Timur dan Amerika Latin.

Berangkat ke Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah berangkat ke Santiago, Republik Chile bagi menghadiri Forum Asia Timur-Amerika Latin (EALAF). - Gambar oleh Amat HM.

Sempena Mesyuarat EALAF di Santiago, Chile



SANTIAGO, 27 Mac. - Mesyuarat Pertama Menteri-menteri Bagi Forum Asia Timur - Amerika Latin (EALAF) yang akan bermula 29 hingga 30 Mac ini akan membincangkan secara meluas isu-isu yang menjadi perhatian Asia Timur dan Amerika Latin, terutama cabaran-cabaran dan peluang-peluang dalam sains dan teknologi.

Mesyuarat yang akan dihadiri oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri adalah juga bertujuan bagi meningkatkan persefahaman, dialog dan kerjasama yang lebih baik di antara Asia Timur dan Amerika Latin.

Pada asasnya pembentukan Forum EALAF ini dicadangkan oleh Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Tuan Goh Chok Tong, ketika melawat Republik

Meningkatkan kerjasama Asia Timur - Amerika Latin

Oleh Haji Ahat HI dari Santiago, Chile

Chile pada bulan Oktober, 1998.

Pembentukan tersebut berdasarkan kepada kepentingan Asia Timur dan Amerika Latin yang menuju proses yang sama terhadap pembangunan.

Krisis kewangan Asia dan krisis di Amerika Latin, memperlihatkan jurang persamaan ke arah hubungan kerjasama dan berkongsi pengalaman antara negara-negara kedua-dua benua.

Lanjutan daripada penubuhan EALAF ini, satu mesyuarat kemudiannya berlangsung di Republik Singapura pada 1 hingga 3 September, 1999 yang dihadiri oleh para pegawai

daripada 27 buah negara anggota yang terdiri daripada Republik Rakyat China, Jepun, Republik Singapura, Republik Indonesia, Malaysia, Thailand, Republik Filipina, Negara Brunei Darussalam, Viet Nam, Laos, Kemboja, Myanmar, Argentina, Brazil, Republik Chile, Colombia, Venezuela, Bolivia, Pan Paraguay, Peru, Uruguay, Ecuador, Mexico, Australia dan New Zealand.

Dalam mesyuarat tersebut para pegawai membincangkan dokumen rangka kerja forum yang berhubung dengan kepentingan, tujuan, prinsip, serta pandangan ruang kerjasama.

Dengan penyertaan dalam Forum EALAF ini akan dapat menjadi platform bagi politik, perdagangan dan menemukan para pemimpin bertukar pendapat dan pandangan ke arah menyelesaikan isu-isu dialog atau kerjasama kedua-dua pihak.

Oleh Samle HJ

Menerima kunjungan muhibah wartawan R. Korea

BANDAR SERI BEGAWAN, 21 Mac. - Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Hazair telah menerima kunjungan muhibah daripada delegasi seramai 11 orang wartawan media cetak dan elektronik Republik Korea, di Bangunan Sekretariat, di sini.

Semasa kunjungan itu, Dato Paduka antara lain menjelaskan mengenai hubungan dua hala yang baik di antara Republik Korea dan Negara Brunei Darussalam.

Delegasi yang diketuai oleh Awang Seung-il Kim itu juga mendengar penerangan mengenai kedudukan Negara Brunei Darussalam yang mempunyai keunikan sistem kerajaan dan mengamalkan Falsafah Negara Melayu Islam Beraja (MIB).

Mengenai langkah Negara Brunei Darussalam bagi meningkatkan hasil ekonominya, Dato Paduka berkata negara ketika ini giat meningkatkan perkhidmatan industri, telekomunikasi, kewangan, perkilangan, pelancongan serta IT.

Rombongan wartawan profesional itu berada di negara ini bagi Program Pertukaran Media Republik Korea - ASEAN selama tiga hari.

Delegasi berkenaan akan meneruskan lawatan program pertukaran Media ke Republik Indonesia.

Program pertukaran ini diharap akan mencapai hasrat bagi memperdalamkan pengetahuan mengenai negara-negara di antara ASEAN dan Republik Korea.



SETIAUSAHA Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Hazair ketika menerima kunjungan muhibah delegasi wartawan media cetak dan elektronik Republik Korea yang diketuai oleh Awang Seung-il Kim. Majlis berlangsung di Bangunan Sekretariat di ibu negara. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.

Lawatan ke kampung-kampung bukti keprihatinan Kebawah DYMM



PENUH MESRA Lawatan Kebawah Duli Yang Maha Mulla mencerminkan keprihatinan baginda kepada rakyat sambil melihat sendiri perkembangan dan kemajuan kampung.

Kebawah DYMM melawat Kampung Batu Marang

BATU MARANG, 24 Mac - Kebawah Duli Yang Maha Mulla Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat membuat lawatan ke Kampung Batu Marang, Mukim Mentiri.

Keberangkatan baginda dengan pesawat helikopter di kawasan masjid kampung berkenaan dialu-alukan oleh Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Dam dan Penghulu Mukim Mentiri, Pengarah Awang Haji Abdul Rahman bin

Pengarah Haji Naim dan penduduk-penduduk kampung.

Sejurus keberangkatan itu baginda dijunjung berangkat ke Sekolah Rendah Batu Marang di mana berlangsungnya majlis menjunjung keberangkatan baginda ke Kampung Batu Marang.

Majlis pada hari itu dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai dan doa selamat yang dibacakan oleh imam Masjid Kampung Batu Marang, Awang Haji Ahmad bin Haji Bini. Kemudian diikuti sembah ucapan daripada Penghulu Mukim

Mentiri, Pengarah Awang Haji Abdul Rahman bin Pengarah Haji Naim.

Selepas itu, baginda berkenan menerima junjung ziarah daripada penduduk Kampung Batu Marang dan bercemar duli membuat lawatan ke blok-blok pentadbiran dan bilik-bilik darjah sekolah berkenaan yang dijunjung oleh guru besar, Hajah Taubah binti Haji Ahmad.

Sekolah Rendah Batu Marang dibina dalam dua peringkat, peringkat pertama pembinaan dijalankan dalam tahun 1952, yang merupakan pembinaan sementara dan peringkat kedua dijalankan dalam tahun 1956 merupakan pembinaan kekal sehingga sekarang.

Sekolah Rendah Batu Marang mengandungi lima blok iaitu blok bilik darjah, blok dapur, blok kantin, bilik pentadbiran dan bilik guru dan blok perpustakaan dan bilik 'Seri Marang' dan kini mempunyai keramaian 135 orang murid dengan tenaga pengajar 14 orang guru dengan bilangan darjah daripada kelas prasekolah sehingga darjah 6.

Dari sekolah rendah baginda dijunjung berangkat ke kediaman Penghulu Mukim Mentiri, Pengarah Haji Abdul Rahman bin Pengarah Haji Naim, di sana baginda berkenan menurunkan tandatangan di buku pelawat dan selepas itu baginda beredar ke kediaman Ketua Kampung Batu Marang, Awang Haji Jama-luddin bin Haji Sapar. Dari sana baginda berangkat meninggalkan Kampung Batu Marang dengan menggunakan pesawat helikopter untuk meneruskan lawatan ke Kampung Limau Manis.

BATU MARANG, 24 Mac - Keberangkatan lawatan Kebawah Duli Yang Maha Mulla Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Mukim Mentiri mencerminkan hasrat baginda yang benar-benar memedulikan prihatin terhadap kehidupan dan kemajuan rakyat baginda.

Keberangkatan baginda di Kampung Batu Marang, Mukim Mentiri itu dijunjung penuh mesra oleh penduduk kampung dan mukim berkenaan yang berhimpun di Sekolah Rendah Batu Marang di sini.

Penghulu Mukim Mentiri, Pengarah Haji Abdul Rahman bin Pengarah Haji Naim dalam sembah alu-aluannya menjelaskan, keberangkatan itu membuktikan keprihatinan baginda sungguh bernilai kepada rakyat baginda.

Beliau juga menyembahkan segala perkembangan dan kemudahan asas yang terdapat di mukim berkenaan seperti yang terdapat di kampung-kampung yang lain termasuk bekalan elektrik, telefon, bekalan air, sekolah rendah dan menengah serta masjid.

"Sekalipun mukim ini terletak kira-kira 20 kilometer dari ibu negara, namun sistem perhubungan iaitu jalan raya juga dibina bertaraf yang baik," jelas Pengarah Haji Abdul Rahman.

Mukim Mentiri yang terdiri daripada enam buah kampung termasuk Kampung-kampung Mentiri, Batu Marang, Sungai Buloh, Tanah Jambu, Perumahan Kampung Mentiri I dan Mentiri II mempunyai keramaian lebih 9,737 orang dengan 1,330 buah rumah.

Sementara itu, Kampung

Liputan Samle Haji Jait dan Haji Ahmad HS
Gambar-gambar oleh
Pengiran Haji Bahar PHO, Harun HR dan Ramli Tengah

Batu Marang yang kini didiami hampir dua ribu penduduk adalah antara kampung yang giat mengendalikan produk-produk yang memberi sumber pendapatan kehidupan sebarian mereka.

Kampung yang popular dengan pengeluaran 'belacan' itu juga mempunyai koperasi sendiri yang mengendalikan oleh Jawatankuasa

Perundingan Kampung Batu Marang.

Kampung Batu Marang yang asalnya merupakan sebuah kampung nelayan terletak di Teluk Brunei, kini semakin maju dengan pertambahan penduduk yang berkhidmat dengan kerajaan dan swasta selain majoritinya bekerja sendiri.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulla berkenan menerima junjung ziarah murid-murid Sekolah Rendah Batu Marang yang berbaris menjunjung dan mengalu-alukan keberangkatan baginda ke sekolah mereka.



UJI Baginda berkenan menguji kecerdasan seorang murid Sekolah Rendah Batu Marang ketika berkenan melawat sekolah tersebut.



PARA penduduk Kampung Batu Marang tidak melepaskan peluang bersalaman dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulla di sepanjang lawatan baginda ke Kampung Batu Marang.

Kelemahan, kegagalan beri kesan negatif : Misi dan matlamat jabatan perlu jelas

RIMBA, 19 Mac. - Kelemahan dan kegagalan sesetengah jabatan memberikan mutu perkhidmatan yang memuaskan adalah disebabkan oleh ketua jabatan dan kakitangannya yang tidak jelas mengenai misi dan matlamat, di samping kegagalan mengemaskinikan dan meneliti mutu perkhidmatan dan penghasilan dari masa ke semasa.

Dato Paduka Haji Hazair bin Haji Abdullah, Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri menyatakan perkara tersebut ketika berucap melancarkan Program Peningkatan Pencapaian Organisasi (OB) Kaunseling Melalui Terapi (OB) Melalui Syura bertepatan 'Ke Arah Al-Falaah Dalam Perkhidmatan Awam' berlangsung di Institut Perkhidmatan Awam (IPA) di sini.

Dato Paduka menekankan, peranan besar keseluruhan organisasi di dalam perkhidmatan awam adalah sebagai pemudah cara dan memberikan perkhidmatan kepada orang ramai yang menyumbang kepada pertumbuhan sosial dan ekonomi di negara ini.

Oleh yang demikian jelasnya, sebarang kelembapan perkhidmatan, kelambatan bertindak kepada permintaan dan permohonan pelanggan serta perlahan dalam membuat perubahan dan pembaharuan sama ada yang berkaitan tatacara, peraturan dan undang-undang akan mendatangkan kesan negatif kepada pertumbuhan dan kemajuan ekonomi dan sosial di negara ini amnya kepada 'nation building'.

Beliau menambah, penilaian pelaksanaan, pengemaskinian serta komitmen setiap kakitangan yang berterusan adalah amat perlu diamalkan oleh setiap organisasi bagi menuju ke arah kecemerlangan perkhidmatan awam di abad ke-21 terutamanya dalam memberikan kepuasan kepada pelanggan yang semakin meningkat di samping menghadapi cabaran-cabaran globalisasi.

Dato Paduka menekankan, tumpuan perlu diberikan oleh ketua-ketua jabatan kepada perkembangan organisasi dan perkembangan tingkah laku anggota di dalam organisasi dengan menghidupkan semula kaedah-kaedah pengurus-

**OLEH SAHARI AKIM
GAMBAR-GAMBAR
OLEH MASRI OSMAN**

an yang sudah terpakai dan diperkenalkan seperti Kumpulan Tindakan dan Perancangan Peningkatan Pencapaian yang anggotanya terdiri daripada ketua jabatan, timbalan ketua jabatan dan ketua-ketua bahagian dan unit.

"Kita tidaklah semestinya menggunakan mekanisme atau kaedah yang terbaru sahaja ke-

BELIAU menambah, penilaian pelaksanaan, pengemaskinian serta komitmen setiap kakitangan yang berterusan adalah amat perlu diamalkan oleh setiap organisasi bagi menuju ke arah kecemerlangan perkhidmatan awam di abad ke-21 terutamanya dalam memberikan kepuasan kepada pelanggan yang semakin meningkat di samping menghadapi cabaran-cabaran globalisasi.

rana kaedah yang lama masih relevan dan boleh digunakan, apa yang penting ialah setiap mekanisme yang digunakan itu hendaklah mudah difahami dan diikuti serta dapat dilaksanakan atau diguna pakai oleh semua peringkat pegawai dan kakitangan.

Kerana ketiadaan semua perkara ini bukan sahaja akan menjadi tanda-tanda awal menjemput 'recipe for failure' tetapi boleh menjadikan usaha-usaha tersebut terbengkalai, kebingungan (confusion), pembaziran dan tidak berbaloi," tegas Dato Paduka.

Menurut Dato Paduka, bagi tujuan penyelesaian keseragaman dan menentukan keberkesanan kaedah pengurusan baru yang ingin diperkenalkan, satu jawatankuasa telah dibentuk untuk menilai setiap kursus pengurusan yang ingin diperkenalkan oleh kementerian-kementerian dan jabatan kerajaan ke arah memastikan 'cost-effective' kursus berkenaan.

Perkara pokok yang menjadi penentu kejayaan sesuatu projek atau program itu, ujar Dato Paduka adalah bergantung kepada komitmen pihak atasan dan anggota organisasi untuk melaksanakan projek atau program yang diperkenalkan.

Beliau menjelaskan, komitmen yang dimaksudkan itu bukan sahaja dengan mengadakan projek tetapi juga dengan turut terlibat dalam pelaksanaan dan seterusnya memantau sendiri serta menjadikannya sebagai agenda pengurusan jabatan-jabatan berkenaan.

Dalam majlis itu, Dato Paduka menasihatkan agar apa juga permasalahan dan cadangan haruslah dibincangkan secara terperinci dengan melibatkan mereka yang berkaitan dengan pengendalian projek atau program berkenaan, kerana dengan cara sedemikian maka usaha padu yang menyeluruh serta penglibatan secara kerja berpasukan akan dapat diperolehi sepenuhnya.

"Di pihak ketua jabatan, bagi membawa organisasi yang dipimpin untuk maju ke hadapan secara berkesan, ia memerlukan pendekatan cara pengurusan yang menekankan kepada turun tangan dan turun padang, membuat susulan, keterbukaan, menghargai, tegas dan berterus terang, sensitif kepada permintaan semasa, proaktif dan mempunyai pengetahuan," tegasnya.

Dalam majlis itu, Dato Paduka juga berharap agar teknik-teknik yang dipelajari itu akan disebarkan ke kementerian dan jabatan masing-masing kerana menurut pemerhatiannya, salah



SETIAUSAHA Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Hazair bin Haji Abdullah ketika berucap melancarkan Program Peningkatan Pencapaian Organisasi (OB) Kaunseling Melalui Terapi (OB) Melalui Syura yang berlangsung di Institut Perkhidmatan Awam (IPA), Rimba.

satu faktor kegagalan pelaksanaan sesuatu program itu adalah disebabkan kurangnya 'follow-up' dan 'follow through' termasuk penerapan di kalangan kakitangan.

Terdahulu Dato Paduka memetik titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-17 berbunyi, "... Negara kita mustahak mempunyai pasukan untuk membawanya ke hadapan, bukan berundur ke belakang. Tiap-tiap orang perlu ghairah menyertai, jangan ada yang berkecuali."

Tambahnya, sebagai ketua jabatan, pengarah-pengarah dan timbalan-timbalan pengarah adalah merupakan nakhoda dan pembantu nakhoda di dalam organisasi yang dipimpin yang bertanggungjawab kepada semua pengurusan anak buah kapal iaitu kakitangan serta penentuan arah tuju kapal iaitu matlamat dan pencapaian yang dihasratkan atau dipertanggungjawabkan.

Dalam masa yang sama katanya, harus dilihat muatan dan penampung-penampung kapal adalah merupakan sebagai pelanggan yang perlu diberikan perhatian mengenai kesempurnaan, keselamatan, keselesaan dan kepuasan mereka.

Ke arah usaha meningkatkan kecekapan, keberkesanan dan produktiviti serta mutu perkhidmatan sesebuah organisasi, jelas Dato Paduka, maka adalah penting bagi setiap organisasi itu mempunyai misi, matlamat dan strategi yang jelas.

Juga penting ialah menilai semula misi, matlamat, fungsi dan strategi yang digunakan dalam melaksanakan sesuatu projek atau program kerana tanpa penelitian dan penilaian semula sesebuah organisasi itu tidak akan mengetahui kelemahan-kelemahan yang harus diperbaiki dan diatasi agar kelemahan yang sama tidak berlarutan.

Taklimat mengenai Program Peningkatan Pencapaian (OD) dan Taklimat Program Kaunseling Melalui Terapi Berkumpulan (OB) yang disampaikan oleh Pengarah IPA, Dato Paduka Malai Haji Ali itu dihadiri oleh ketua-ketua jabatan, timbalan ketua-ketua jabatan serta pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Sementara itu, Pemangku Penolong Pengarah IPA, Awang Haji Duraman dalam ucapan alu-aluannya menerangkan bahawa antara tujuan program tersebut ialah untuk meningkatkan kesedaran tentang perilaku dan perkembangan organisasi, mewujudkan kepekaan terhadap kemajuan organisasi dari aspek sistem dan budaya di samping menjurus ke arah kesempurnaan moral dan etika organisasi.

Katanya, program tersebut adalah merupakan salah satu usaha kerajaan melalui IPA untuk mengaktifkan semula 'Action Team' atau Pasukan Tindakan yang ditubuhkan pada awal tahun 1990 kepada setiap kementerian dan jabatan yang kurang keberkesanannya sejak akhir-akhir ini.



DATO Paduka Haji Hazair, ketua-ketua jabatan dan timbalan ketua-ketua jabatan serta pegawai-pegawai kanan kerajaan ketika hadir di Majlis Pelancaran Program Organisasi (OB) Kaunseling Melalui Terapi (OB) Melalui Syura yang bertepatan 'Ke Arah Al-Falaah Dalam Perkhidmatan Awam'.



PARA pegawai wanita dari kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan yang menyertai program tersebut di IPA, Kampong Rimba.

Agensi kerajaan prihatin kebakaran di Kampong Ayer

Oleh Aliddin HM

BANDAR SERI BEGAWAN, 18 Mac. - Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Dani menyeru orang ramai supaya bersatu padu dalam mengambil perhatian yang berat dalam usaha mencegah kebakaran terutama sekali bagi penduduk di Kampong Ayer.

Dato Paduka Awang Haji Dani membuat seruan itu di Majlis Taklimat Tindakan Awal Mencegah Kebakaran yang berlangsung di Sekolah Melayu Lela Menchanai di sini.

Langkah awal yang diambil, kata beliau adalah dengan memberikan taklimat adalah merupakan langkah pemedulian dan keprihatinan agensi-agensi kerajaan yang terlibat langsung dalam hal kebakaran.

Beliau menambah, taklimat ini adalah bagi memberi nasihat-nasihat atau keperluan-keperluan terhadap persediaan dan tindakan-tindakan awal yang perlu diambil bagi mencegah kebakaran.

Katanya, anak-anak kampung berperanan untuk mendukung dan melaksanakan rancangan yang dibuat dan diatur oleh pemimpin kampung.

Pencegahan kebakaran itu adalah tanggungjawab kita bersama dalam sama-sama menangani sebarang berlakunya kebakaran, ujar beliau.

Beberapa agensi kerajaan yang terlibat dalam menangani kebakaran itu rata-rata mengatakan bahawa punca kebakaran itu berlaku adalah dari sikap lalai dan leka. Di samping kurang mematuhi segala selamat alat elektrik.

Sementara itu mengikut peraturan di bawah Akta Kesalahan-kesalahan Kecil Penggal 30, barang sesiapa yang membina dan menambah bangunan tanpa kebenaran Pegawai Daerah akan dijatuhi denda \$3,000 atau penjara enam bulan.

Ketua Pegawai Perhubungan Awam, Jabatan Perkhidmatan Bomba, Awang Haji Soplan bin Awang Haji Tahir dalam taklimatnya antara lain menyentuh mengenai kurang pengawasan tentang penggunaan kelengkapan dan peralatan elektrik merupakan punca berlakunya kebakaran yang sering terjadi iaitu dari sikap lalai dan leka.

Di samping itu, beliau menunjukkan cara-cara penggunaan alat pemadam api apabila berlaku sebarang kebakaran di rumah.

Sementara wakil dari Jabatan Perkhidmatan Elektrik pula berkata, salah satu punca kebakaran ialah pemakaian kuasa tenaga elektrik yang berlebihan seperti penggunaan adaptor yang berkuasa tinggi yang dibiarkan berfungsi dalam jangka masa yang terlalu lama.

Wakil dari peguam negara dalam taklimatnya menyentuh mengenai dengan peraturan dan hukuman yang akan dikenakan ke atas mereka yang menyalahi akta pembinaan bangunan di Kampong Ayer.

Mengikut rekod kebakaran, setiap kebakaran yang berlaku di Kampong Ayer melibatkan lima hingga 100 lebih buah rumah. Antara punca-punca kebakaran yang berlaku ialah kecuaiian seperti meninggalkan api dapur terbiar, membiarkan anak-anak bermain api, pemasangan pendawaian talian elektrik yang tidak mendapat kebenaran, penggunaan tenaga elektrik yang berlebihan serta kebakaran yang disengajakan.

Taklimat itu dianjurkan oleh Jawatankuasa Menangani Hal EHWal Kebakaran Kampong Ayer dan dikendalikan bersama oleh Majlis Perundingan Kampong Lorong Sikuna dan Majlis Perundingan Kampong Peramu dan ianya merupakan sesi pertama dan akan dilartatkan ke mukim-mukim yang lain di Kampong Ayer.



PEGAWAI Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Dani ketika berucap di Majlis Taklimat Tindakan Awal Mencegah Kebakaran menyeru orang ramai bersatu padu dalam usaha mencegah kebakaran terutama sekali penduduk di Kampong Ayer. Hadir sama di majlis taklimat itu ialah Pengarah Perkhidmatan Bomba dan wakil dari Jabatan Perkhidmatan Elektrik. - Gambar oleh Abdullah HAD.



K'jaan belanja \$1.6 juta beli racun kimia

Oleh Abdullah Asgar

lepas.

"Kesemua perintah dan peraturan ini adalah untuk memastikan setiap makanan yang disajikan, sama ada yang diimport ataupun yang dihasilkan sendiri adalah selamat untuk dimakan dan berkualiti tinggi," katanya.

Jelasnya, dengan adanya undang-undang itu ia akan lebih melindungi pengguna, di samping menggalakkan peladang tempatan menghasilkan keluaran pertanian yang berkualiti tinggi, bersih dan selamat untuk dimakan serta mengawal perosak tanaman dengan menggunakan racun kimia secara minima.

Ke arah mematuhi peraturan itu, tambahnya Jabatan Pertanian akan sentiasa memantau tahap sisa bagi racun bagi keluaran pertanian yang dihasilkan dalam negeri dan yang diimport.

Menurutnya lagi, Pengurusan Musuh Bersepadu atau Integrated Pest Management (IPM) ialah satu sistem pengurusan perosak yang melibatkan penggunaan kesemua kaedah dan teknik yang beresesuaian untuk mengurangkan populasi perosak. Konsep IPM juga mengutamakan aspek-aspek pemeliharaan ekologi dan alam sekitar.

Dalam hubungan ini jelasnya, Negara Brunei Darussalam ketika ini telah pun melaksanakan projek perintis pengeluaran limau manis mengikut strategi IPM tersebut.

Beliau menambah kata, Institut Sumber-sumber Kebangsaan bagi Pentadbiran Pembangunan Luar Negeri menganggarkan kerugian global akibat serangan perosak ialah kira-kira AS\$300 ke 350 bilion ringgit atau sama nilainya dengan kira-kira 35 peratus penghasilan global dalam makanan serta pembekalan.

Menyentuh mengenai Mesyuarat AWGATE, ia memainkan peranan penting dalam melaksanakan program Pengurusan Musuh Bersepadu (IPM) bagi tanaman padi, jagung, bawang, limau bali dan mangga.

Mesyuarat AWGATE, jelasnya juga akan diharapkan melebarkan perannya untuk meliputi tanaman yang lain dan meninjau bidang yang lebih maju selain IPM, di samping membuat saranan yang boleh mendukung sepenuhnya konsep IPM dalam mengawal perosak tanaman dengan cara yang lebih jimat dan mesra alam.

Di samping itu, katanya negara-negara ASEAN haruslah mengambil peranan yang proaktif bagi memastikan akan penghasilan dan produk makanan adalah selamat untuk dimakan.

Manakala itu, Jabatan Pertanian dalam siaran medianya menjelaskan mengenai mesyuarat tersebut Negara Brunei

Darussalam akan sentiasa mendukung semua kegiatan AWGATE dalam pelaksanaan IPM di mana Jabatan Pertanian telah melaksanakan projek perintis menggunakan sistem IPM pada dua ladang limau manis iaitu ladang di Mukim Labi, Belait dan Mukim Kupang, Tutong.

Mesyuarat dua hari itu menurut siaran itu lagi akan membincangkan kerjasama ASEAN dalam latihan dan pembangunan rancangan-rancangan di dalam mempromosikan dan memastikan penggunaan sistem IPM pada ladang-ladang yang diusahakan oleh negara-negara ASEAN.



PEMANGKU Pengarah Pertanian, Dr. Awang Haji Mohamad Yusof bersama para peserta dari negara-negara ASEAN sejurus merasmikan Mesyuarat Ke-8 Kumpulan Kerja Sektoral ASEAN Mengenai Latihan dan Pengembangan Pertanian (AWGATE). Majlis berlangsung di sebuah hotel di Jerudong. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

PEMANGKU Pengarah Pertanian, Dr. Awang Haji Mohamad Yusof bin Haji Mohidin menjelaskan, kerajaan telah memperketatkan Peraturan Makanan dan Kesihatan Awam sejak tahun lepas. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

JERUDONG, 20 Mac. - Negara membelanjakan kira-kira \$1.6 juta bagi membeli racun kimia untuk kegunaan peladang di mana ia dianggap tinggi jika dibandingkan dengan jumlah peladang dan kawasan yang diusahakan di negara ini.

Manakala negara juga masih mengimport sebanyak 70 peratus hasil pertanian dari luar negara bagi memenuhi keperluan domestik.

Pemangku Pengarah Pertanian, Dr. Awang Haji Mohamad Yusof bin Haji Mohidin berkata demikian ketika berucap sebelum membuka rasmi Mesyuarat Ke-8 Kumpulan Kerja Sektoral ASEAN Mengenai Latihan dan Pengembangan Pertanian (AWGATE) di sebuah hotel di Jerudong.

Menurutnya, dalam usaha melindungi peladang dan pengguna di negara ini, kerajaan telah memperketatkan Peraturan Makanan dan Kesihatan Awam dan telah meluluskan Perintah Darurat (Kesihatan Awam), Perintah Makanan 1998 dan Peraturan Kesihatan Awam (Makanan) 2000, Januari



KEBAWAHA BERANGK KEHIDUPA

Gambar-gambar oleh
Pengiran Haji Bahar PHO,
Harun HR, Ramli Tengah, Amat HM,
Abdullah HAD dan Pengiran Rafee PDPHM

KEBAWAHA Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan meninjau sebahagian daripada kemudahan dan keperluan para nelayan yang terdapat di Kampong Batu Marang.



KEBERANGKATAN tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Padang Sekolah Rendah Penglima Barudin, Limau Manis telah dijunjung oleh Penghulu Mukim Pengkalan Batu, Pengarah Haji Buntar bin Haji Serudin. Juga kelihatan ialah Setiausaha-setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Pegawai Daerah Brunei dan Muara (atas kiri). Sementara gambar atas, baginda berkenan beramah mesra bersama penghulu dan ketua-ketua kampung Mukim Pengkalan Batu. Manakala gambar kiri, baginda berkenan menandatangani buku lawatan sempena keberangkatan baginda ke Sekolah Rendah Batu Marang.



KEBAWAHA Duli Yang Maha Mulia berkenan menandatangani buku lawatan ketika berkenan singgah di rumah Penghulu Mukim Pengkalan Batu, Pengarah Haji Buntar (kiri). Sementara gambar kanan, baginda bertitah sesuatu kepada seorang murid mengenai pelajaran yang dipelajari ketika baginda melawat salah sebuah kelas pra di Sekolah Rendah Penglima Barudin, Limau Manis.

DYMM T TINJAU N RAKYAT



Duli Yang Maha Mulla berkenan bertitah sesuatu kepada Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato' mengenai Mukim Pengkalan Batu.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulla berkenan meninjau sendiri dengan lebih dekat persekitaran dan kehidupan rakyat baginda di Kampong Batu Marang.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulla berkenan bergambar kenangan bersama Ketua Kampong Limau Manis dan keluarga (kiri). Sementara gambar atas, baginda berkenan menerima junjung ziarah para penduduk Kampong Limau Manis yang merasa amat bertuah dapat bertemu dengan raja yang dikasihi.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulla berkenan memerhati kelas komputer yang terdapat di Sekolah Rendah Penglima Barudin (kiri). Sementara gambar atas, baginda berkenan melawat sekitar Kompleks Sukan Sungai Asam.

Kebawah DYMM utamakan kesejahteraan rakyat

PENGKALAN BATU, 24 Mac. - Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Mukim Pengkalan Batu adalah sikap pemedulian dan keprihatinan baginda kepada rakyat dan penduduk terhadap kehidupan dan kesejahteraan di negara ini.

Di samping itu baginda dapat beramah mesra bersama rakyat dan penduduk di sesebuah mukim dan kampung yang baginda lawati.

Selepas baginda berangkat melawat ke Mukim Mentiri, baginda seterusnya berangkat melawat ke Mukim Pengkalan Batu, di mana tempat pertama yang baginda lawati ialah Sekolah Rendah Penglima Berudin Limau Manis di sini.

Keberangkatan tiba baginda telah dialu-alukan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Mohiddin dan Setiausaha Tetap di Kementerian Pendidikan, Dato Paduka Awang Haji Alihashim.

Baginda seterusnya dijunjung ke dewan Sekolah Rendah Penglima Berudin Limau Manis, di mana majlis bermula dengan bacaan Surah Al-Faatihah dan doa selamat yang dibacakan oleh imam Masjid Kampung Limau Manis, Pengiran Haji Mahmud.

Majlis diteruskan dengan sembah alu-aluan daripada Penghulu Mukim Pengkalan Batu, Pengarah Awang Haji Buntar bin Haji Serudin yang antara lain menjelaskan mengenai perkembangan dan kegiatan-kegiatan yang diunkayahkan oleh Mukim Pengkalan Batu.

Semasa keberangkatan ini, baginda beramah mesra dan menerima junjung ziarah daripada rakyat dan penduduk mukim.

Oleh Aliddin HM dan
Abdullah Asgar

Seterusnya baginda berkenan berangkat melawat ke beberapa buah bilik darjah Sekolah Rendah Penglima Berudin Limau Manis yang muridnya lebih 100 orang yang belajar dari darjah pra hingga darjah enam dengan 15 orang tenaga pengajar.

Sekolah Rendah Penglima Berudin Limau Manis seperti juga sekolah-sekolah rendah di negara ini mempunyai beberapa kemudahan seperti bilik komputer dan sebagainya.

Dari Sekolah Rendah Penglima Berudin Limau Manis, baginda berkenan berangkat melawat ke rumah Ketua Kampung Limau Manis, Awang Haji Ghaffar bin Haji Sidek.

Kampung Limau Manis mempunyai penduduk seramai 964 orang dengan 114 buah rumah di bawah pengawasan Awang Haji Ghaffar.

Antara kemudahan asas yang disediakan oleh pihak kerajaan ialah jalan raya, perkhidmatan telefon, bekalan elektrik dan air, sebuah sekolah rendah dan sebuah masjid dan balai polis.

Kampung Limau Manis mempunyai keluasan 6.062 kilometer persegi di mana para penduduknya aktif dalam beberapa kegiatan kampung dan sebahagian penduduknya mengusahakan kawasan pertanian persendirian secara kecil-kecilan.

Baginda seterusnya berkenan berangkat ke rumah Penghulu Mukim Pengkalan Batu, Pengarah Awang Haji Buntar bin Haji Serudin yang mempunyai keramaian penduduknya lebih 1,000 orang yang kebanyakannya bekerja dengan pihak kerajaan, swasta

dan ada juga yang menjalankan perniagaan dengan membuka kedai runcit, kedai minum dan perkhidmatan mencuci kereta.

Mukim Pengkalan Batu ini mempunyai keluasan 89 kilometer persegi dan memiliki lebih 900 buah rumah yang terdiri dari lapan buah kampung. Kampung-kampung Junjungan, Pengkalan Batu, Limau Manis, Wasan, Bebuloh, Panchor Murai, Masin dan Batong.

Beberapa kemudahan kerajaan telah disediakan di mukim ini termasuklah sekolah rendah, sekolah agama, balai polis dan pejabat pos.

Dari rumah Penghulu Mukim Pengkalan Batu, baginda seterusnya berkenan berangkat ke rumah Ketua Kampung Junjungan, Awang Haji Tahir bin Jaya di mana baginda sendiri berkenan mendengar beberapa permasalahan yang dihadapi oleh penduduk kampung di kawasan tersebut daripada ketua Kampung Junjungan.

Baginda meneruskan lawatannya ke Mukim Lumapas dan berkenan berangkat ke rumah kedua-dua Ketua Kampung Lumapas 'A' dan 'B' yang mempunyai lebih 2,000 orang penduduk.

Kebanyakan para penduduknya bekerja dengan pihak kerajaan dan sektor swasta serta bekerja sendiri. Seperti juga di mukim-mukim dan kampung-kampung di negara ini, Mukim Lumapas juga menerima kemudahan asas yang diberikan oleh pihak kerajaan.

Ketika di Mukim Lumapas, baginda dijunjung berangkat melawat kompleks sukan di Kampung Sungai Asam.

Tumpuan lawatan baginda ke mukim-mukim dan kampung-kampung di Daerah Brunei dan Muara ini adalah untuk melihat sendiri kemajuan dan perkembangan di mukim dan kampung berkenaan dari segi pendidikan dan pembangunan selain menemui dan beramah mesra dengan rakyat dan penduduk di kawasan tersebut.

Sambutan Awal Tahun Baru Hijrah 1422 di seluruh negara

BANDAR SERI BEGAWAN, 25 Mac. - Umat Islam di negara ini menyambut awal tahun Hijrah 1422 dengan mengadakan majlis doa kesyukuran di masjid-masjid dan surau-surau seluruh negara dengan tumpuan utama di Masjid Omar Ali Saifuddin di ibu negara.

Sebelum sembahyang fardu Maghrib berjemaah, doa kesyukuran menandakan berakhirnya tahun Hijrah 1421 telah dibacakan oleh Awang Haris bin Haji Suboh yang juga membacakan doa bagi mengalu-alukan Awal Tahun Hijrah 1422.

Sembahyang fardu Maghrib dan Isyak berjemaah diimamkan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Haji Awang Hamidon. Majlis sambutan kemudiannya diselenggarakan dengan ceramah khas yang telah disampaikan oleh Dr. Haji Mohd. Zambri.

Hadir di majlis itu ialah Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Pengiran Dato Paduka Haji Yusof bin Pengiran Kula serta pegawai-pegawai kanan yang lain.

Penceramah undangan dalam ceramahnya antara lain menyentuh mengenai sejarah bermulanya penggunaan tahun Hijrah serta kisah penghijrahan junjungan besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi

Oleh Sahari Akim

Wasallam dari Mekah ke Madinah untuk mengembangkan dan menegakkan syiar Islam.

Pahit maung yang dihadapi Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hijrah Baginda itu sarannya, hendaklah diambil iktibar oleh umat Islam untuk memperkukuhkan dan meningkatkan lagi keimanan kepada Allah Subhanahu Wataala.

Begitu juga dengan azam dan kesabaran Baginda menyatupadukan ummah serta mengembangkan ajaran Islam dengan menghadapi pelbagai rintangan dan halangan itu tamahnya, hendaklah dijadikan sebagai pendorong kepada umat Islam hari ini untuk terus berusaha menyebarkan dan menegakkan syiar Islam.

Dalam konteks dunia moden ini beliau menyarankan agar umat Islam berhijrah dari yang kurang baik kepada yang lebih baik dengan meninggalkan segala yang dilarang serta mengerjakan apa jua yang disuruh oleh ajaran Islam.

Tema sambutan awal Hijrah tahun ini ialah 'Maju Bangsa Sejahtera Negara Berlandaskan Ajaran Islam.'



SETIAUSAHA Tetap di Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Hazair ketika mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif E-Kerajaan. Majlis berlangsung di Kementerian Perhubungan. - Gambar oleh Halim HS.

J-kuasa Eksekutif E-Kerajaan rancang strategi ICT

Oleh Abu Bakar HAR

BERAKAS, 21 Mac. - Jawatankuasa Eksekutif E-Kerajaan yang baru ditubuhkan telah mengadakan mesyuarat pertamanya hari ini sejak jawatankuasa sementara ditubuhkan tahun lalu yang berlangsung di Kementerian Perhubungan di sini.

Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Hazair antara lain membincangkan rancangan-rancangan dan strategi yang berhubung kait dengan teknologi maklumat dan teknologi komunikasi.

Mesyuarat dihadiri oleh setiausaha-setiausaha tetap beberapa

kementerian dan pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Jawatankuasa e-kerajaan sementara yang ditubuhkan tahun lalu adalah bagi mempromosikan penggunaan meluas mengenai dengan teknologi maklumat di negara ini dengan menitikberatkan kesedaran di kalangan orang awam tentang pelaksanaan teknologi maklumat dan sektor kerajaan.



Rombongan media Republik Korea diraikan

SETIAUSAHA Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Hazair berbual mesra bersama rombongan media dari Republik Korea di Majlis Makan Malam yang berlangsung di Kelab Polo Jerudong (kiri). Sementara gambar kanan, Dato Paduka Haji Hazair menyampaikan cenderamata kepada ketua rombongan media dari Republik Korea. - Gambar oleh Hamadi HM.

JERUDONG, 21 Mac. - Rombongan media dari Republik Korea yang tiba ke negara ini bagi lawatan selama tiga hari diraikan dengan Majlis Makan Malam yang berlangsung di Kelab Polo Jerudong.

Majlis tersebut diberikan oleh Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Hazair.

Majlis Makan Malam itu juga dihadiri oleh Pengarah Pe-

Oleh Abu Bakar HAR

nerangan, Abd. Ghani dan Timbalan Pengarah Radio dan Televisyen Brunei, Awang Haji Mohd. Yusof.

Sejurus selepas Majlis Makan Malam, para delegasi media dari Republik Korea itu juga dibawa untuk menyaksikan keindahan Taman Permainan Jerudong Park.



PEMERINTAH Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei, Yang Dimulikan Pehin Datu Panglima Kolonel Haji Awang Abdul Jalil ketika menyampaikan sijil kepada seorang anggota ATLDB yang menamatkan latihan di Sekolah Teknikal Tentera Laut. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.

Kemahiran kejuruteraan marin diperlukan

MUARA, 23 Mac. - Seramai 77 orang anggota Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei (ATLDB) yang tamat menjalani latihan di Sekolah Teknikal Tentera Laut menerima sijil-sijil mereka di Sekolah Rendah Pengkalan Tentera Laut, di sini.

Majlis Penyampaian Sijil berkenaan telah disempurnakan oleh Pemerintah Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei, Yang Dimulikan Pehin Datu Panglima Kolonel Haji Awang Abdul Jalil.

Sementara itu, Pegawai Pemerintah Sekolah Teknikal Tentera Laut, Mejar (L) PA Hart Frigs dalam kata alu-aluannya menekankan bahawa dengan adanya kapal baru yang akan diterima pada tahun 2003 nanti, adalah sangat penting bagi negara ini mempunyai anggota teknikal yang berkelayakan tinggi dan layak menjawat jawatan di ATLDB untuk bertugas di sistem marin dan sistem jurutera senjata.

Oleh Samle HJ

Tambahnya, permintaan yang besar ketika ini adalah untuk melatih anggota tentera mengenai kapal baru iaitu antara kapal yang paling tercanggih dan termaju di dunia di kalangan kapal perang yang ada pada ketika ini.

Lima anggota ATLDB terbaik dalam tujuh jurusan ialah Edyi Hasfianto terbaik dalam Marine Engineering M2/2000; Abdul Suwardy terbaik dalam Weapon Engineering and Leadership M2/2000; Pengiran Md. Ranul Yassin terbaik dalam M3 Technical Induction Course, Amarizal terbaik dalam Fire Fighting and Damage Control M3 dan Erwinizan pula dipilih terbaik dalam M3 Technical Induction Course Siri 1 dan Firefighting and Damage Control M3.

Pelajar terbaik dalam Weapon Engineering M2 and Leadership M2, Abdul Suwardy ketika ditemui bual berkata, sepanjang latihan mereka telah banyak mempelajari bidang teknikal perkapalan.

Menurutnya, ianya juga menitikberatkan kepada kefahaman yang mendalam terutama bidang komunikasi, radar serta senjata.

Dayang Hartinee binti Ismail yang menyertai Basic Safety, Fire Fighting and First Aid Course pula percaya latihan berkenaan akan melengkapkan lagi diri selaras dalam suasana kerja sehari-hari.

Selain menjalani latihan wajib sepanjang kursus, anggota berkenaan telah ditempatkan di kapal-kapal dan menjalani latihan kepimpinan serta aktiviti-aktiviti di air.

64 keping gambar diwakafkan

BANDAR SERI BEGAWAN, 17 Mac. - Awang Haji Tarsad bin Haji Damit muncul sebagai pemenang, sementara Awang Shamsul Bahrin bin Haji Wasthi dipilih selaku Jurugambar Terbaik dalam Pameran Fotografi yang dianjurkan oleh Masjid Kampong Tamoi.

Dalam pameran tersebut sebanyak 64 keping gambar telah dipertandingkan sekali gus untuk diwakafkan kepada masjid tersebut hasil daripada 28 orang jurugambar yang mana dua orang antaranya merupakan jurugambar wanita.

Hadir menyempurnakan Majlis Perasmian dan Penyampaian Hadiah Pameran Fotografi hari itu ialah Pengarah Pentadbiran, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Saifon bin Haji Awang Besar.

Awal dari itu, dalam ucapan Pengerusi Majlis selaku imam masjid berkenaan, Awang Haji Mohd. Daud bin Haji Abdul Kadir menerangkan, pameran yang diadakan itu merupakan pameran pertama pernah diadakan oleh mana-mana masjid di negara ini.

Antara matlamat peraduan yang diadakan, jelas beliau adalah sempena dengan Tahun Melawat Brunei 2001 dan Hari Kebangsaan di samping diharap dapat menarik minat orang ramai untuk datang ke masjid yang sekali gus memakmurkannya serta menarik minat jurugambar tempatan sama ada profesional atau amatir di

negara ini terhadap apa jua kegiatan takmir masjid dan menjadikannya bahan mengembangkan syiar Islam.

Pameran malam itu turut diserikan lagi dengan ketibaan serombongan belia-belia masjid seramai 85 orang yang mengikuti Program Ekspedisi Berbasikal Minal Masjid Ilal Masjid yang dianjurkan bersama oleh Jawatankuasa Takmir Masjid Kampong Tamoi, Masjid Kampong Bunut, Jame' 'Asr Hassanil Bolkihah dan Surau Kampong Tanjung Bunut.

Belia-belia masjid berkenaan telah tiba di Masjid Kampong Tamoi pada petang hari tersebut untuk bermalam sebelum meneruskan perjalanan ke Jame' 'Asr Hassanil Bolkihah keesokan harinya.

Menyentuh penglibatan belia itu, imam Masjid Kampong Tamoi sekali lagi menyeru para belia supaya akan sentiasa meneliti dan bersedia dengan cabaran kehidupan zaman yang serba moden ini, di samping berharap dengan adanya program seperti itu, mudah-mudahan para belia akan terhindar daripada gejala-gejala yang tidak sihat yang boleh mengancam kehidupan masa depan.

Masjid Kampong Tamoi mula digunakan pada awal tahun 1999. Walaupun pada dasarnya masjid ini belum dirasmikan namun pelbagai program telah berjaya dilaksanakan oleh ahli-ahli jawatankuasanya.

Oleh
Abu Bakar HAR



PENGARAH Pentadbiran Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Saifon bin Haji Awang Besar ketika menyaksikan pameran yang dianjurkan oleh Masjid Kampong Tamoi. - Gambar oleh Amat HM.

BERAKAS, 21 Mac. - Pengarah Penerangan berkata, laporan berita yang tepat dan seimbang adalah penting dalam media disebabkan ianya boleh mempengaruhi pemikiran masyarakat apatah lagi dalam era teknologi di mana kegiatan yang berlaku di setiap sudut dunia boleh diikuti di merata negara.

Abd. Ghani bin Pg. Hj. Metusin membuat penekanan itu kepada serombongan sebelas orang wartawan dari Republik Korea yang mengadakan lawatan ke Jabatan Penerangan di sini.

Dalam pada itu beliau berharap taklimat yang diperolehi dalam

Ketepatan berita paling penting

Oleh Siti Muslihat HS

lawatan singkat itu akan dapat dijadikan rujukan yang berguna dalam membuat laporan mengenai Negara Brunei Darussalam di masa hadapan.

Di waktu yang sama, kita di Negara Brunei Darussalam juga katanya, berusaha untuk mengambil peluang bagi memahami lebih mendalam mengenai Republik Korea (ROK) ke arah mencapai objektif Program Pertukaran Media ASEAN dan ROK.

"Dengan adanya komitmen semua pihak, program pertukaran ini akan mencapai kejayaan bagi semua peringkat masyarakat dalam memperdalam pengetahuan mengenai negara-negara ASEAN dalam Republik Korea," tegasnya lagi.

Semasa berada di sini, rombongan pelawat juga mendengar penerangan mengenai sejarah dan latar belakang struktur Kerajaan Negara Brunei Darussalam, yang disampaikan oleh Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Awang Haji Yusof bin Haji Ladi.

Menyentuh mengenai tenaga kerja di negara ini, beliau menjelaskan terdapat peningkatan kadar tenaga kerja masing-masing di sektor kerajaan dan sektor swasta sejak tahun 1960 hingga tahun 2000.

Menurut statistik yang dipaparkan dalam sesi taklimat tersebut, terdapat peningkatan jumlah tenaga kerja setiap tahun. Di tahun 1960 jumlah tenaga kerja di kedua-dua sektor kerajaan dan swasta adalah berjumlah 24,830 berbanding 130,000 dalam tahun 2000.

Pada tahun 1960, tenaga kerja di sektor kerajaan hanyalah sekitar 6,720 orang berbanding 18,110 di sektor swasta ketika itu. Manakala di tahun 2000 jumlah tenaga kerja meningkat kepada 59,800 di sektor kerajaan berbanding 70,200 di sektor swasta.

Delegasi seramai sebelas orang wartawan profesional dari media cetak dan elektronik diketuai oleh Awang Seung-il Kim.

Dalam rangka lawatan kerja selama sehari ke negara ini, rombongan diaturnya dengan atur cara yang padat termasuk perjumpaan dengan Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, sesi taklimat mengenai kemajuan ekonomi dan Tahun Melawat Brunei (VBY 2001).

Dari Negara Brunei Darussalam, mereka akan meneruskan Program Lawatan Pertukaran Media ke Republik Indonesia.



PENGARAH Penerangan, Abd. Ghani bin Pg. Hj. Metusin menjelaskan bahawa Negara Brunei Darussalam berusaha bagi memahami lebih dalam mengenai Republik Korea ke arah mencapai objektif Program Pertukaran Media ASEAN dan Republik Korea. - Gambar oleh Amat HM.

984,093 orang melancong ke Brunei tahun 2000

BERAKAS, 21 Mac. - Industri pelancongan di negara ini akan terus berkembang sejajar dengan hasrat negara untuk menjadikannya sebagai penyumbang pertumbuhan ekonomi selain dari bergantung kepada hasil galian minyak dan gas.

Bagi menyokong hasrat ini, Unit Pelancongan di Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama telah membuat perancangan di masa hadapan bagi memajukan pelancongan dalam sukan, konvensyen, penyelidikan dan pendidikan sebagai satu usaha menarik minat pelancong-pelancong luar negara mengunjungi negara ini.



PEMANGKU Ketua Unit Promosi Perindustrian dan Kemajuan Pelancongan, Awang Haji Latif bin Haji Aspar ketika menyampaikan taklimat mengenai industri pelancongan di negara ini kepada rombongan media Republik Korea. - Gambar oleh Amat HM.

Oleh Abdullah Asgar

Perkara ini antara yang disentuh oleh Pemangku Ketua Unit Promosi Perindustrian dan Kemajuan Pelancongan, Awang Haji Latif bin Haji Aspar ketika menyampaikan taklimatnya kepada rombongan media Republik Korea di Jabatan Penerangan di sini.

Rombongan media Republik Korea itu terdiri 11 orang yang berada di negara ini bagi menyertai Rancangan Pertukaran Korea-ASEAN selama tiga hari.

Menurut beliau, tahun lalu saja lebih 984,093 orang pelancong tiba di negara ini termasuk 1,741 orang daripadanya adalah pelancong Korea.

Katanya, walaupun jumlah ini kecil, tapi ia menunjukkan pertambahan daripada tahun sebelumnya dan tarikan pelancongan daripada Korea yang tidak termasuk dalam senarai oleh pelancongan negara akan dimasukkan di masa akan datang.

Selain itu jelasnya, satu pakej pelancongan akan diperkenalkan menjelang tahun 2003 bersama agensi-agensi pelancongan dari China; Hong Kong; Korea; Jepun dan Australia untuk melancong dan melawat keempat tempat di Pulau Borneo termasuk Negara Brunei Darussalam, Sabah, Sarawak dan Wilayah Kalimantan.

Di samping itu, menurutnya lagi, sebagai menambah potensi ekopelancongan yang ada sekarang dalam Rancangan Kemajuan Negara Ke-8 (RKN) satu lagi kawasan ekopelancongan akan dimajukan di kawasan Tutong.

Menyentuh mengenai dengan projek menarik pelancong tahun 2001 khususnya pelancong-pelancong dan luar negara dari Republik Korea, satu bengkel menarik pelancong akan diadakan bulan Mei ini di Korea yang dibiayai sendiri dan akan disertai oleh agensi-agensi dari negara-negara ASEAN.



PENGARAH Penerangan dan pegawai-pegawai dari Jabatan Penerangan bergambar kenangan bersama rombongan wartawan dari Republik Korea yang mengadakan lawatan ke Jabatan Penerangan. - Gambar oleh Abdullah HAD.



PARA pegawai dari Jabatan Penerangan mengalu-alukan kehadiran para wartawan dari Republik Korea yang mengadakan lawatan ke Jabatan Penerangan baru-baru ini. - Gambar oleh Abdullah HAD.

Ekonomi..... Ekonomi..... Ekonomi..... Ekonomi.....

Oleh Sahari Akim

GADONG, 22 Mac. - Para eksekutif komuniti sektor awam dan swasta dikejutkan akan dapat meningkatkan kesedaran dalam memanfaatkan perubahan-perubahan serta menilai kesan Pelaksanaan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) terhadap ekonomi tempatan, perdagangan dan perniagaan peringkat serantau dan antarabangsa melalui seminar sehari 'AFTA dan Kesannya Kepada Perniagaan Di Brunei Darussalam'.

Pemangku Pengarah Pusat Pengurusan ASEAN-EC, Pengiran Mohd. Salleh bin Pengiran Kamaluddin menyatakan perkara tersebut dalam satu sidang media mengenai seminar yang diadakan pada hari Sabtu, 24 Mac lalu berlangsung di Pusat ASEAN-EC di sini.

Menurut Pengiran Mohd. Salleh, Negara Brunei Darussalam sebagai negara pengimport tertinggi di ASEAN akan menerima pelaksanaan AFTA terutamanya peniaga kecil dan sederhana yang merangkumi sebahagian daripada sektor bukan minyak dengan saiz eksport yang berpotensi.

AFTA diwujudkan oleh negara-negara anggota ASEAN di bawah penandatanganan Deklarasi Singapura pada bulan Januari 1992 dan akan dilaksanakan sepenuhnya menjelang tahun 2003 itu, menandakan komitmen ke arah mempergiatkan kerjasama ekonomi di rantau ini.

Ia menjurus kepada penghapusan halangan-halangan bagi mewujudkan perdagangan lebih bebas di kalangan anggota termasuk penghapusan tarif dan cukai yang tinggi ke atas barangan yang diperniagakan di samping mengahkis jumlah larangan dan lain-lain halangan bukan tarif.

Seminar itu antara lain bertujuan untuk meningkatkan kesedaran serta memberikan pendedahan mendalam kepada para peserta terhadap konsep dan rangka kerja serta prosedur AFTA, menganalisa kesan AFTA dari segi potensi, cabaran-cabarannya baik di peringkat makro dan juga firma-firma di samping garis panduan dan strategi-strategi memaksimumkan faedah AFTA.

Sementara itu pihak ASEAN-EC telah mengundang Dr. Mohd. Hafiah Pici, Timbalan Pengarah Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) dan Awang Lim Jock Hoi, Pengarah Perhubungan Antarabangsa dan Perdagangan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama sebagai penceramah seminar tersebut.

Dr. Mohd. Hafiah memperkatakan mengenai 'Pengenalan : Teori Integrasi Ekonomi Serantau', 'Rangka Kerja dan Modaliti AFTA', 'Prosedur Kesesuaian dan Pengesahan Produk Serta Pemberian Kuasa AFTA/CEPT', 'Jumlah Larangan (Qrs dan Halangan Bukan Tarif (NBTs) Dalam Konteks AFTA', perbincangan meluas mengenai inisiatif-inisiatif kerjasama ASEAN yang lain bagi mendukung AFTA seperti AICO dan AIA, 'Kesan AFTA Di Peringkat Makro atau Firma, Garis Pandu dan Strategi Ke Arah Memaksimumkan AFTA', manakala Awang Lim Jock Hoi pula memperkatakan mengenai 'Kesan AFTA Kepada Perniagaan Di Brunei Darussalam'.

Seminar disertai oleh lebih daripada 70 peserta itu juga diselenggarakan dengan sesi perbincangan oleh empat ahli panel terdiri daripada Awang Mohd. Eusoff Agaki bin Haji Ismail, Pengawal Kastam dan Elosais Diraja; Awang Lim Jock Hoi; Dr. Hafiah Pici dan Awang Haji Sazali bin Dato Haji Sulaiman, Senior Partner KPMG.

Perbincangan tersebut dipengerusikan oleh Pemangku Pengarah Pusat Pengurusan ASEAN-EC, Pengiran Mohd. Salleh bin Pengiran Haji Kamaluddin.

AFTA - kesannya kepada perniagaan di Brunei



PEMANGKU Pengarah Pusat Pengurusan ASEAN-EC, Pengiran Mohd. Salleh bin Pengiran Kamaluddin menjelaskan mengenai seminar sehari itu bertajuk mengenai 'AFTA dan Kesannya Kepada perniagaan Di Brunei Darussalam' kepada para wakil media di negara ini.

MEMPELBAGAIKAN SUMBER EKONOMI

Oleh Sahari Akim

MEMANTAPKAN ekonomi negara merupakan salah satu agenda utama ke arah memastikan wujudnya kestabilan, kemakmuran serta kesejahteraan rakyat dan negara secara berterusan. Ke arah itu kerajaan memberikan penekanan supaya sumber ekonomi dipelbagaikan agar kita tidak terus bergantung kepada sumber minyak dan gas semata-mata.

Untuk mencapai matlamat itu, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah merancang dan melaksanakan program-program yang boleh menjaga pertumbuhan ekonomi dalam pelbagai sektor. Ia meliputi bidang-bidang perniagaan pelaburan, perusahaan, pertanian dan seumpamanya.

Kerajaan melalui agensi-agensi berkenaan menyediakan pelbagai peluang, bantuan dan insentif kepada rakyat dan penduduk negara ini bagi menggalakkan mereka menceburi kegiatan ekonomi. Peluang-peluang yang disediakan itu seharusnya direbut dan dimanfaatkan untuk memajukan diri dan negara amnya.

Sememangnya terdapat peluang-peluang perniagaan mega di sektor-sektor seperti kewangan, perbankan, sekuriti, insurans, cari gali minyak, binaan, telekomunikasi, perkapalan, pengangkutan, perkilangan, ter-

nakan dan perladangan, usaha sama pelaburan dan lain-lain yang boleh diraih oleh para konglomerat yang berkemampuan.

Para peniaga kecil dan sederhana yang merangkumi lebih kurang 90 peratus daripada keseluruhan kegiatan ekonomi di negara ini juga berpeluang bukan sahaja memperkukuh perniagaan yang sudah sedia ada atau meneroka bidang-bidang lain, malah akan dapat juga menerima limpahan atau faedah urus niaga daripada kegiatan-kegiatan ekonomi mega tersebut.

Urus niaga di kalangan negara-negara ASEAN keseluruhannya jika dimanfaatkan pula akan membuka lebih banyak peluang. Dari segi pasaran, terdapat setengah bilion penduduk dengan Keluaran Kasar Dalam Negara berjumlah 700 bilion ringgit Amerika.

Bagi menggiatkan dan memudahkan urus niaga di kalangan negara-negara ASEAN, AFTA (Kawasan Bebas Cukai ASEAN) telah diwujudkan di bawah Deklarasi Singapura sekitar tahun 1992. Komitmen tersebut menjurus kepada penghapusan kepada halangan-halangan termasuk tarif dan cukai

bagi barangan yang diperniagakan.

Sementara itu, Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik - APEC yang ditubuhkan pada bulan November 1989 di Australia dan kini dianggotai oleh 21 buah ekonomi mempunyai matlamat untuk menambah kemandirian ekonomi bagi semua anggota di arena perdagangan dunia. APEC memilih keterbukaan perdagangan dunia dan tidak menggalakkan perlindungan atau penubuhan blok perdagangan.

APEC mempunyai pelbagai pelan tindakan, program-program, jawatankuasa-jawatankuasa dan sebagainya untuk memajukan kerjasama perdagangan di samping memantau aliran perdagangan untuk menjaga kepentingan semua pihak.

Dalam usaha mengembangkan pertumbuhan ekonomi, kerajaan bertindak selaku pemudah cara dengan memberikan bantuan sama ada berupa dana pinjaman modal, prasarana kemudahan asas, tapak kawasan atau bangunan, garis pandu, latihan, subsidi peralatan, baja, racun serangga dan seumpamanya.

Terpulanglah kepada komuniti peniaga dan pengusaha untuk mengambil peluang-peluang yang terdapat bukan sahaja di negara ini, tetapi juga di peringkat serantau dan antarabangsa.

Bincangkan empat perkara utama

Oleh Abdullah Asgar

BERAKAS, 22 Mac. - Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Rancangan E-Perniagaan (EBPEC) kali pertama diadakan di Kementerian Perhubungan yang dihadiri oleh ahli-ahli EBPEC dan dipengerusikan oleh Awang Warner G.N. Manning yang juga selaku ahli kepada Majlis Teknologi Maklumat Brunei (BIT).

Mesyuarat setengah hari itu antara lain telah membincangkan empat perkara utama khususnya dalam teknologi maklumat (IT) bagi kepentingan dan peningkatan sektor-sektor perniagaan dan perdagangan di negara ini yang setakat ini kurang memberikan sambutan kepada penggunaan IT.

Antara tajuk yang dibincangkan ialah

taklimat ringkas mengenai 'IT 2000 and Beyond' termasuk Majlis BIT dan E-Kerajaan yang disampaikan oleh Pemangku Pengarah Teknologi Maklumat dan Stor Negara, Awang Haji Mahmud bin Haji Mohd. Daud.

Selain itu syarat bagi rujukan Draf Jawatankuasa Eksekutif Rancangan E-Perniagaan juga dibincangkan sama. Di samping itu tajuk-tajuk dalam 'Draf Pelan Strategik E-Perniagaan - Satu Garis Pandu Rangka Kerja dan Persoalan-persoalan Pelan Strategik E-Perniagaan' juga mendapat perhatian bagi dibincangkan oleh ahli-ahli dalam EBPEC.



MESYUARAT Jawatankuasa Eksekutif Rancangan E-Perniagaan (EBPEC) kali pertama yang dipengerusikan oleh Awang Warner G.N. Manning, seorang ahli Majlis Teknologi Maklumat Brunei (BIT). - Gambar oleh Hamadi HM.

SUKAN SUKAN SUKAN SUKAN



TAHNIAH ... Duli Yang Teramat Mulia menerima sijil penyertaan yang disampaikan oleh Pegawai Pengurus dan Pemasaran Meridian Atlanta, Amerika Syarikat, Svein Romstad. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Pemasaran sukan selaras matlamat peniaga

Oleh
Haji Ahat HI

BADAN-BADAN atau pertubuhan sukan serantau dan antarabangsa disaran memprogram pemasaran yang berkaitan dengan sukan, selaras dengan matlamat masyarakat peniaga.

Svein Romstad, Pegawai Pengurus dan Pemasaran Meridian Atlanta, Amerika Syarikat, ketika menyatakan perkara itu semasa menyampaikan ceramah di Seminar Pemasaran Olimpik Perpaduan menjelaskan, dengan pengurusan yang teratur dan cekap pemasaran dalam sukan akan dapat dilaksanakan dengan berjaya.

Pemasaran dalam sukan tambahnya, berperanan amat penting dan pengurusannya yang meliputi aspek kewangan, kajian jangka panjang dan pengagihan sumber pendapatan.

Sehubungan itu katanya, pihak-pihak Olimpik perlu memahami keperluan para peniaga dan program yang ditawarkan bagi mematuhi kehendak yang diperlukan.

Berangkat menyertai seminar dua hari di Dewan Kuliah, Stadium Negara Hassanal Bolkiah itu ialah Duli Yang Ter-

kerjasama Jabatan Belia dan Sukan dan juga bantuan Jawatankuasa Perpaduan Olimpik Antarabangsa disertai oleh 40 orang peserta.

Selain Pegawai Pengurus dan Pemasaran Meridian Atlanta, Amerika Syarikat, Setiausaha Agung Majlis Olimpik Malaysia, Dato Sieh Kok Chi dan Setiausaha Agung Majlis Olimpik Republik Singapura, Lau Teng Chuan juga menyampaikan ceramah masing-masing

mengenai pengalaman serta pandangan merek dalam mengatur strategi pasaran di negara mereka.

Sementara itu pada hari penutup seminar itu, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah berkenan menerima sijil penyertaan yang disampaikan oleh Pegawai Pengurus dan Pemasaran Meridian Atlanta, Amerika Syarikat.



DULI Yang Teramat Mulia berangkat menyertai Seminar Pemasaran Olimpik Perpaduan di Dewan Kuliah Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas. - Gambar oleh Masri Osman.

Lim juara Kejohanan Snuker Kebangsaan

Oleh Haji Ahat HI

LIM Boon Chun muncul menjuarai kejohanan snuker selepas menundukkan Mohd. Alias lima frame berbalas satu dalam perlawanan akhir di Dewan Billards dan Snooker Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Lim, pemain berusia 21, tahun yang pernah menyertai Kejohanan Remaja Asia beberapa tahun lalu, bermain cukup cemerlang apabila mendahului dua frame awal dengan 52-34, 61-48.

Bagaimanapun di frame ketiga Mohd. Alias bangkit merapatkan jurang 2-1 apabila beliau memenangi perlawanan frame ketiga dengan kiraan 45-61.

Cabarannya kemudian menurun dalam perlawanan frame keempat apabila tewas 67-34, yang menjadikan Lim Boon Chun terus mengatasi 3-1.

Mutu permainan yang terus menyerlah memberikan Lim menguasai permainan frame kelima mengatasi Mohd. Alias 65-20 untuk menjadikan kedudukan 4-1.

Dengan hanya memerlukan satu kemenangan lagi, Lim terus beraksi dengan konsisten memasukkan setiap bola dan terus menamatkan permainan frame keenam dengan kemenangan 55-21 menjadikan keseluruhannya 5-1.

Tempat ketiga disandang oleh Sahri Haji Emran yang menumpaskan Abdul Rahim Haji Mohiddin dengan 4-3.

Kejohanan Kebangsaan Billards Snooker dan Pool 2001 itu dianjurkan oleh Persatuan Billards dan Snooker Brunei dengan disertai oleh hampir 50 orang pemain tempatan.



LIM Boon Chun yang bertemu Mohd. Alias bermain cemerlang untuk muncul sebagai juara dengan kemenangan 5-1 dalam perlawanan akhir. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

SKUAD BOLING AZAM AKSI CEMERLANG

Oleh Haji Ahat HI

SKUAD Ten Pin Bowling Sekolah-sekolah Asian berazam akan mempamerkan permainan cemerlang, apabila beraksi di Kejohanan Bowling Ke-4 Fiq Asian Schools di Bangkok Thailand, yang akan berlangsung mulai 11 hingga 18 April depan.

Menurut Pengerusi Jawatankuasa Program Pembangunan Atlet Muda, Kongres Ten Pin Bowling, Pengiran Hajah Rokiah Pengiran Jaya Indera Pengiran Haji Mokhtar Puteh, sepanjang latihan para pemain memperlihatkan semangat yang tinggi dan mempamerkan mutu permainan yang memuaskan.

"Berasaskan kepada semangat dan peningkatan semasa latihan ini, barisan muda ini nampak cukup bersedia dan dijangka berkemampuan memberikan saingan sengit," katanya.

Dalam pada itu tambahnya, kebanyakan pemain-pemain yang dipilih mewakili negara ke kejohanan di Bangkok itu juga mempunyai pengalaman ber-

main dalam kejohanan-kejohanan tempatan dan luar negeri selain mendapat bimbingan dari Haji Yakub Haji Bakar selaku jurulatih dan dibantu oleh Pengiran Saifulkhalid Pengiran Haji Yunus.

"Jadi pengalaman-pengalaman dan bimbingan dari Haji Yakub bersama Pengiran Saifulkhalid itu akan dapat membantu pemain-pemain untuk mencatatkan kejayaan," katanya.

Penyertaan kali pertama di bawah Jabatan Ko-Kurikulum, Kementerian Pendidikan dengan Kerjasama Kongres Ten Pin Bowling merupakan Kejohanan Peringkat Sekolah-sekolah Asian, dan akan disertai oleh beberapa buah negara Asia.



BARISAN Skuad Boling Sekolah-sekolah Asian yang dibimbing oleh Haji Yakub Haji Bakar dan Pg. Saifulkhalid Pg. Haji Yunus, menjalani latihan di Utama Bowling Sdn. Bhd. - Gambar oleh Pg. Rafee PDPHM.

SUKAN SUKAN SUKAN SUKAN



TIMBALAN Ketua Pesuruhjaya Pengakap, Persekutuan Pengakap Brunei Darussalam, Awang Haji Badar bin Haji Ali ketika menyampaikan hadiah kepada seorang peserta yang memenangi Perlumbaan Mountain Bike anjuran Persatuan Pengakap Brunei-Muara. - Gambar oleh Ramli Tengah.



PARA peserta Perlumbaan Mountain Bike anjuran Persatuan Pengakap Brunei-Muara memulakan perlumbaan di Ibu Pejabat Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam di Gadong. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Bekas pelumba kebangsaan masih jaguh

Oleh Haji Amad HS

BEKAS pelumba-pelumba basikal Sukan SEA dan kebangsaan negara masih tetap jaguh walaupun diberi saingan sengit oleh muka-muka baru. Ini jelas terbukti apabila empat daripada mereka memenangi Perlumbaan Mountain Bike anjuran Persatuan Pengakap Brunei-Muara kali pertama.

Perlumbaan yang diadakan sejauh 50 kilometer bermula dan berakhir di Ibu Pejabat Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam di Gadong telah berjaya menarik minat hampir 500 pelumba mountain bike dari seluruh negara.

Ia dibahagikan kepada lima kategori. Kategori A dan B bagi ahli pengakap; C lelaki terbuka, D bagi pelumba veteran dan E bagi wanita terbuka.

Johan bagi C lelaki terbuka, Chung Kwai Ming; kedua, Hamdani Haji Besar; ketiga, Cheung Chwee Lee dan keempat, Abdullah Asgar.

Pada awal-awal perlumbaan ia dikuasai oleh muka-muka baru hinggalah ke Lebuhraya Muara-Tutong apabila Chung Kwai Ming membuat 'break away' daripada kelompok besar.

Usaha mengejar beliau hampir berjaya di Jalan Jerudong, namun apabila keluar di persimpangan Jerudong-Jalan Tutong, kemalangan terjadi yang banyak melibatkan pelumba yang menyebabkan

rentak kayuhan berubah kerana semua pelumba harus berhati-hati dan menjimatkan tenaga untuk pendakian Bukit Telanai-Beribi.

Berbekalkan pengalaman yang ada, tiga bekas pelumba negara sekali lagi membuat 'break away' di Bukit Telanai untuk memisahkan diri daripada kelompok besar dan membuahkan hasil hinggalah ke garisan penamat.

Akan tetapi kelompok besar tidak rela berputih mata terus berusaha untuk mengejar tetapi gagal, kerana ketiga-tiga bekas pelumba kebangsaan sudah menamatkan perlumbaan dengan catatan masa 1 jam 10 minit 45 saat.

Bagi kategori A ahli-ahli pengakap Negara Brunei Darussalam, johan ialah Samsuddin Haji Ahmad; kedua, Muhd. Hazik Haji Moxsin dan ketiga, Ak. Uzair Pg. Aliudin. Bagi Kategori E wanita terbuka dimenangi oleh Hajah Noraini Haji Sapar, manakala dalam kategori D pelumba veteran 40 tahun ke atas ialah Haji Osli Haji Muhd. Noor, pemenang kedua, Abd. Manan dan ketiga, Suboh Haji Mohammad.

Hadiah-hadiah kepada para pemenang disampaikan oleh Timbalan Ketua Pesuruhjaya Pengakap, Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam, Awang Haji Badar bin Haji Ali.

Ak. Mohd. Aizat pencetus semangat Skuad Ten Pin Bowling

Oleh Haji Ahat HI



TUNGGAK UTAMA ... Ak. Mohd. Aizat menjadi sandaran untuk mencetus semangat kepada rakan-rakannya di Kejohanan Ke-4 Eiq Bowling Asian School di Bangkok. - Gambar oleh Pg. Rafee PDPHM.



AKSI MENARIK ... Mohd. Haidir Haji Nur Ismadi mencatat kedudukan ke-32 daripada 183 peserta di Kejohanan Bowling Junior All Star di Kuala Lumpur tahun lepas. - Gambar oleh Pg. Rafee PDPHM.

PEMAIN berbakat, yang kini semakin meningkat, Awangku Mohd. Aizat Pengiran Abu Samah, dipertaruhkan sebagai pencetus semangat kepada Kontinjen Ten Pin Bowling Sekolah-sekolah untuk mencapai kejayaan di Kejohanan Ke-4 Eiq Bowling Asian School di Bangkok, Thailand.

Pemain yang akan mencapai usia 15 tahun dan aktif bermain sejak tahun lalu itu mempunyai corak permainan yang konsisten dengan purata menjatuhkan 200 pin fall dalam beberapa kejohanan.

Pencapaian terbaik yang dicapainya dalam penglibatan sukan boling setakat ini ialah menduduki tempat ketiga open master kejohanan boling sempena sambutan Hari Kebangsaan Ke-17 baru-baru ini.

Di peringkat kebangsaan, pemain yang menuntut di Sekolah Antarabangsa Berakas itu kini menduduki tempat ke-13 dalam senarai pelatih persiapan Sukan SEA Ke-XXI.

Lain-lain kejayaan yang pernah dicapainya ialah menduduki tempat ke-35 daripada 183 peserta yang menyertai Kejohanan Junior All Star di Kuala Lumpur pada tahun lalu.

Jawatankuasa Pembangunan Sukan Boling Peringkat Remaja, Kongres Ten Pin Bowling, Awang Adi Mulyamin menyatakan, kejayaan Ak. Mohd. Aizat di kejohanan-kejohanan yang disertainya merupakan satu peningkatan dalam memajukan sukan boling di negara ini.

Selain Ak. Mohd. Aizat katanya, juga memperlihatkan peningkatan serupa ialah Mohd. Haidir Haji Nur Ismadi yang menduduki tempat ke-32 di Kejohanan Junior All Star, Kuala Lumpur.

Tiga tokoh terima Anugerah Bakti Hijrah

BANDAR SERI BEGAWAN, 26 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Tahun Baru Hijrah 1422 Peringkat Kebangsaan yang dilangsungkan di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah di sini.

Kemuncak sambutan itu ialah penganugerahan kepada tiga orang Tokoh Bakti Hijrah tempatan dengan tema 'Maju Bangsa Sejahtera Negara Berlandaskan Ajaran Islam'.

Keberangkatan baginda telah dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Md. Zain, serta ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Tahun Hijrah 1422.

Berangkat sama ke majlis itu ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Majlis tersebut dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran secara tartil yang disampaikan oleh Awang Haji Maruf bin Chuchu dan diikuti dengan sembah alu-aluan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Md. Zain yang antara lain menyatakan bahawa tiga institusi kewangan Islam iaitu Perbadanan Tabung Amanah Islam (TAIB), Bank Islam Brunei (IBB) dan Bank Pembangunan Islam Brunei (IDBB) turut menggalakan kedatangan Tahun Baru Hijrah 1422 dengan memberikan sumbangan hadiah kepada kanak-

Oleh Haji Ahmad HS

kanak yang dilahirkan pada 1 Muharam, 1422 Hijrah.

TAIB katanya, menghadihkan Perlindungan Takaful Keluarga untuk pelajaran tempoh 10 tahun yang bernilai \$1,800.00 seorang.

Menurutnya, Bank Islam Brunei (IBB) juga menyediakan Akaun Al-Walidiah yang bernilai \$1,000.00 setiap seorang dan Bank Pembangunan Islam Brunei (IDBB) pula menyumbangkan Akaun Anak Damit bernilai \$500.00 setiap seorang.

Sumbangan-sumbangan ini jelas Yang Berhormat, mengandungi makna yang besar kepada kanak-kanak yang dilahirkan pada 1 Muharam, 1422 Hijrah dan juga kepada ibu bapa mereka.

Yang Berhormat berdoa semoga ketiga-tiga institusi kewangan Islam dan perniagaan mereka akan terus maju dan diberkati Allah.

Majlis kemudian diikuti dengan penyampaian anugerah kepada tiga orang Tokoh Bakti Hijrah oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Penerima Anugerah Tokoh Bakti Hijrah pertama ialah Yang Amat Mulia Pengiran Setia Jaya Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Osman, penerima Anugerah Tokoh Bakti Hijrah kedua ialah Awang Haji Juned bin Penyurat Puli dan Yang Dimuliakan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Awang Mat Yassin bin Awang Damit menerima Anugerah Tokoh Bakti Hijrah yang ketiga.

Bagi memberkati majlis sambutan pada tahun ini, doa selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Dato Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Anugerah Tokoh Bakti Hijrah kepada Yang Amat Mulia Pengiran Setia Jaya Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Osman sempena Sambutan Tahun Baru Hijrah 1422.

Perpecahan racun bagi pembangunan

Oleh Abu Bakar HAR

BANDAR SERI BEGAWAN, 25 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berharap persaudaraan dan perpaduan akan menjadi agenda utama bagi umat Islam di tahun 1422 Hijrah ini.

Baginda bertitah, agenda-agenda lain bolehlah menyusul tetapi tanpa perpaduan apa jua jenis agenda akan mengalami kegagalan dan sia-sia.

Menurut baginda lagi, perpecahan adalah racun pembangunan, apa jua jenis pemba-

ngunan sama ada mental atau pun fizikal, sementara perpaduan pula adalah ubatnya. Oleh itu titah baginda, rawatlah pembangunan yang kurang sihat itu dengan perpaduan, insya-Allah segala-galanya akan berjalan dengan baik dan lalin.

"Elakkan dari apa jua unsur yang membawa kepada perpecahan, jauhkan diri dari segala anasir yang boleh menyebabkan pecah belah," tegas baginda.

Bagi umat Islam kuatkan pegangan kita kepada tali Allah yakni agamanya (Islam) dan jangan sekali-kali berbelah bahagi, bulatkan fikiran dan satukan langkah, insya-Allah kita selamat," tegas baginda sempena menyambut Awal Tahun Hijrah 1422 yang disiarkan melalui Radio Televisyen Brunei.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga menegaskan bahawa Allah Subhanahu Wataala akan memelihara orang-orang yang memelihara agamanya. Tidak ada sebarang ketakutan dan dukacita bagi mereka. Berbeza dengan orang-orang yang lari daripada agama, mereka yang sentiasa goyang dan rapuh pendirian dan kadang-kadang menurut baginda, merekalah ejen kerosakan dalam masyarakat, kerana langkah dan aktiviti mereka sebenarnya dibantu oleh musuh dan syaitan.

Dengan memiliki asas-asas pendidikan dan persaudaraan Islam yang kukuh, tegas baginda lagi, tidak akan berbangkit orang-orang Islam melakukan subversif-subversif keagamaan atau lain-lain kerana mereka ini akan tetap di dalam akidah yang betul dan mereka tidak berganjak untuk memeliharanya buat selama-lamanya.

an atau lain-lain kerana mereka ini akan tetap di dalam akidah yang betul dan mereka tidak berganjak untuk memeliharanya buat selama-lamanya.

Terdahulu dari itu dalam titah baginda, menyentuh mengenai peristiwa Hijrah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam baginda menjelaskan bahawa Hijrah tersebut merupakan Hijrah yang paling agung yang tiada dua tiganya yang meliputi hijrah jasmani dan rohani, hijrah daripada satu tempat ke suatu tempat yang lain.

Sementara dari segi rohani, baginda menjelaskan ianya hijrah kepada seluruh nilai-nilai yang luhur yang meliputi segala aspek akhlak dan amal saleh.

"Landasannya ialah akidah yang satu iaitu kepercayaan kepada Allah Yang Maha Esa. Ia telah menciptakan persaudaraan agung di kalangan ummah sehingga melahirkan kekuatan luar biasa yang tidak dapat ditandingi," tegas baginda.

Inilah natijahnya kepada Islam dan umat Islam yang mana menurut baginda kita perlu belajar dan menimba hikmah daripadanya.

Manakala persaudaraan acuan Hijrah yang telah menempa sejarahnya yang tersendiri ia tidak akan pudar walau diuji, malah tegas baginda lagi, semakin besar ujian yang diterimanya semakin ia kental dan padu, sebagai contoh persaudaraan yang kita inginkan jelas baginda ialah seperti persaudaraan orang-orang Ansar dan orang-orang Muhajirin, ianya tidak pernah retak sekalipun dilanda oleh pelbagai fitnah dan ujian.

Kebawah DYMM berkenan hantar perutusan tahniah

BANDAR SERI BEGAWAN, 23 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Presiden Muhammad Rafiq Tarar, Presiden Republik Islam Pakistan dan kepada Tuan Yang Terutama Jeneral Pervez Musharraf, Ketua Eksekutif Republik Islam Pakistan bersempena dengan Hari Pakistan.

Dalam perutusan itu, baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persahabatan yang erat yang sentiasa terjalin sejak sekian lamanya di antara Negara Brunei Darussalam dengan Republik Islam Pakistan. Baginda percaya keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa yang akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing.

Seterusnya dalam perutusan baginda, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berharap semoga Tuan Yang Terutama Presiden Muhammad Rafiq Tarar, sentiasa sihat sejahtera dan semoga rakyat Republik Islam Pakistan akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan yang berterusan.

Sementara itu di dalam perutusan kepada Tuan Yang Terutama Jeneral Pervez Musharraf, Ketua Eksekutif Republik Islam Pakistan, baginda mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tuan Yang Terutama dan kerajaan serta rakyat Republik Islam Pakistan sempena dengan Hari Pakistan.

Seterusnya dalam perutusan baginda, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mendoakan ke hadirat Allah Subhanahu Wataala, semoga Tuan Yang Terutama Jeneral Pervez Musharraf, Ketua Eksekutif Republik Islam Pakistan sentiasa dalam perlindungan Allah, sihat sejahtera dan semoga rakyat Republik Islam Pakistan akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan yang berterusan.

Sementara itu pada 26 Mac, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Presiden Shahbuddin Ahmed, Presiden Republik Rakyat Bangladesh dan kepada Puan Yang Terutama Sheikh Hasina Wajed, Perdana Menteri Republik Rakyat Bangladesh bersempena dengan Hari Kemerdekaan pada 26 Mac, 2001.

'MAJU BANGSA SEJAHTERA NEGARA BERLANDASKAN AJARAN ISLAM'

دربیتکن اوله جباتن فتراغن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نگارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

SEIAK berkurun-kurun lagi Hijrah mempunyai ciri-ciri tersendiri lagi istimewa. Sejarah Islam telah banyak menunjukkan betapa semangat Hijrah itu tetap hidup dan membara di setiap dada kaum Muslimin. Hijrah tidak sahaja menjadi alat menghitung hari dan bulan, tetapi juga amat rapat hubungannya dengan sejarah akidah dan perkembangan agama Islam itu sendiri, kerana itulah pada setiap tahun umat Islam menyambut kedatangannya. Umat Islam perlu bergembira dengan lebih berapi dan membaharui azam dan usaha ke arah menyuburkan lagi akidah Islam.

Terdapat beberapa pengajaran serta pendidikan yang boleh dijadikan iktibar daripada peristiwa Hijrah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dari Mekah ke Madinah. Pengajaran daripada peristiwa Hijrah iaitu kebesaran jiwa Rasul Allah yang kelihatan dengan jelas terhadap kemahuan yang kuat dan ketabahan hatinya menghadapi kesulitan, cabaran, cubaan, dan kesukaran. Namun demikian, Baginda tidak pernah berputus asa walaupun perjuangan itu banyak yang berhasil dan berjaya tetapi ada pula yang gagal. Bila Baginda mencapai kejayaan maka Baginda memanjatkan rasa syukur kepada Allah bila menemui kegagalan Baginda berusaha mengatasinya.

Baginda terpaksa meninggalkan tanah tumpah darahnya, Mekah, harta benda dan keluarganya untuk pergi ke tempat baru iaitu Madinah. Daripada peristiwa Hijrah itu digambarkan betapa Baginda amat mencintai tanah kelahiran Baginda iaitu Mekah dan meninggalkan kawasan tersebut kerana tujuan yang sangat penting iaitu dengan melakukan Hijrah yang bertujuan bagi membentuk umat baru yang bernama umat Islam yang berpegang kuat kepada ajaran agama Allah.

Peristiwa Hijrah bukan sahaja mencatat sejarah sebagai bermulanya kalendar dan terubuhnya sebuah negara Islam, malah lebih jauh daripada itu ia membawa kesan yang mendalam erti suatu pengorbanan seorang hamba terhadap Penciptanya semata-mata bagi menyelamatkan akidah dan agama Islam daripada ancaman fitnah musuh. Tegasnya kedamaian dan ketenangan dalam mengukuhkan akidah dan agama merupakan motif yang sebenar dalam hijrah.

Hikmah dan pengajaran Hijrah Baginda boleh dilihat dalam pelbagai sudut kehidupan kita hari ini. Namun penekanan yang juga perlu untuk kita reung dan berikan perhatian ialah dalam memelihara akidah kita agar tidak terpesong jauh daripada tuntutan sebenarnya yang telah diperjuangkan oleh Rasulullah sejak berabad yang lalu. Demi memelihara dan menyelamatkan akidah suci inilah Baginda dengan segala perit dan jerih meninggalkan tanah kelahirannya pergi

MENGHIDUPKAN SEMANGAT HIJRAH

OLEH HAZIQAH FAKHRIYAH BINTI MOHD. DAUD

dengan penuh harapan menemui mereka yang baru ingin berjinak-jinak dengan Islam di sebuah kawasan yang memberikan sinar baru bagi Islam dan umatnya iaitu Madinah.

Dengan tidak melebihi jangka masa 23 tahun Baginda bersama-sama para sahabat yang setia telah pun dapat melakukan Hijrah dengan sempurna demi dakwah terhadap manusia. Semangat Hijrah ada mempunyai cabang-cabang kerukunan masyarakat dan sosial di zaman silam dan sekarang. Berbekalkan iman, ilmu dan ihsan, umat Islam berjaya melaukan semangat Hijrah di seluruh pelusuk dunia. Kemasyhuran amat ketara sekali seperti mana yang dilakukan oleh Rasulullah mengenai Hijrah itu sendiri, hanya dengan berpandukan Al-Quran dan hadis serta sunnah sahaja yang dapat membawa Hijrah ke arah kesucian dan kemurnian kehidupan sejagat hari ini.

Agama Islam itu sendiri banyak menekankan agar setiap umatnya memiliki semangat hijrah seperti berubah sikap buruk kepada baik, daripada jahil kepada cerdik dan bermacam-macam lagi yang banyak mengubah kehidupan umat Islam sekarang. Hijrah adalah titik permulaan berpindahnya umat Islam daripada perkara-perkara yang kurang baik kepada yang lebih baik. Hanya orang yang tipis imannya sahaja yang tidak dapat mengambil pengajaran daripada semangat Hijrah itu yang nyata dari dahulu hingga sekarang sudah ramai tokoh, alim ulama Islam telah maju dan berjaya kerana mereka ini memiliki semangat hijrah dalam diri mereka sendiri.

Berpindah dan berhijrah

dari kawasan lain bagi menegakkan hak dan kebenaran bukan bererti suatu kekalahan atau kekecewaan. Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam serta sahabatnya berhijrah bukan kerana takutkan musuh, tetapi adalah bagi membina dan mengukuhkan gerakan Islam. Maksud dan niat hijrah mestilah bersih kerana Allah dan Rasul-Nya.

Memang sudah menjadi sunnah Allah menjadikan kekuatan rohani di dalam akidah sebagai kepercayaan yang betul dan agama yang benar itu sebagai pengawal mempertahankan diri. Jika suatu umat itu berpegang teguh dengan ajaran

Islam, maka ketika itu juga kesejahteraan negara, kekayaan harta benda dan ketinggian serta kemuliaan diri akan bertambah lebih lama lagi, dan jika sebaliknya segala pegangan kepercayaan akidah akan turut sama tergugat dan segala kekuatan akan menjadi lemah.

Memelihara akidah bukan sahaja tetap mempercayainya dan mewarisinya begitu sahaja dari nenek moyang yang telah pergi tetapi seseorang itu hendaklah mendalami ajaran-ajaran Islam memperbaiki amalan-amalan untuk mendekatkan diri kepada Allah dan yang tidak kurang pentingnya ialah menghindarkan diri daripada pelbagai bentuk perbuatan dan gejala yang boleh merosakkan akidah.

Hijrah Rasulullah amat tersejarah dan berjaya. Beberapa langkah telah diatur bagi ma-

syarakat Islam Madinah yang terdiri daripada golongan Muhajirin dan Ansar. Strategi yang Baginda ambil adalah untuk mengeratkan lagi hubungan manusia sesama manusia yang terdiri daripada berbilang bangsa serta keturunan. Dalam bidang keagamaan Baginda telah memimpin umatnya dalam melaksanakan tanggungjawab agama dengan betul. Apa juga perintah Tuhan yang berpandukan kepada Al-Quran disampaikan seperti ibadat sembahyang dan haji. Baginda telah memberikan contoh bagaimana ibadat-ibadat tersebut harus dilaksanakan.

Semangat hijrah akan terus hidup mekar walaupun ditelan zaman, kerana kesucian dan kemurnian Islam banyak memberi pengajaran yang berkesan kepada penganutnya. Di dalam

melaksanakan semua bentuk pembaharuan dan perkembangan iaitu berpindah daripada satu tahap ke tahap yang lebih baik dan sempurna hendaklah mengikut ajaran serta landasan agama Islam.

Hijrah mengajar kita supaya meninggalkan kelekatan dan beralih kepada kesedaran tentang betapa pentingnya ilmu, iman dan amal yang seimbang di dunia yang kini tiada lagi sempadan. Jauhkan diri daripada kemungkaran dan bukan menghampirkan diri kepada kemaksiatan. Hindarkan diri daripada dunia khayalan yang boleh merosakkan akidah dan membinasakan diri daripada mengingati Tuhan, sebaliknya kita jadikan hijrah itu suatu jalan ke arah pembentukan umat Islam yang berjaya dan beriman kepada Allah.



GAMBAR HIASAN Hijrah mengajar kita supaya jangan leka dengan keduniaan semata-mata, dan beralih kepada kesedaran tentang pentingnya mempelajari ilmu agama untuk bekal hari akhirat.



PEGAWAI Tugas-Tugas Khas, Kementerian Pendidikan, Dato Seri Setia Awang Haji Kassim ketika menyampaikan sijil kepada penuntut yang menyertai Program Pengkayaan Tahun 4 dan 5 dan Program PP2. - Gambar oleh Harun HR.



PEGAWAI Tugas-Tugas Khas, Kementerian Pendidikan, Dato Seri Setia Awang Haji Kassim ketika menyaksikan Pameran Unit Pendidikan Khas. Majlis berlangsung di Institut Perkhidmatan Awam. - Gambar oleh Harun HR.

Perubahan drastik tetapi realistik perlu

RIMBA, 15 Mac. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Kementerian Pendidikan penuh menyedari bahawa pendidikan yang berkesan perlu disesuaikan dengan trend dan isu-isu masyarakat dengan menghadapi pengubahsuaian dan penyesuaian bagi memenuhi keperluan masyarakat itu sendiri.

Masa depan negara juga bergantung kepada wawasan pendidikan negara dan kepekaan terhadap perkembangan dunia masa kini khususnya dalam bidang teknologi.

"Amanat yang kita pikul ialah memberikan pendidikan yang bersesuaian kepada semua kanak-kanak di negara ini memenuhi segala cabaran zaman pembangunan yang pesat di abad ini dan akan datang," jelas Pegawai Tugas-Tugas Khas, Kementerian Pendidikan, Dato Seri Setia Awang Haji Kassim di Majlis Penyampaian Sijil dan Pameran Unit Pendidikan Khas, di Institut Perkhidmatan Awam, di sini.

Katanya, untuk memenuhi tuntutan masyarakat dan penyediaan generasi yang berpendidikan dan mampu hidup serta boleh bersaing dengan perkembangan ilmu yang berkembang pesat, maka adalah wajar suatu perubahan yang drastik tetapi realistik adalah merupakan langkah yang munasabah.

Menyedari hakikat ini, katanya, Kementerian Pendidikan akan terus memperbaiki dan meningkatkan tahap pendidikan di negara ini sesuai dengan aspirasi negara masa kini dan masa akan datang.

Oleh Samle HJ

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Kementerian Pendidikan penuh menyedari bahawa pendidikan yang lebih baik itu adalah pendidikan yang dapat diikuti oleh semua individu tanpa mengira keupayaan dari aspek kecerdasan mahupun fizikalnya.

Beliau menambah, selain ibu bapa dan guru-guru menaikan tanggungjawab memberi arah tuju pelajar, agensi-agensi lain juga perlu tampil memberi sokongan dengan menyumbangkan pelbagai keperluan bagi memberi kemudahan pela-

jar atau pihak sekolah.

Lebih 200 guru-guru dan murid yang mengikuti kursus pengurusan bilik darjah, kursus komputer bagi kanak-kanak bermasalah penglihatan, kursus pengenalan bagi guru-guru Homeroom dan program pengkayaan telah menerima sijil mereka masing-masing.

Penuntut yang menyertai Program Pengkayaan Tahun 4 dan 5 dan Program PP2 juga menerima sijil masing-masing.

Pameran Kerja Unit Pendidikan Khas dan hasil kerja kanak-kanak berkeperluan khas juga dipamerkan sempena majlis berkenaan.

110 murid ikuti ceramah penyalahgunaan dadah

Oleh Samle HJ

MUKIM PENGKALAN BATU, 17 Mac. - Agensi-agensi penguatkuasa penyalahgunaan dadah menyampaikan ceramah pendidikan mengenai pencegahan penyalahgunaan dadah di Masjid Kampong Masin di sini.

Seramai 110 orang murid dari Sekolah Rendah Masin mendengar ceramah berkenaan yang disampaikan oleh wakil Biro Kawalan Narkotik, Pasukan Polis Diraja Brunei dan Jabatan Penjara.

Murid-murid juga mendengar nasihat dan motivasi dari Bahagian Kaunseling dan Bimbingan Bakat Kerja, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan yang disampaikan oleh Pegawai Pelajaran, Awang Ali Yusri bin Abdul Ghafar.

Ceramah 'Para Remaja dan Masa Depan' antara lain mengingatkan agar murid-murid mempunyai budi pekerti dan cara hidup yang mulia selain menanamkan keteguhan berdisiplin, ketahanan diri dan sifat-sifat kesabaran dalam menghadapi cabaran hidup.

Tambahnya, murid-murid perlu menanamkan sikap daya saing dan ingin maju dalam mencari ilmu agar memperoleh kejayaan di suatu masa nanti.

Beliau juga mengingatkan supaya murid-murid sekolah mengelakkan daripada pengaruh anasir-anasir yang jahat, kelakuan yang tidak baik selain menghindarkan tingkah laku yang tidak disukai.

Sementara itu, Ketua Pegawai Narkotik, Awang Abu Bakar bin Abdul Rahman turut mengingatkan murid-murid supaya tidak terpengaruh dengan kegiatan-kegiatan yang boleh mendorong kepada kegiatan yang negatif.

Beliau percaya kepekaan murid-murid dengan penglibatan penjaga masing-masing dan guru-guru membanteras agar perbuatan penyalahgunaan dadah dapat dijaui.

Ceramah pendidikan itu merupakan anjuran Sekolah Rendah Masin dengan kerjasama Bahagian Kaunseling dan Bimbingan Bakat Kerja, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan.

Ia dihasratkan bagi membantu murid-murid membuat penyesuaian peribadi, sosioemosi dan akademik dengan keadaan sekolah selain mengenal pasti kesulitan-kesulitan akademik murid-murid dan berusaha untuk mengatasinya.

PAPDA ANJURKAN UJIAN MENGHAFAZ AYAT-AYAT LAZIM SEMPENA HIJRAH 1422

PERSATUAN Orang-Orang Cacat Berkerusi Roda dan Cacat Anggota (PAPDA) akan mengadakan Ujian Menghafaz Ayat-ayat Lazim bagi orang-orang kurang upaya Negara Brunei Darussalam bagi tahun 2001 Sempena Awal Tahun Hijrah 1422.

Ujian Menghafaz Ayat-ayat Lazim bagi orang kurang upaya Negara Brunei Darussalam, bertujuan memberi galakan kepada orang-orang kurang upaya bergiat cergas dalam bidang pembacaan kitab suci Al-Quran di samping dapat melahirkan pembacaan Al-Quran yang terbaik di kalangan orang-orang kurang upaya.

Di samping itu ianya adalah sebagai projek tahunan Persatuan PAPDA, di samping memperingati Sambutan Awal Tahun Hijrah 1422.

Penyertaan terbuka kepada orang-orang kurang upaya lelaki dan perempuan yang memegang kad pengenalan warna kuning dan setiap peserta hendaklah disahkan oleh pihak hospital mengenai kecacatan mereka.

Ujian ini terbahagi kepada dua kategori, iaitu orang-orang cacat penglihatan lelaki dan perempuan, orang-orang cacat anggota lelaki dan perempuan, sementara Peraduan Azan bagi lelaki sahaja.

Setiap peserta hendaklah mencapai umur seperti berikut, peserta lelaki berumur 16 tahun ke atas dan lahir pada tahun 1981. Peserta perempuan berumur 15 tahun dan lahir pada

tahun 1982.

Setiap peserta hendaklah menyertakan salinan kad pengenalan.

Peraturan:

* Surah yang dibaca adalah pilihan sendiri.

* Jika ramai penyertaan, satu pemilihan akan diadakan bagi memilih tiga orang qari, tiga orang qariah dan tiga orang peserta Peraduan Azan.



LEBIH seratus orang murid dari Sekolah Rendah Masin mendengar ceramah mengenai pencegahan penyalahgunaan dadah yang disampaikan oleh para pegawai dari Biro Kawalan Narkotik, Pasukan Polis Diraja Brunei dan Jabatan Penjara. - Gambar oleh Masri Osman.

Perjuangan memerlukan iman, hijrah dan jihad

MARILAH kita tingkatkan takwa kepada Allah Subhanahu Wataala dengan sebenar-benar takwa dan mengerjakan amal-amal saleh dan meninggalkan segala yang dilarang-Nya, mudah-mudahan kita mendapat rahmat dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wataala atas kurnia-Nya yang telah melanjutkan usia sekali gus memberi peluang kepada kita untuk menemui Tahun Baru Hijrah 1422. Walaupun peristiwa Hijrah telah berlaku kira-kira 10 abad yang lalu, namun ia tetap disambut oleh seluruh umat Islam di dunia setiap kali menjelangnya bulan Muharam ini, kerana Hijrah adalah suatu peristiwa agung dalam kehidupan kita umat Islam.

Hijrah mula diperintahkan oleh Allah Subhanahu Wataala kepada Rasul-Nya setelah Baginda berjuang hampir 13 tahun berdakwah kepada orang-orang Mekah supaya memeluk agama Islam dan menyembah hanya kepada Allah Subhanahu Wataala dan bukannya kepada patung-patung berhala. Sesungguhnya Hijrah merupakan rahmat yang besar ke atas umat Islam khususnya kepada mereka yang menerima seksaan penderitaan yang amat dahsyat pada ketika itu. Bahkan Hijrah juga merupakan sebagai titik permulaan berkembang luasnya kuasa Islam ke seluruh rantau dunia.

Apabila disebut perkataan Hijrah, kita akan memfokus kembali kepada sejarah Hijrah yang dilakukan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersama sahabatnya Abu Bakar dan selepas Hijrah yang pertama dilakukan, barulah Hijrah secara besar-besaran mula dilakukan oleh orang-orang Islam Mekah ke Madinah, bagi memperkembangkan lagi syiar agama Islam. Sesungguhnya Hijrah dapat menguji sejauh mana tahap keimanan dan pengorbanan seseorang individu tersebut terhadap agamanya. Ini kerana Hijrah bukan dapat dilakukan dengan sewenang-wenangnya, tetapi memerlukan sifat sabar yang kental, sanggup berhijrah dan menerima apa jua rintangan dan cubaan yang melanda serta sanggup berkorban apa saja - jiwa, harta mahupun keluarga. Inilah dia nilai-nilai keimanan dan pengorbanan yang tinggi yang dimiliki dan diperlihatkan oleh orang-orang Islam pada zaman Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai bukti akan kesungguhan dan kecintaan mereka yang mendalami terhadap agama Islam dan ketaatan yang tak berbelah bahagi terhadap perintah Allah Subhanahu Wataala. Sifat-sifat seumpama inilah yang semestinya diikuti dan dihayati oleh generasi umat Islam hari ini.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Hajj ayat 58 yang tafsirannya:

"Dan orang-orang yang berhijrah pada jalan Allah, kemudian mereka terbiar atau mati, sudah tentu Allah akan mengurniakan kepada mereka limpah kurnia yang baik. Dan ingatlah sesungguhnya Allah adalah sebaik-baik pemberi limpah kurnia."

Hijrah bukan saja terbatas kepada pengertian berpindah dari satu tempat atau negeri ke tempat yang lain, tetapi juga boleh meliputi kepada makna berpindah dari sifat atau perbuatan yang kurang atau tidak baik



Suara dari mimbar

kepada baik. Hijrah ini lebih dikenali sebagai hijrah hati nurani, hijrah yang tidak memerlukan perpindahan daripada bentuk fizikal dan kebendaan, cuma ia memerlukan kemahuan, keazaman, kesungguhan dalam melaksanakannya dan yang paling penting ialah keikhlasan hati sebagai kunci kepada berjayaanya niat tersebut. Walaupun hijrah hati tidak memerlukan kepada pengorbanan fizikal dan harta benda, tetapi ianya sukar untuk disempurnakan lebih-lebih lagi generasi moden masa kini yang kurang kesanggupan untuk berkorban jiwa dan melepaskan kemewahan serta keseronokan material duniawi yang akhirnya mampu mengubah sikap dan peribadi seseorang individu tersebut seperti bersikap tamak haloba, dengki, tidak mahu kalah, dendam, pemarah, pecah amanah, kikir, sombong, riyak dan sebagainya. Hidup kita tidak akan berpanjangan, usia hanyalah dipinjamkan

Allah dan apabila ajal tiba, semua yang kita nikmati kala hidup di dunia akan meninggalkan kita. Dan yang hanya setia di samping kita ialah amal dan kebajikan yang telah kita

lakukan semasa hidup. Kerana itu adalah penting untuk kita sedar bahawa dengan hijrahnya hati atau jiwa kita ke arah sifat yang mulia seperti sabar, jujur dan amanah, rendah diri, menanamkan sikap pemaaf, suka bersedekah dan seumpamanya serta menjauhi segala perbuatan yang mungkar, mampu membentuk kita ke arah kesempurnaan hidup di dunia dan di akhirat. Ini kerana memiliki jiwa dan hati yang suci bersih daripada sikap dan perbuatan yang buruk dapat mempamerkan sikap, akhlak dan peribadi yang mulia sebagaimana yang dikehendaki oleh Islam.

Hijrah tidak akan terlaksana sepenuhnya tanpa gandingan atau disandarkan kepada iman dan jihad, tidak kira sama ada hijrah pada makna sebenar iaitu berpindah ataupun hijrah hati dan jiwa daripada keburukan kepada kebaikan. Malahan dalam Al-Quran sendiri banyak menggandingkan antara kalimah hijrah dengan iman dan jihad. Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Baqarah ayat 218 yang tafsirannya:

"Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan orang-orang yang berhijrah

HIJRAH tidak akan terlaksana sepenuhnya tanpa gandingan atau disandarkan kepada iman dan jihad, tidak kira sama ada hijrah pada makna sebenar iaitu berpindah ataupun hijrah hati dan jiwa daripada keburukan kepada kebaikan.

Malahan dalam Al-Quran sendiri banyak menggandingkan antara kalimah hijrah dengan iman dan jihad.

serta berjuang pada jalan Allah (untuk menegakkan agama Islam), mereka itulah orang-orang yang mengharapkan rahmat Allah. Dan ingatlah, Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani."

Dari sini jelas bahawa dalam setiap perjuangan terdapat tiga unsur yang saling berkait mengait dan memerlukan antara satu sama lain iaitu iman, hijrah dan jihad. Tanpa keimanan yang teguh dan kecintaan seorang hamba kepada Allah Subhanahu Wataala serta semangat jihad untuk berjuang dan berkorban apa saja, pasti hijrah tidak akan terlaksana dengan cemerlangnya. Kita tidak mungkin dapat melakukan hijrah sebagaimana yang dilakukan pada zaman Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, tetapi kita masih berpeluang untuk melakukan hijrah secara peribadi iaitu hijrah hati, melangkah ke arah kebaikan dan meninggalkan keburukan serta kemungkaran. Namun selain daripada kemahuan untuk berhijrah yang dibekalkan dengan iman dan jihad, perlu kita ambil kira juga akan niat sebenar kenapa kita lakukan hijrah tersebut. Ini kerana niat merupakan titik pertama dari kehendak hati kita yang sebenar dan menjadi asas penentu terhadap penerimaan dan kejayaan hakiki setiap amal dan perjuangan seseorang. Justeru itulah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam peristiwa Hijrah telah

bersabda yang bermaksud:

"Sesungguhnya setiap amal itu dengan niat, dan bagi setiap seseorang itu mengikut apa yang diniatkan-nya."

Dengan memperingati sejarah Hijrah Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, mari kita hayati akan pengorbanan dan perjuangan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan para sahabat serta umat Islam pada zaman awal berkembangnya syiar Islam yang tidak pernah mengenal erti putus asa walaupun menerima tentangan yang amat hebat dari musuh-musuh Islam. Sewajarnya kita mengambil iktibar akan kesungguhan dan semangat jihad mereka untuk ditanamkan ke dalam jiwa kita sebagai usaha jihad kita pula demi untuk meneruskan perjuangan menentang dan mempertahankan kesucian Islam daripada diporak-perandakan oleh orang-orang kafir.

Allah Subhanahu Wataala berfirman dalam Surah At-Tau- bah ayat 20 yang tafsirannya:

"Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad di dalam Allah dengan harta benda dan jiwa mereka adalah lebih besar dan tinggi darjatnya di sisi Allah (daripada orang-orang yang hanya memberi minum orang-orang haji dan orang yang memakmurkan masjid sahaja) dan mereka itulah orang-orang yang berjaya."

وقت سمیع، امساك، شوروک ذات ضحی

وقت ۲ سمیع، امساك، شوروک ذات ضحی باکئی دایره بروی ذات موارا مولای دارک ہارک رابو، 3 محرم 1422 برسمات 28 مرج 2001 ہفتگ کھارک ثلاث، 9 محرم 1422 برسمات 3 افریل 2001 ادالہ سقرت دباوہ این -

هجره	ظہر	عصر	مغرب	عشا	امساك	صبح	شوروک	ضحی	مسیحی
محرم									مرج
3	12.27	3.31	6.30	7.39	4.55	5.05	6.21	6.44	28
4	12.27	3.30	6.30	7.39	4.54	5.04	6.20	6.44	29
5	12.27	3.29	6.30	7.39	4.54	5.04	6.20	6.43	30
6	12.26	3.28	6.30	7.39	4.53	5.03	6.20	6.43	31
7	12.26	3.27	6.30	7.39	4.53	5.03	6.19	6.42	1 افریل
8	12.26	3.26	6.29	7.39	4.52	5.02	6.19	6.42	2
9	12.25	3.25	6.29	7.39	4.52	5.02	6.18	6.42	3

وقت ۲ سمیع باکئی دایره تولوع دایره بلایت دایره یگ میت، سمیع فرض جمعة دسوروو لکرا بروی دارالسلام دمولای درک فوک 12.45 تھاری.

Bismillah, Walhamdulillah Wassallatu Wassalamu 'Ala Rasulillah, Wa'alaa Aalihi Wasahbihi Waman Walah.

ISTIKHLAF dari segi istilah bererti seseorang itu digantikan oleh orang yang lain bagi menyempurnakan pekerjaannya, seperti imam digantikan oleh salah seorang daripada makmumnya bagi menyempurnakan sembahyang fardu mereka disebabkan keuzuran imam tersebut. Istikhlaful juga dipakai bagi penggantian pemimpin Islam selepas kematiannya dan penggantian kadi dalam menjatuhkan hukuman. (Mausu'ah Feqhiiyah : 3/2 52).

Apa yang ingin dijelaskan di sini ialah berhubung istikhlaful dalam sembahyang serta syarat-syarat yang berkaitan dengannya.

ISTIKHLAF DALAM SEMBAHYANG

Jika imam keluar daripada sembahyangnya disebabkan berhadassama ada dengan senhaja, lupa atau dengan sebab-sebab lain ataupun dengan tiada sebab adalah diharuskan bagi makmum menggantikannya. Sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh 'Aisyah Radiallahuanhu beliau berkata yang maksudnya:

"Ketika Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sedang sakit tenat, datang Bilal untuk memberitahu Baginda tentang sembahyang. Maka Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam menyuruhnya supaya mengatakan kepada Abu Bakar agar mengimami orang ramai. Saya berkata: "Abu Bakar adalah seorang lelaki yang penyedih dan jika dia berdiri mengambil tempatmu (sembahyang), dia akan menangis dan tidak mampu membaca Al-Quran." Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: "Suruhlah Abu Bakar untuk mengimami sembahyang." Saya pun mengatakan hal yang sama seperti di atas. Beliau (mengulangi perintah yang sama) pada ketiga atau keempat kalinya Baginda bersabda: "Kamu adalah (macam) sahabat-sahabat Yusuf. Suruhlah Abu Bakar untuk mengimami sembahyang." Maka Abu Bakar mengimami sembahyang. Kemudian Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam datang dengan bantuan dua orang lelaki; seakan-akan baru saja aku melihat Baginda memijakkan kakinya ke tanah. Pada waktu Abu Bakar melihatnya, dia mencuba untuk berundur tetapi Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam memberi isyarat kepadanya untuk tetap sembahyang. Abu Bakar berundur sedikit

Bilangan 117

dan Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam duduk di sebelah kirinya. Abu Bakar memperdengarkan takbir kepada orang ramai. (Hadis riwayat Bukhari).


SYARAT-SYARAT ISTIKHLAF DALAM SEMBAHYANG

Disyaratkan bagi makmum yang menggantikan imam itu, adalah pengganti (mustakhlif) yang sah, menjadi imam kepada jemaah yang lain.

Jika imam itu diganti oleh makmum yang kurang fasih dalam bacaan Faatihah (ummiyan), orang bisu atau orang yang tidak jelas bacaannya seperti mende-nungkan pada tempat yang tidak dengung serta mengubah bacaan, maka tidak sah sembahyang makmum yang lain jika mengikutinya, kerana ia tidak sah menjadi imam.

Menurut Imam Al-Haramain, syarat penggantian itu hendaklah dilakukan dengan serta-merta. Jika imam keluar daripada jemaah, sedangkan makmum telah melakukan satu rukun, maka ditegah penggantian selepas itu. (Majmuk: 4/139).

Begitu juga ditegah penggantian, jika makmum tersebut diam terlalu lama dengan kadar berlalunya satu rukun, sama ada rukun fi'li (perbuatan) atau rukun qauli (percakapan). (Nihayah Al-Muhtaj: 2/349). Dalam hal ini jika berlaku penggantian, tidak disyaratkan ke atas makmum untuk berniat lagi bagi mengikuti pengganti imam itu, kerana khalifah (pengganti) itu sudah dalam kedudukan imam yang awal. (Majmuk: 4/140).



IRSYAD HUKUM

DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti
E-mail : mufti@brunet.bn
Fatwa@brunet.bn

SIFAT KHALIFAH ATAU MUSTAKHLIF DALAM SEMBAHYANG

Apabila seorang makmum mengganti imam dalam sembahyang yang sama atau bilangan rakaat yang sama, maka sah penggantian tersebut, sama ada makmum itu masuk atau selainnya dan sama ada makmum itu menggantikannya pada rakaat pertama atau pada rakaat yang lainnya. Ini kerana makmum itu mengikuti tertib imam sebelumnya dan tidak membawa kepada percanggahan.

Adapun jika diganti oleh seorang yang di luar sembahyang (bukan daripada kalangan makmum yang imannya digantikan), menurut pendapat Imam An-Nawawi dan jumhur bahawa jika seorang yang di luar sembahyang itu menggantikan imam tersebut pada rakaat pertama atau ketiga daripada sembahyang yang empat rakaat adalah diharuskan. Ini kerana tidak bercanggah dengan makmum yang mengikutinya dalam tertib.

Sebaliknya jika berlaku percanggahan dalam tertib, tidaklah

diharuskan. Sebagai contoh seorang yang di luar sembahyang mengganti imam pada rakaat kedua atau terakhir, kerana dia (pengganti) itu berdiri bagi rakaat yang pertama sedangkan makmum yang lainnya duduk tahiyat awal atau tahiyat akhir.

Jika makmum yang masuk menggantikan imam yang keluar daripada jemaah hendaklah dia menjaga tertib imam tersebut, sebagaimana perbuatannya jika imam belum keluar daripada jemaah. Sebagai contoh, jika makmum yang masuk pada rakaat kedua dalam sembahyang Subuh, kemudian imam ketika itu berhadass, lalu diganti imam tersebut oleh makmum yang masuk itu. Dalam hal ini, makmum yang menggantikan itu hendaklah menjaga tertib imam tersebut dengan menyambung perbuatan imam sebagaimana yang perlu dilakukan di dalam rakaat kedua dalam sembahyang Subuh iaitu berqunut, duduk dan bertashahud walaupun pada asalnya dia baru melakukan satu rakaat. Selepas itu bawarlah makmum yang masuk itu (mustakhlif) bangkit semula untuk menggenapkan

sembahyangnya iaitu dua rakaat, lalu berqunut lagi pada rakaat itu bagi dirinya sendiri sahaja bukan dalam berjemaah. Kemudian para jemaah yang mengikuti mustakhlif yang masuk tersebut, bagi mereka ada dua pilihan (khiar) pada tahiyat akhir tadi iaitu sama ada berniat mufaraqah (berpisah daripada imam) dan terus memberi salam atau duduk menunggu mustakhlif itu dan memberi salam bersamasamanya.

Manakala makmum-makmum yang masuk apabila imam sempurna sembahyangnya dengan memberi salam, lalu makmum-makmum yang masuk itu bangkit semula untuk menyempurnakan sembahyang, kemudian bolehlah salah seorang daripada mereka yang masuk itu untuk maju ke hadapan menjadi imam dan mereka yang masuk itu boleh mengikutinya, mengikut pendapat yang asah, maka ini adalah diharuskan melainkan dalam sembahyang Jumaat ianya tidak diharuskan kerana tidak harus mendirikan lagi sembahyang Jumaat selepas dikerjakan. (Majmuk: 4/139 - 141).

ISTIKHLAF DALAM SEMBAHYANG JUMAAT

Apabila imam keluar selepas membaca dua khutbah dan sebelum mengangkat takbiratul ihram bagi sembahyang Jumaat, adalah diharuskan menggantikannya jika mustakhlif itu menghadiri khutbah. Jika mustakhlif itu tidak menghadiri khutbah maka dia tidak diharuskan menggantikan imam itu.

Adapun jika imam keluar daripada sembahyang selepas mengangkat takbiratul ihram pada rakaat pertama sembahyang Jumaat, adalah harus dia diganti oleh mustakhlif yang bersama imam sebelum imam keluar daripada jemaah itu, kerana mustakhlif itu tergolong dalam ahli Jumaat. Jika mustakhlif itu tidak

bersama imam sebelum dia keluar daripada sembahyang, maka tidak diharuskan mustakhlif mengimamkan sembahyang itu kerana dia tidak tergolong dalam ahli Jumaat.

Manakala imam yang keluar daripada sembahyang Jumaat pada rakaat kedua dan sebelum melakukan rukuk, maka imam berkenaan boleh digantikan oleh orang yang bersama imam sebelum dia keluar daripada jemaah. Jika mustakhlif itu tidak bersama imam sebelum imam keluar daripada jemaah tidaklah diharuskan dia mengimamkan sembahyang tersebut.

Begitulah juga jika imam itu keluar selepas rukuk dalam rakaat kedua sembahyang Jumaat, imam tidak harus diganti oleh mustakhlif yang tidak bersama imam sebelum dia keluar daripada jemaah. Akan tetapi jika mustakhlif itu bersama imam sebelum keluar daripada jemaah tetapi dia tidak bersama imam sebelum rukuk pada rakaat kedua, maka dalam keadaan seperti ini difardukan ke atas mustakhlif itu sembahyang Zuhur.

Maka mengikut pendapat yang asah, adalah diharuskan bagi makmum yang bersembahyang Jumaat mengikut mustakhlif yang difardukan ke atasnya sembahyang Zuhur disebabkan mustakhlif itu tidak bersama imam Jumaat sebelum rukuk di rakaat kedua. Akan tetapi hendaklah mustakhlif itu menjaga tertib imam yang awal. Manakala makmum yang mengikutinya ada dua pilihan, antara memberi salam dengan niat mufaraqah atau makmum menunggu mustakhlif dan memberi salam bersamanya sebagaimana yang dijelaskan di atas. Dan cara inilah yang lebih afdal dilakukan (Majmuk: 4/454 - 448, Mausu'ah Feqhiiyah: 3/257).

Adab berdoa dan berzikir

HURAH dari segi istilah ialah perpindahan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dari Mekah dan Madinah. Dari segi bahasa pula ialah berpindah, meninggalkan sesuatu tempat untuk pergi ke tempat lain.

Jika disebut penghijrahan ia membawa makna yang menyeluruh, sama ada perihal perbuatan atau tingkah laku dan sebagainya seperti daripada perbuatan jahat berhijrah atau berpindah kepada perbuatan baik.

Menuju Keredaan Allah pada kali ini, akan menyentuh mengenai perkara adab-adab berdoa dan berzikir yang kurang diambil berat dan perhatian daripada sesetengah orang Islam. Dari itu, marilah kita berhijrah daripada kurang mengambil perhatian terhadap adab-adab berdoa dan zikir kepada orang yang lebih mementingkan adab-adab dan disiplin semasa berdoa atau berzikir.

Doa dan zikir adalah amalan sunat yang diwarisi daripada Rasulullah, oleh sebab itulah kebanyakan doa dan zikir yang dilakukan pada hari ini dikekalkan bacaannya. Dan kerana itu juga para ulama tidak berani, menukar atau mengubah suai doa dan zikir itu untuk disesuaikan atau untuk diselaraskan pada zaman ini.

Ahli-ahli yang kuat mengamalkan wirid dan zikir juga tidak terlepas daripada mengambil warisan itu, walaupun sebahagian amalan mereka bukan daripada Rasulullah, namun mereka warisi daripada para sahabat-sahabat Baginda Rasulullah. Tetapi apa yang dilakukan oleh para sahabat itu pada hakikatnya adalah datangnya daripada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam jua.

Sesetengah umat Islam di hari ini kurang berminat dengan doa atau zikir itu, apalagi mereka yang tidak pernah hadir ke sekolah-sekolah agama atau tidak pernah belajar agama dalam seumur hidupnya ataupun

pernah belajar tetapi hanya setakat mengenal huruf Alif, Ba, Ta sahaja. Mereka tidak tahu membaca sesuatu yang ditulis dalam bahasa Arab atau jawi. Disebabkan tidak pandai membaca tulisan jawilah mereka menjadikan alasan untuk tidak mengamalkan doa dan zikir.

Dalam zaman milenium ini, kalau seseorang itu tidak pandai membaca doa yang disediakan, mereka boleh mencari jalan pintas dan mudah dengan membaca maknanya atau berdoa sendiri mengikut bahasa sendiri, seperti kata pepatah Melayu 'kalau hendak seribu daya tak hendak seribu dalih' dan begitu juga dengan pepatah 'kalau tak dipecah ruyung mana-kan dapat sagunya'. Kalau tidak berusaha untuk meningkatkan diri kita sendiri sudah tentunya kita seperti katak bawah tempurung. Tetapi bagaimana dengan zikir, ia sudah tentu tidak boleh diterjemahkan untuk dijadikan amalan harian.

Menyedari keadaan ini, umat Islam khususnya generasi masa kini sepatutnya kembali mempelajari bacaan Al-Quran, kerana dengan ini sahajalah mereka boleh membaca doa dan zikir yang sedia ada. Sudah sampai masa dan ketikanya umat Islam pada hari ini berjimak-jinjak dengan amalan Rasulullah dan berusaha mempelajari agama Islam dan mencontohi amalan dan perbuatan Rasulullah. Alasan tidak pandai membaca tulisan jawi atau Arab tidak boleh diterima lagi. Mempelajari agama Islam adalah sangat penting supaya kita tidak terpengaruh dengan godaan syaitan. Ketika itu kita tidak menyedari akan adanya adab-adab dalam beramal ibadah.

Di antara adab berdoa dan zikir itu ialah sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Al-Imam Bukhari dari Abi Musa Al-Asy'ari Radiallahuanhu katanya yang bermaksud: "Kami bersama Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, maka apabila kami menghampiri satu lem-

منوجو كرىضان الله

Menuju Keredaan Allah

كلوان قوسه دعوه اسلاميه

bah kami bertahil dan bertakbir, suara kami agak tinggi. Maka sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, wahai manusia tenangkan diri kamu, sesungguhnya kamu tidak berdoa pada yang peka dan tidak juga pada yang jauh, sesungguhnya Dia bersama kamu, Dia mendengar lagi dekat."

Hari ini kita dapat melihat sesetengah umat Islam yang berdoa atau berzikir dengan cara menjerit-jerit sehingga mengganggu ketenteraman dan boleh memeranjatkan orang lain dan kadang-kadang sebutannya tidak jelas dan tidak boleh difahami. Tindakan ini sangat dibenci oleh Allah kerana Allah bukanlah peka dan Allah bukanlah jauh dengan hamba-Nya.

Jika sekiranya perkara ini dilakukan kerana jahil maka bolehlah mereka dimaafkan. Tetapi kalau ia dilakukan atas keyakinan bahawa doa dan zikir mesti dibuat dengan suara kuat untuk menaikkan semangat, tentulah satu kesilapan.

Sepatutnya umat Islam menggunakan bahasa yang lunak dan suara yang merdu dalam berhadapan dengan Allah. Apa lagi kalau kita berdoa dan mengharap perkenan daripada Allah. Begitulah yang dilakukan oleh Rasulullah dan para sahabatnya. Siapa lagi yang patut kita contohi selain mereka.



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal agama, Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya menjelaskan, lantikan graduan-graduan di masjid-masjid membantu orang ramai mengetahui maklumat-maklumat tepat mengenai agama. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Lantikan graduan di masjid-masjid

SALAMBIGAR, 17 Mac. - Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama berkata, usaha-usaha telah dilakukan untuk menjadikan masjid sebagai sumber maklumat agama.

Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim berkata demikian di Majlis Ramah Mesra Bersama Dengan Imam dan Bilal Daerah Brunei dan Muara Sempena Hari Raya Aidiladha yang berlangsung di Masjid Kampong Salam-bigar di sini.

Yang Dimuliakan menjelaskan, salah satu usaha kementerian berkenaan dengan pengambilan tenaga graduan-graduan universiti di masjid-masjid bagi membantu

Oleh Aliddin HM

menyebarkan maklumat agama kepada orang ramai.

Yang Dimuliakan menambah, usaha lain yang sudah berjalan termasuklah dengan melantik guru-guru agama menjadi imam kerana mereka mempunyai ilmu pengetahuan mengenainya.

Sementara lantikan graduan-graduan di masjid-masjid pula, kata Yang Dimuliakan, akan dapat membantu orang ramai mengetahui maklumat-maklumat yang tepat mengenai agama bagi mengelakkan orang

ramai daripada menerima penyelewengan maklumat.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama juga menasihatkan para pegawai masjid untuk terus meningkatkan pengetahuan mereka dan menekankan bahawa kekuatan agama itu terpancar daripada perbuatan zahir.

Lebih 100 orang imam dan bilal di Daerah Brunei dan Muara hadir di majlis tersebut.

Majlis pada hari itu juga bertujuan untuk memberikan pengetahuan yang lebih mendalam kepada para imam dan bilal mengenai adab-adab sembahyang berjemaah termasuk saktah dalam sembahyang.



SEORANG pegawai Penerbangan Diraja Brunei (RBA) ketika memberikan taklimat mengenai prosedur keselamatan dalam pesawat kepada penumpang Sekolah Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Kiudang, Tutong. - Gambar oleh Masri Osman.

Lawat Syarikat Penerbangan Diraja Brunei

BERAKAS, 8 Mac. - Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RBA) yang telah mencapai usianya 25 tahun dan mempunyai taraf keselamatan pesawat yang diiktiraf oleh antarabangsa sering menerima kunjungan daripada para pelawat.

Sehubungan dengan itu serombongan 30 orang penuntut tingkatan tiga dan lima Sekolah Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Kiudang, Tutong telah mengadakan lawatan

Oleh Bolhassan HAB

ke Hanger RBA di sini.

Penuntut-penuntut sekolah yang mengadakan lawatan sambil belajar itu telah diberikan taklimat ringkas mengenai prosedur keselamatan dalam pesawat oleh pegawai RBA.

Ke arah mempelbagaikan kegiatan belia di masjid

KERJASAMA DAN KOMITMEN SEMUA PIHAK PENTING

Oleh Dk. Hjh. Saidah PHOA

KUALA BELAIT, 19 Mac. - Usaha berterusan ke arah mempelbagaikan kegiatan belia di masjid bukan suatu perkara yang baru kerana ia telah dilaksanakan dengan baik dan jayanya melalui kebijaksanaan pentadbiran dan Takmir Masjid.

Namun demikian usaha dan idea baru dengan cara dan format yang sama atau dikembanguaskan diperlukan dari masa ke semasa.

Demikian saranan Pemangku Pegawai Hal Ehwal Masjid Daerah Belait, Awang Zulkifli bin Zakaria ketika memperkerusi Mesyuarat Program Cuti Persekolahan Penggal Pertama dan Sempena Tahun Hijrah 1422 bagi para belia Daerah Belait yang diadakan di Masjid Muhammad Jamalul Alam di sini.

Walau bagaimanapun kata Awang Zulkifli, apa jua kegiatan yang telah dirancang, kerjasama dan komitmen yang padu di kalangan pihak yang terlibat dalam menjayakan kegiatan tersebut sangat penting.

Beliau seterusnya berkata, memandangkan belia adalah golongan yang aktif dan berpotensi, sudah sewajarnya kegiatan menjurus kepada keagamaan bagi mendekatkan mereka kepada kecintaan terhadap Allah dan Rasul perlu diterapkan dalam diri mereka di samping kegiatan bermanfaat umpamanya sukan dan olahraga, kempen, kreativiti, nasyid dan dakwah.

Di mesyuarat itu beberapa program kegiatan belia masjid yang dijangka diadakan mulai 6 hingga 22 April telah dibincangkan. Antaranya Majlis Qiamullail, Perkhemahan Motivasi Belia dan Larian Hijrah Belia Masjid. Selain itu juga dibincangkan lantikan ahli jawatankuasa dan cadangan program.

Sekitar 100 orang belia dijangka menyertai Majlis Qiamullail dan Perkhemahan Motivasi Belia yang dijangka diadakan selama dua hari bermula 9 April di Masjid Muhammad Jamalul Alam.

Sementara itu pelbagai persatuan belia dan sekolah-sekolah bukan kerajaan di daerah ini dijangka menyertai larian tersebut. Juga turut diundang menyertai larian tersebut, pelajar-pelajar dari Sekolah Menengah Perdana Wazir. Larian bermula dari Masjid Muhammad Jamalul Alam hingga ke Masjid Perpindahan Kampong Pandan.

Selain daripada Majlis Qiamullail, perkhemahan dan larian belia, juga diadakan dalam program tersebut ialah ceramah agama, ceramah umum, uji minda dan kreativiti, sembahyang fardu berjemaah, Ratih Al-Atas dan membaca Al-Quran bertedurus.

Program belia masjid bertujuan untuk menggalakkan belia-belai supaya sentiasa aktif, di samping membentuk sahsiah mereka melalui kegiatan keagamaan untuk menarik para belia supaya mencintai masjid.

Mesyuarat dihadiri oleh wakil dari jabatan-jabatan kerajaan, sekolah-sekolah menengah dan rendah kerajaan, pegawai-pegawai masjid Masjid Belait dan persatuan-persatuan belia Daerah Belait.

PENDAPAT PEMBACA PENDAPAT PEMBACA PENDAPAT PEMBACA

Hutan khazanah negara yang berharga

NEGARA Brunei Darussalam adalah sebuah negara yang kaya dengan Hutan Hujan Tropika yang mempunyai ciri-ciri yang membuatkan ia dapat dibanggakan. Alam semula jadinya yang masih belum dicemari, begitu juga hutannya yang masih segar dan belum diceroahi serta kaya dengan flora dan faunanya, sangat sesuai dijadikan kegiatan ekopelancongan.

Tahun 2001 yang diisytiharkan sebagai Tahun Melawat Brunei, di samping kegiatan-kegiatan memperkenankan Negara Brunei Darussalam sebagai 'hub' ekopelancongan di rantau ini, Jabatan Perhutanan dan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama telah melaksanakan beberapa program bagi memastikan kemudahan-kemudahan ekopelancongan di negara ini memenuhi cita rasa pelancong. Beberapa taman rekreasi seperti Taman Negara Kuala Belalong di Ulu Temburong, Taman Rekreasi Hutan Bakau Pulau Selirong, Taman Rekreasi Bukit Shahbandar dan Taman Rekreasi Hutan Simpan Berakas telah dipertingkatkan kemudahannya dan pelbagai keperluan pelancongan telah disediakan bukan hanya untuk tujuan riadah, tetapi juga untuk peluang-peluang perniagaan

dan pekerjaan sebagai usaha untuk meningkatkan sumber ekonomi negara.

Pembukaan rasmi Bangunan Herbarium Negara adalah sebagai petanda negara sangat prihatin terhadap pemeliharaan khazanah hutan di mana koleksi flora Hutan Hujan Tropika negara mempunyai lebih daripada 30,000 spesies. Ini tentunya menjadi daya tarikan tersendiri yang akan meletakkan nama negara sebagai sebuah Pusat kecemerlangan Hutan Hujan Tropika, di samping akan menjadi rujukan penting dan asas kepada perkembangan bio-teknologi yang dijangka mampu menjadi pemangkin pembangunan ekonomi yang stabil di masa hadapan.

Satu lagi langkah yang diambil oleh kerajaan untuk menjadikan hutan sebagai khazanah negara ialah perlaksanaan cadangan supaya industri pelancongan berasaskan alam semula jadi dapat dikembangkan dengan lebih berkesan

dan teratur secara komersil oleh sektor swasta. Sebagai contoh Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama telah menawarkan kepada syarikat pelancongan yang terpilih untuk menguruskan secara komersil Kompleks Sungai Baki dan Sungai Apan di Taman Negara Kuala Belalong, Ulu Temburong. Ini juga merupakan satu peluang keemasan terhadap peluang-peluang pekerjaan dan perniagaan bagi penduduk tempatan, yang menjurus kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Kedudukan geografi negara di tengah-tengah Pulau Borneo yang merupakan pusat evolusi tumbuhan ditambah lagi dengan keadaan hutan tropikanya yang masih baik dan terpelihara, negara dapat menawarkan dan mempamerkan keaslian hutan yang unik di dunia kepada para pelancong sempena Tahun Melawat Brunei 2001. Ini juga merupakan aset semula jadi yang boleh dieksploitasikan untuk kepentingan pembangunan industri ekopelancongan, antaranya menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai Pusat Perkhidmatan Bagi Perdagangan dan Pelancongan (SHuTT) bagi ASEAN dan sebagai pintu masuk utama ke rantau BIMP-EAGA serta membantu merealisasikan hasrat ASEAN untuk menjadikan rantau ini sebagai destinasi pelancongan.

Usaha-usaha pihak kerajaan untuk mengembangkan industri ekopelancongan haruslah mendapat sokongan padu dan berterusan daripada sektor swasta supaya pergantungan ekonomi negara kepada minyak dan gas dapat dipelbagaikan, di samping untuk menjamin kesinambungan kesejahteraan generasi akan datang, sekali gus menjaga kepada pertumbuhan ekonomi yang mantap dan stabil.

Norhidayati Haji Sulong
No. 9, Simpang 40-175,
Kampung Sungai Akar,
BC 4115.
No. k/p: 305971.

TAJUK-TAJUK PENDAPAT PEMBACA AKAN DATANG

1. 'Kepentingan Teknologi Informasi dan Komunikasi (ICT) Dalam Membangun Negara'. Tarikh tutup 31 Mac, 2001.

2. 'Maju Bangsa Sejahtera Negara Berlandaskan Ajaran Islam'. Tarikh tutup 7 April, 2001.

3. 'Mengekalkan Permainan Tradisi Orang-orang Brunei'. Tarikh tutup 14 April, 2001.

Pendapat awda hendaklah ditaja jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 300 hingga 500 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada :

Sidang Penyunting,
Pendapat Pembaca,
Unit Pelita Brunei,
Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

PENDAPAT yang terpilih minggu ini dari tajuk yang telah kami kemukakan iaitu 'Hutan Sumber Asli Yang Sangat Berharga'. Mereka akan menerima hadiah sebanyak \$40.00. Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut :

Sumber hutan perlu

HUTAN merupakan khazanah dan sumber bumi yang perlu dinikmati dan dipelihara. Sebagai sumber asli, hutan dapat dimanfaatkan bagi pelbagai kegunaan dan kepentingan hidup manusia. Hutan dapat digunakan untuk penerokaan dan penghasilan produk-produk berasaskan hutan, di samping manfaat-manfaat lain.

Langkah memelihara sumber yang sangat berharga ini dapat dilaksanakan melalui pelbagai cara dan pendekatan. Kepentingan hutan sebagai sumber asli itu sendiri perlu diketahui dan dimaklumi oleh semua. Garis panduan mengenai kepentingan hutan dengan beberapa aspek dapat membantu usaha memelihara hutan sebagai khazanah negara.

Menjadikan sebahagian hutan sebagai hutan simpan, menanam semula pokok-pokok untuk menjadikan semula hutan serta pengurusan sumber hutan adalah antara usaha yang perlu dibuat. Justeru kerana negara kita kaya dengan Hutan Hujan Tropika yang mengandungi koleksi flora dan faunanya, kita hanya perlu memikirkan usaha-usaha dari segi penghasilan, pemprosesan dan pasaran sumber-sumber hutan tersebut. Bagi tujuan ekopelancongan, hutan-hutan dapat diteroka seperti kejayaan

membuka Taman Negara Kuala Belalong di Ulu Temburong, Taman Rekreasi Bukit Shahbandar dan Taman Rekreasi Hutan Simpan Berakas.

Hutan juga dapat dimanfaatkan bagi tujuan penyelidikan dan pembangunan yang berkaitan dengan perhutanan. Program-program mempromosi sumber hutan dan kepentingannya perlu dibuat secara berkesinambungan bagi menarik minat dan perhatian masyarakat. Pelajaran dan latihan mengenai perkembangan sumber hutan juga perlu di semua peringkat pengurusan, penyelidikan dan operasi perhutanan. Perisytiharan setiap 21 Mac sebagai Hari Perhutanan Sedunia dapat meningkatkan kesedaran akan kepentingan menjaga hutan dari aspek sosioekonomi dan alam sekitar.

Daripada peranan tumbuhan dan hutan dalam perlaksanaan sistem ekopelancongan berasaskan alam semula jadi, usaha-usaha tertentu dapat dibuat bagi memastikan pemeliharaan tumbuhan dan penerokaan hutan. Usaha memelihara dan memanfaatkan scumpama ini hanya akan berjaya dengan adanya peraturan-peraturan mengenai hutan dan kepentingannya sebagai sumber asli yang berharga. Sokongan dan jaminan peraturan serta undang-undang mengenai hutan

dapat menyelamatkan hutan daripada terus terbiar atau kejadian seperti pencerobohan pembalakan atau kerosakan hutan simpanan negara.

Hutan dengan pelbagai manfaat seperti penghasilan alat-alat perabot berasaskan hutan dapat menambah penghasilan tempatan dan negara. Ia juga dapat membuka peluang pekerjaan serta menyokong usaha kerajaan dalam memelihara sumber ekonomi. Kepentingan menghasilkan sumber hutan harus juga menjurus kepada kepentingan memelihara dan menyelamatkan hutan sebagai sumber asli yang berharga dan alam sekitar secara keseluruhannya.

Hutan sebagai khazanah negara dan sumber asli yang berharga hanya akan dapat dimanfaatkan dengan wujudnya kesedaran akan kepentingan hutan itu sendiri. Justeru, hutan sebagai sumber asli perlu dipelihara dan dinikmati dalam kehidupan kerana ia mampu menjadi sebahagian asas yang boleh memberi kesejahteraan kepada generasi masa kini dan akan datang.

Abd. Wahab bin Haji Abdullah,
No. 21G,
Kampung Burong Pingai Ayer,
BM 1126.
No. k/p: 058132.

Jangan pentingkan keuntungan

HUTAN adalah sumber semula jadi yang sangat penting, bernilai tinggi dan berharga kepada sesebuah negara. Hutan bukan sahaja menjadi daya penarik pelancong yang dikenali sebagai ekopelancongan, tetapi sebagai sumber ekonomi, perubatan, kesihatan dan sebagainya untuk keperluan hidup. Kepentingan hutan ini sangat ketara, secara mudahnya kita boleh bernafas adalah dengan bantuan hutan kerana hutan atau tumbuh-tumbuhan menghasilkan oksigen melalui proses fotosintesis.

Kita tidak boleh sesuka hati memusnahkan hutan yang sedia ada kerana hutan adalah merupakan aset bagi sesebuah negara, terutama bagi negara-negara yang sedang membangun. Di Negara Brunei Darussalam kira-kira 85 peratus hutan kita masih lagi belum diceroahi atau diterokai. Ini merupakan satu kebaikan bagi negara kita kerana ia sebagai pelindung kepada manusia daripada kewanasan. Sesebuah negara yang tidak mempunyai hutan akan mengalami darjah kewanasan yang tinggi contohnya Republik Singapura. Ini adalah kerana kurangnya bantuan daripada tumbuh-tumbuhan untuk mengurangkan pancaran/pantulan sinaran matahari ke bumi.

Begitu juga di bandar-bandar di mana tumbuh-tumbuhan kurang akan mengalami tahap kewanasan yang tinggi, ini adalah dari faktor kekurangan tumbuh-tumbuhan dan faktor penggunaan alat hawa dingin yang tinggi. Ini dapat dibuktikan dengan menganalogikan sebuah bandar dengan sebuah desa atau kawasan pedalaman. Kita akan mendapati kawasan pedalaman lebih sejuk berbanding kawasan bandar. Ini adalah disebabkan faktor hutan yang masih tebal di kawasan kampung dan jauh daripada penggunaan alat penghawa dingin.

Di Negara Brunei Darussalam sendiri hutan dijaga dengan sebaiknya sehingga pembalakan yang boleh mendatangkan keuntungan yang tinggi dari segi ekonomi tidak dibenarkan secara besar-besaran. Jika kita melihat negara jiran kita iaitu Malaysia, hasil pembalakan

membawa keuntungan yang tinggi kepada negara berkenaan. Tetapi, kita tidak boleh mementingkan keuntungan semata-mata, kerana kita mesti berfikir untuk jangka masa panjang iaitu kesejahteraan generasi yang akan datang. Sesungguhnya kesejahteraan bangsa dan negara lebih penting daripada kekayaan.

Hutan juga mendatangkan keuntungan dengan menjadikannya sebagai pusat ekopelancongan seperti di Taman Negara Kuala Belalong di Ulu Temburong yang kini menjadi daya tarikan pelancong. Di samping itu ada juga hutan simpanan yang dipelihara seperti Taman Rekreasi Hutan Simpan Berakas, Taman Rekreasi Bukit Shahbandar, Taman Sungai Basong dan lain-lain lagi. Dengan adanya ekopelancongan, maka secara tidak langsung mewujudkan peluang-peluang pekerjaan untuk penduduk.

Flora dan fauna yang terdapat di dalam hutan adalah merupakan hidupan yang sangat berharga. Ini adalah kerana fauna memberikan kita sumber makanan daging dan flora mengandungi khasiat herba yang sangat tinggi nilainya. Tumbuh-tumbuhan yang ada sebenarnya mempunyai khasiat yang tertentu seperti untuk ubat-ubatan dan sebagainya. Ini telah terbukti apabila pengkaji dari Amerika Syarikat telah menemui satu tumbuhan yang boleh membunuh kuman HIV dan menghidupkan semula sel-sel baru di dalam badan. Ini adalah peluang besar bagi pesakit 'AIDS' mendapatkan rawatan, tetapi hal ini masih lagi di dalam penyelidikan makmal. Penemuan ini diterokai di hutan Malaysia iaitu hutan tropika seperti yang terdapat di Negara Brunei Darussalam. Oleh itu hutan sangatlah penting dan bernilai bagi manusia dan negara, justeru itu jagalah dan pertahankan hutan kita.

Iswandy bin Haji Osman.
No. 33, Simpang 910,
Kampung Selangan,
Jalan Batang Duri,
Temburong PD 2751.
No. k/p: 266561.



PENGIRAN Haji Metassan bin Pengiran Haji Jumat, Penolong Pengarah Ko-Kurikulum ketika menyampaikan sijil kepada seorang peserta kursus, di Majlis Penutup Kursus Sains Sukan 2001 di Dewan Kuliah, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas. - Gambar oleh Amat HM.

Peserta disaran terus bergiat dalam sukan

BERAKAS, 15 Mac. - Peserta Kursus Sains Sukan 2001 disarankan supaya memanfaatkan ilmu pengetahuan yang diperolehi semasa berkursus dengan berkesan selain terus bergiat dan meningkatkan lagi pengetahuan tersebut ke tahap pencapaian yang memuaskan.

Penceramah dari Persatuan Pendidikan Fizikal, Sains Sukan dan Kecergasan Malaysia, Sheikh Kamaruddin bin Sheikh Ahmad ketika berucap di Majlis Penutup Kursus Sains Sukan 2001 berkata, dengan meneruskan kegiatan sukan secara berterusan akan dapat meningkatkan pencapaian atlet.

Dalam pada itu tambahnya, kegiatan sukan juga akan dapat mengekalkan tahap kesihatan dan kecergasan selain menghindarkan diri daripada pelbagai penyakit.

Seramai 40 orang guru-guru dari sekolah-sekolah rendah dan menengah menyertai kursus

Oleh Haji Ahat HI

tiga hari di Dewan Kuliah, Stadium Negara Hassanal Bolkiah anjuran Jabatan Ko-Kurikulum, Kementerian Pendidikan.

Hadir di majlis penutup dan menyampaikan sijil kepada para peserta ialah Penolong Pengarah Ko-Kurikulum, Pengiran Haji Metassan bin Pengiran Haji Jumat.

Sepanjang kursus, para peserta telah didedahkan dengan kejurulatihan sains sukan, perancangan latihan, latihan aerobik, latihan berat sukan, latihan skil dan analisa skil latihan.

Kursus yang bermatlamatkan untuk mendedahkan para guru dan jurulatih mengenai asas terkini bagi latihan atlet dalam sains sukan turut dikendalikan oleh Dr. Leonard de Vries.

Perlindungan biodiversiti tanggungjawab bersama

TUNGKU, 18 Mac. - Penggunaan sumber asli seperti penggunaan pokok-pokok tumbuhan dari hutan hujan bagi kegunaan perubatan serta pengambilan madu dan produk-produk daripada pelbagai jenis lebah perlu diberikan pemantauan supaya aktiviti-aktiviti sedemikian tidak menjejaskan kehalusan keseimbangan ekologi yang boleh menjejaskan alam sekitar.

Pemangku Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD) berkata, aktiviti-aktiviti sedemikian memerlukan langkah-langkah dan pengurusan yang berkesan dalam memelihara langkah-langkah dan pengurusan yang berkesan dalam memelihara biodiversiti di negara ini.

Dalam hubungan ini, Dr. Awang Haji Kassim bin Haji Daud semasa berucap melancarkan Kongres Kebangsaan Biologi berkata, adalah menjadi tanggungjawab semua pihak terutamanya para peserta kongres yang hadir untuk meningkatkan kesedaran dan penghargaan orang ramai terhadap kepentingan pemeliharaan dan perlindungan biodiversiti negara.

Oleh Siti Muslihat HS

Dr. Awang Haji Kassim seterusnya menambah, isu-isu mengenai biodiversiti tidak seharusnya diserahkan semata-mata kepada para penggubal dasar dan agensi-agensi kerajaan yang tertentu.

"Generasi muda seperti kanak-kanak sekolah perlu menyertai secara aktif dalam memberikan sumbangan mengenai bagaimana mereka juga boleh menyumbang ke arah pemeliharaan biodiversiti negara," tegasnya.

Sementara itu, Pengerusi Kongres, Dr. Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman yang juga selaku Yang Dipertua Persatuan Biologi Brunei Darussalam (PBBB) semasa berucap berharap kongres yang pertama seumpamanya ini akan dapat mencapai sasarannya, yang antaranya berusaha meningkatkan kesedaran dan kefahaman orang ramai mengenai kepentingan biodiversiti di negara ini.

Selain itu, Kongres Kebangsaan Biologi yang dianjurkan oleh Persatuan Biologi

Brunei Darussalam itu juga bertujuan untuk mengenal pasti kehendak dan kepentingan penyelidikan, pembangunan keupayaan dan keperluan lain bagi pemuliharaan, penggunaan dan pengurusan biodiversiti.

Di samping itu ianya juga dihasratkan untuk memudahkan pertukaran buah fikiran, maklumat dan pengalaman antara ahli dan bukan ahli biologi.

Majlis yang diadakan di Dewan Kuliah UBD juga diselenggarakan dengan penyampaian hadiah kepada pemenang Peraduan Mencipta Logo persatuan berkenaan, hadiah saguhati kepada dua orang peserta menulis esei serta pelancaran laman web persatuan iaitu <http://www.biobru.com>.

Peraduan Mencipta Logo dimenangi oleh Dayang Lim Ee Tyng. Beliau menerima hadiah \$200.00 berserta sijil penghargaan.

Kongres sehari itu yang bertemakan 'Biodiversiti Kita' dihadiri oleh lebih 130 orang peserta terdiri daripada para mahasiswa UBD, pelajar sekolah-sekolah menengah, ahli biologi dan orang ramai.

PELITA BRUNEI Akhbar Rasmi Kerajaan,
Setiap hari Rabu diterbitkan,
Rajin membaca bertambah pengetahuan,
Silalah Alai pilih jawapan.

1. Pada 18 Disember, 2000, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digidong Seri Lela Dato Seri Paduka Haji Awang Hussain telah berkesudian hadir mempengerusikan sesi dialog antara Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan penghulu-penghulu, ketua-ketua kampung dan ketua-ketua rumah panjang. Di manakah majlis berkenaan telah dilangsungkan?
a. Pusat Perisidangan Antarabangsa.
b. Pusat Belia, Bandar Seri Begawan.
c. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

2. Apakah tajuk cerpen keluaran PELITA BRUNEI pada 5 Januari, 2000?

3. Apakah tajuk promo keluaran PELITA BRUNEI pada 5 Januari, 2000 di muka surat 16?

PAT-PAT GULAMBIR

SYARAT PERADUAN

1. Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
2. Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
3. Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

HADIAH-HADIAH MENARIK

1. Alai yang berjaya dihidkan untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai di antara alai yang menjawab dengan tepat.
2. PELITA BRUNEI menyediakan hadiah-hadiah menarik seperti alatulis atau buku-buku.

TARIKH TUTUP

1. Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.
- Jawapan Pat-Pat Gulambir keluaran 7 Mac, 2001.
1. A 2. A 3. Tmarahkan Bulan Ramadan Dengan Sembahyang Tarawidh.

PEMENANG SOALAN PAT-PAT GULAMBIR KELUARAN PELITA BRUNEI 7 Mac, 2001

HAMIM BIN HAJI DURAMAN,
NO. 21, SIMPANG 422, KAMPONG LAMBAK
KANAN, JALAN BERAKAS,
UMUR : 11 TAHUN
SEKOLAH RENDAH BERAKAS.

NAJIBAH BINTI HAJI OSMAN,
NO. 7, SIMPANG 40-127, KAMPONG
SUNGAH AKAR, JALAN KEBANGSAAN,
BC 4115
UMUR : 14 TAHUN
SEKOLAH MENENGAH SMJA

DK. NUR AZIYAH BINTI PENGIRAN HAJI
MD. SALLEH,
NO. 113, JALAN 11, KAMPONG
PERPINDAHAN LAMBK KANAN BC 2715,
UMUR : 8 TAHUN
SEKOLAH PGMB.

BORANG JAWAPAN PAT-PAT GULAMBIR 468

Nama :

Umur :

Alamat :

Telefon rumah (jika ada) :

Sekolah :

Hantarkan borang jawapan alai :

Kepada,
Ruang Alai,
Pat-Pat Gulambir, 468,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

ALAI DIALU-ALUKAN MENGGUNAKAN PERPUSTAKAAN RUJUKAN, JABATAN PENERANGAN



AWANG Haji Mohd. Haranadi bin Haji Buntar, Penyelaras Projek Peringkat Kebangsaan bagi Pertandingan dan Pameran Fotografi ASEAN menjelaskan bahawa tarikh tutup peraduan itu dilanjutkan hingga 31 Mei atas permintaan sesetengah negara ASEAN. Hadir sama di majlis itu ialah Dato Paduka Awang Haji Mahmud, Pengerusi Jawatankuasa Kebudayaan dan Penerangan ASEAN-COCI dan Awang Haji Sumadi bin Sukaimi, Pegawai Tugas-Tugas Khas Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang juga selaku Pengerusi Bahagian Kebudayaan ASEAN-COCI. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

PERKASA ANJURKAN MUSABAQAH TILAWAH AL-QURAN

PERSATUAN PERKASA dengan kerjasama Balai Ibadat Mukim Saba sempena Awal Tahun Hijrah 1422 akan menganjurkan Musabaqah Tilawah Al-Quran, Peraduan Azan dan Ujian Menghafaz Ayat-ayat Lazim.

Tujuan peraduan itu ialah bagi menyambut Awal Tahun Hijrah 1422, di samping merupakan projek tahunan PERKASA. Selain itu ianya juga bagi menggalakkan penduduk-penduduk Mukim Saba bergiat dengan pembacaan Kitab Suci Al-Quran, di samping lebih mengeratkan hubungan silaturahim.

Penyertaan adalah terbuka kepada ahli-ahli Persatuan PERKASA dan penduduk-penduduk Mukim Saba sahaja.

Peserta Musabaqah Tilawah Al-Quran

adalah bagi penduduk Mukim Saba dan ahli-ahli Persatuan PERKASA yang berumur 50 tahun ke atas, lahir pada tahun 1950. Manakala peserta Peraduan Azan hendaklah berumur 45 tahun ke atas, lahir pada tahun 1956.

Sementara itu Ujian Menghafaz Ayat-ayat Lazim adalah bagi kanak-kanak berumur 9-12 tahun, lahir pada tahun 1992-1990 lelaki dan perempuan dan kanak-kanak berumur 6-8 tahun, lahir pada tahun 1993-1995 lelaki dan perempuan.

Borang-borang boleh didapati dan dikembalikan kepada:

Imam Awang Fadillah bin Haji Yusof
Balai Ibadat Mukim Saba.

Tarikh tutup menghantar borang ialah pada 24 Mac, 2001.

Kerajaan sedang mempertimbangkan Pelan Pembangunan Industri

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Mac. - Negara Brunei Darussalam sedang memerhatikan pengalaman serta amalan yang dilakukan oleh negara-negara luar yang mengalami peralihan paradigma dalam pelbagai aspek aktiviti kemanusiaan untuk dapat dimanfaatkan oleh negara ini.

Pengarah Pusat Sumber dan Piawai, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Awang Haji Ahmad bin Haji Rani berucap demikian di Majlis Pembukaan Mesyuarat Ke-4 Kumpulan Kerja Sumber Tenaga Manusia, di bawah Program Jawatankuasa Kerjasama Ekonomi dan Perdagangan dan Industri ASEAN (AMEICC) yang berlangsung di sebuah hotel terkemuka di ibu negara di sini.

Beliau berkata, kerajaan sedang mempertimbangkan beberapa cadangan dalam Pelan Pembangunan Industri.

Cadangan itu termasuk, bertujuan mengeratkan lagi program pendidikan, menyediakan latihan dan pendidikan komprehensif secara berterusan bagi para pelajar, graduan dan memajukan pengusaha-pengusaha.

Oleh Aliddin HM

Inisiatif tersebut katanya, akan boleh membawa kepada sumber manusia yang berkebolehan tinggi dan boleh diserapkan dalam teknologi baru yang akan memberi faedah kepada masyarakat.

Beliau juga menyentuh mengenai penubuhan Majlis Pendidikan Kebangsaan pada bulan September lalu yang bertindak bagi memastikan sistem pendidikan yang berterusan.

Negara Brunei Darussalam buat pertama kalinya menjadi tuan rumah mesyuarat dengan matlamat Jawatankuasa AMEICC untuk meningkatkan dan mengkaji kerjasama sumber tenaga manusia bagi tujuan berdaya saing di kalangan negara-negara ASEAN, selain meluaskan serta memberi bantuan kepada anggota-anggota baru.

Juga terlibat dalam mengangkaykannya ialah Universiti Brunei Darussalam, Maktab Kejuruteraan Jefri Bolkiah dan Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal.

Mesyuarat dua hari itu

antara lain membincangkan kemajuan aktiviti AMEICC dan pelaksanaan program latihan luar negara.

Ianya juga akan menumpukan kerjasama dan bantuan pembangunan Jepun kepada ahli baru ASEAN.

Pertandingan dan Pameran Fotografi ASEAN Tarikh tutup dilandjutkan 31 Mei

BERAKAS, 17 Mac. - Para peminat seni fotografi di negara ini masih berpeluang mencuba bakat untuk menyertai Pertandingan dan Pameran Fotografi ASEAN yang tarikh tutup penyertaannya dilanjutkan sehingga 31 Mei akan datang.

"Tarikh tutup penyertaan yang seharusnya berakhir pada 28 Februari lepas dilanjutkan atas permintaan sesetengah negara ASEAN dan telah dipersetujui oleh Sekretariat ASEAN di Jakarta," jelas Awang Haji Mohd. Haranadi bin Haji Buntar, Penyelaras Projek Peringkat Kebangsaan dalam satu sidang media di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) di sini.

Hadir sama ialah Dato Paduka Awang Haji Mahmud bin Haji Bakir, Pengerusi Jawatankuasa Kebudayaan dan Penerangan ASEAN-COCI bagi Negara Brunei Darussalam dan Awang Haji Sumadi bin Sukaimi, Pegawai Tugas-Tugas Khas KKBS yang juga selaku Pengerusi Bahagian Kebudayaan ASEAN-COCI, Negara Brunei Darussalam.

Menurut Awang Haji Mohd Haranadi, gambar-gambar yang diterima akan dipertandingkan terlebih dahulu di peringkat kebangsaan. Lima pemenang terbaik daripada empat kategori yang dipertandingkan akan menerima hadiah wang tunai AS\$500.00.

Tambahnya, empat kategori yang disebutkan ialah 'A Concert of Southeast Asian Nations'; 'A Partnership in Dynamic Development'; 'A Community of Caring Society' dan 'An Outward Looking ASEAN.'

Gambar-gambar bagi tema 'A Concert of Southeast Asian Nations' adalah menggambarkan kestabilan ASEAN, kegiatan-kegiatan yang memberikan keyakinan seperti dialog setia kawan, interaksi pegawai-pegawai ASEAN semasa mesyuarat, seminar dan sebagainya, manakala tema 'A Partnership in Dynamic Development' pula berunsurkan kegiatan-kegiatan ekonomi dan perniagaan, pembuatan, perdagangan, bekerja secara berpasukan, usaha di bidang sains dan teknologi dan sebagainya.

Sementara itu bagi tema 'A Community of Caring Society' pula menggambarkan suasana muhibah, sikap hormat dan pemedulian kepada warga tua, kaum wanita dan kanak-kanak, pemedulian terhadap alam sekitar, warisan kebudayaan atau kegiatan-kegiatan yang boleh mengembangkan pembangunan manusia manakala tema me-

Oleh Sahari Akim

ngenai 'An Outward Looking ASEAN' pula berunsurkan gambar-gambar perwakilan ASEAN secara aktif berinteraksi sesama mereka dan bersama perwakilan negara-negara lain, penglibatan aktif perwakilan remaja dalam kegiatan-kegiatan antarabangsa seperti Program Kapal Belia Asia Tenggara, sukan dan seumpamanya.

Katanya, setiap peserta yang terdiri daripada rakyat negara ini dibolehkan menghantar empat keping gambar bagi setiap kategori dan setelah dihakimkan, lima keping gambar bagi setiap kategori akan dipilih untuk dipertandingkan di peringkat ASEAN.

Awang Haji Mohd. Haranadi juga menjelaskan, bagi pertandingan peringkat kebangsaan, setiap peserta hanya akan dibenarkan memenangi satu hadiah bagi setiap kategori.

Setiap negara ASEAN jelasnya, akan menghantar 20 keping gambar ke pertandingan peringkat ASEAN yang menjadikannya 200 keping keseluruhannya untuk dikirimkan pada bulan Julai nanti.

Tiga keping gambar terbaik bagi setiap kategori yang dipertandingkan di peringkat ASEAN akan menerima hadiah wang tunai sebanyak AS\$1,000.00.

Pertandingan dan pameran yang bertemakan 'Ke Arah Wawasan ASEAN 2020: Imej Kerjasama Di Asia Tenggara' itu antara lain bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan kepada masyarakat dengan mendedahkan imej kerjasama ASEAN dalam bentuk fotografi dan visual di samping memperbanyakkan lagi koleksi fotografi ASEAN bagi kegunaan kegiatan-kegiatan penerangan melalui poster, buku kecil, flyer dan sebagainya.

Kepada rakyat negara ini yang berminat untuk menyertai pertandingan atau mendapatkan keterangan lebih lanjut mengenai syarat-syarat lengkap pertandingan itu, mereka boleh menghubungi:

Awang Haji Mohd. Haranadi bin Haji Buntar di Bahagian Fotografi, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, Lapangan Terbang Lama Berakas, nombor. telefon: 02-382558/02-383400 sambungan 116.



PENGARAH Pusat Sumber dan Piawai, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Awang Haji Ahmad bin Haji Rani menjelaskan, kerajaan sedang mempertimbangkan cadangan Pelan Pembangunan Industri, ketika berucap di Majlis Pembukaan Mesyuarat Ke-4 Kumpulan Kerja Sumber Tenaga Manusia di bawah Program Jawatankuasa Kerjasama dan Perdagangan dan Industri ASEAN (AMEICC). - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.



TAHUN 46

BILANGAN 13

RABU 28 MAC, 2001

1422 رابو 3 محرم

PERCUMA

**JADUAL PERPUSTAKAAN BERGERAK DEWAN BAHASA
DAN PUSTAKA APRIL 2001**

Tarikh	Hari	Pusat Perhentian	Jam
2 April, 2001	Isnin	Sekolah Rendah Masin	9.30 pagi
3 April, 2001	Selasa	Institut Tahfiz Al-Quran	2.30 petang
3 April, 2001	Selasa	Sekolah Rendah AHMY Katimahar	9.00 pagi
4 April, 2001	Rabu	Sekolah Rendah Jerudong	9.00 pagi
5 April, 2001	Khamis	Sekolah Rendah Kasat	9.30 pagi
23 April, 2001	Isnin	Sekolah Rendah Muluat	9.30 pagi
24 April, 2001	Selasa	Sekolah Rendah Junjongan	9.30 pagi
25 April, 2001	Rabu	Sekolah Rendah Panglima Benudin, Limau Manis	9.30 pagi
26 April, 2001	Khamis	Sekolah Rendah Lumapas	9.30 pagi
26 April, 2001	Sabtu	Sekolah Rendah Panchor Murai	8.45 pagi
26 April, 2001	Sabtu	Institut Tahfiz Al-Quran	2.30 petang
30 April, 2001	Isnin	Sekolah Rendah Putat	9.30 pagi

**KEMENTERIAN KESIHATAN****Syarat-Syarat Tawaran :**

- Dokumen-dokumen tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperolehi daripada Bahagian Akas, Bahagian Pembelian dan Perbekalan, Kementerian Kesihatan, Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan, semasa waktu-waktu bekerja.
- Tawaran-tawaran hendaklah dihantar ke alamat yang tertera di bawah dalam sampul surat yang bertutup dengan ditulis bilangan dan nama tawaran tanpa menunjukkan identiti pemborong dan dalam tempoh kepada : Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Bahagian Lembaga Tawaran Negara, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710.
- Tawaran yang mempunyai sukuan KK/TK/15/2001 hingga KK/TK/25/2001 hendaklah dihantar tidak lewat dari jam 2.00 Petang, Hari Isnin 16 April, 2001.
- Semua tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan diadun.
- Yuran Tawaran (Tender Fee) bagi setiap tawaran adalah seperti dinyatakan dan dikehendaki pembayaran dengan wang tunai sahaja (yang tidak dikembalikan). Pembayaran Yuran Tawaran hanya boleh dibuat pada hari dan waktu bekerja dari jam 8.00 Pagi hingga 11.30 Pagi dan 2.00 Petang hingga 3.30 Petang.
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah atau lain-lain tawaran.
- Bagi pemborong-pemborong yang menyertai tawaran yang tertera di bawah ini hendaklah mempunyai kelayakan seperti berikut :
Siti Permaisuri Yang Mahkota Sultana

TAWARAN KECIL

- Bilangan Tawaran : KK/TK/15/2001 - TO SUPPLY & DELIVER ONE (1) SET OF HARMONIC SCALPEL (ULTRACISION) FOR SURGICAL DEPT, RIPAS HOSPITAL, Yutan Tawaran : \$100.00.
- Bilangan Tawaran : KK/TK/16/2001 - TO SUPPLY, DELIVER & TEST EQUIPMENT FOR ENDOSCOPY UNIT, RIPAS HOSPITAL, Yutan Tawaran : \$100.00.
- Bilangan Tawaran : KK/TK/17/2001 - TO SUPPLY & DELIVER ACCESSORIES FOR GASTROENTEROLOGY AND ENDOSCOPY DEPT, RIPAS HOSPITAL, Yutan Tawaran : \$100.00.
- Bilangan Tawaran : KK/TK/18/2001 - TO SUPPLY, DELIVER & TEST EQUIPMENT FOR PHARMACEUTICAL DEPT, RIPAS HOSPITAL, Yutan Tawaran : \$100.00.
- Bilangan Tawaran : KK/TK/19/2001 - TO SUPPLY, DELIVER & TEST ONE (1) UNIT OF STAT ANALYZER FOR SSB HOSPITAL, KUALA BELAIT, Yutan Tawaran : \$100.00.
- Bilangan Tawaran : KK/TK/20/2001 - TO SUPPLY, DELIVER, TEST & COMMISSION ONE (1) UNIT OF FREE AIR COMPRESSOR WITH DRYER MEDICAL FOR DEPT OF SCIENTIFIC SERVICES, MOH, Yutan Tawaran : \$100.00.
- Bilangan Tawaran : KK/TK/21/2001 - TO SUPPLY, DELIVER, TEST & COMMISSION ONE (1) UNIT OF GAS CHROMATOGRAPH COMBI-PAL FOR THE ARSON LAB, DEPT OF SCIENTIFIC SERVICES, MOH, Yutan Tawaran : \$100.00.
- Bilangan Tawaran : KK/TK/22/2001 - TO SUPPLY, DELIVER, TEST & COMMISSION ONE (1) UNIT OF MASS SELECTIVE DETECTOR AS AN UPGRADE TO A GAS CHROMATOGRAPHY AT THE NARCOTICS LAB, DEPT OF SCIENTIFIC SERVICES, MOH, Yutan Tawaran : \$100.00.
- Bilangan Tawaran : KK/TK/23/2001 - MEMBEKAL DAN MENGHANTAR BEKALAN BAGI DENTAL HEALTH EDUCATION, Yutan Tawaran : \$100.00.
- Bilangan Tawaran : KK/TK/24/2001 - 2 YEAR PERIODIC CLEANING SERVICES FOR R.S.S. HEALTH CENTER, M.C.H. CLINIC AND OTHER HEALTH SERVICES AT BLOCK 25, JALAN ONG SUM PING, Yutan Tawaran : \$100.00.
- Bilangan Tawaran : KK/TK/25/2001 - INSTALLATION OF WATER TANKS FOR THE PROPOSED NEW DENTAL CENTRE AT OLD AIRPORT ROAD SYARAT KHAS BERDASAR DENGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN, DALAM KELAS II KE ATAS, Yutan Tawaran : \$100.00.

**SEKRETARIAT MAJLIS EKONOMI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM****PELAN PEMULIHAN EKONOMI JANGKA PENDEK****Bilangan Tawaran : JKP/11/2001****Syarat-Syarat Tawaran :**

- TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari pemborong-pemborong yang berdaftar kelas III, IV atau V kategori 1 dan 2.
- Pemborong yang berdaftar dalam kategori 2 yang tidak mempunyai kategori 1, dibolehkan melantik pemborong yang berdaftar dalam kategori 1 yang berpengalaman sekurang-kurangnya dalam kelas yang sama untuk melaksanakan bahagian kerja-kerja infrastruktur dalam kontrak ini. Sijil Pendaftaran dari Kementerian Pembangunan hendaklah disertakan bersama.
- Projek : PROPOSED 5 HOUSES AT KAMPONG PANDAN RESETTLEMENT/HOUSING SCHEME, CONTRACT H10A, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM. Projek No : JKP/11/2001.
- Dokumen-dokumen tawaran dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kemajuan Perumahan, Bahagian Pentadbiran Kontrak, Tingkat 1, Bangunan Jabatan Kemajuan Perumahan, Negara Brunei Darussalam sehingga jam 10.00 pagi hari Sabtu 21 April, 2001.
- Tarikh buka : 28 Mac, 2001 (Rabu)
- Tarikh tutup : 23 April, 2001 (Isnin) tidak lewat jam 2.00 petang.
- Tempat tutup : Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam.
- Cagiran tawaran : \$500.00. Bayaran Dokumen & Lukisan Tawaran : \$125.00 (tidak dikembalikan).

Syarat-Syarat Tawaran :

- TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran mengikut alamat yang dinyatakan di dalam iklan.
- Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan diadun.
- Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi/sealed dengan menyatakan tajuk dan bilangan projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat di para satu menurut arahan yang dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.
- Dokumen-dokumen tawaran dan lukisan-lukisan serta keterangan-keterangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Kemajuan Perumahan, Tingkat 1, Bahagian Pentadbiran Kontrak, Negara Brunei Darussalam.
- Cagiran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).
- Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kelas yang ditetapkan.
- Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengucuaian tidak akan diadun.
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.
- Tawaran akan dikira sah laku tempoh 90 hari dari tarikh akhir menghantar tawaran.
- Penawar yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi akan dikenakan denda selaras mengikut peraturan dan garis panduan yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara nukan LTR/4 (39/1997).
- Wakil syarikat yang hadir mengambil dokumen tawaran hendaklah wakil yang dibenarkan oleh syarikat yang berkenaan dan hendaklah membawa bersama surat pengesahan dari syarikat dan kad pengenalan wakil untuk nukan Jabatan sebelum dokumen tawaran diserahkan.

**JABATAN TELEKOM BRUNEI
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN****No. Projek : JTB/SO/GDG 0040/2001****Syarat-Syarat Tawaran :**

- TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada pemborong-pemborong Telekom yang berdaftar dalam kelas K1, K2 & K3.
- Tawaran-tawaran yang dimaksudkan adalah bagi Transfer Exlg Circuit And Cut Over Cab 007, 008, 011, 013, 018 & 022 To New Cab At Gadong Exchange Area.
- Tawaran-tawaran mestilah diterima dalam sampul surat yang bertutup rapi dan bertandukan : JTB/SO/GDG 0040/2001 - TRANSFER EXLG CIRCUIT AND CUT OVER CAB 007, 008, 011, 013, 018 & 022 TO NEW CAB AT GADONG EXCHANGE AREA tanpa menunjukkan nama pemborong kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam tidak lewat daripada hari Isnin 9 April, 2001, jam 2.00 petang. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan diadun.
- Dokumen-dokumen terperinci tawaran boleh didapati dari Pejabat Pengarah Telekom di Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam dengan pembayaran sebanyak \$100.00 (tidak dikembalikan). Pembayaran hendaklah dibuat sama ada dengan wang tunai atau cek tempatan berserta dengan surat jaminan bank.
- Rajah-raja, spesifikasi-spesifikasi dan lain-lain dokumen yang perlu boleh didapati dari Bahagian Perkhidmatan-Perkhidmatan & Operasi, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Perhubungan, Lapangan Terbang Lama, Berakas dengan menunjukkan rest-rest pembayaran cagiran tawaran.
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang temurah atau tertentu.
- Perbincangan bersama serta pemeriksaan tapak kerja adalah satu syarat tawaran dan bakal-bakal pemborong mestilah berjumpa dengan wakil Pengarah pada hari Isnin 2 April, 2001, jam 9.00 pagi di Bahagian Perkhidmatan-Perkhidmatan & Operasi, Tingkat 1, Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Telekom, Lapangan Terbang Berakas, Negara Brunei Darussalam.
- Hanya pemborong-pemborong yang berkelayakan dibenarkan hadir untuk perbincangan bersama serta pemeriksaan tapak dengan menunjukkan salinan pendaftaran mereka dalam kelas yang dimaksudkan atau surat kebenaran bagi penyertaan mereka dalam tawaran ini. Tawaran-tawaran tidak akan diterima daripada pemborong-pemborong yang tidak hadir.
- Sekiranya pemborong-pemborong gagal menyiapkan projek tersebut pada tarikh yang ditetapkan tanpa sebarang sebab-sebab yang bertulis yang boleh diterima, maka bayaran denda sebanyak 0.1 peratus bagi setiap hari lewat dan tidak melebihi 10 peratus daripada jumlah harga projek tersebut akan dikenakan.
- Kerja-kerja pelaksanaan mestilah dijalankan dalam jangka masa 3 bulan dari tarikh penerimaan surat tawaran berjaya dan harga sebut-harga mestilah sah laku selama 6 bulan dari tarikh tutup tawaran.

No. Projek : JTB/SO/GDG 0020/2001**Syarat-Syarat Tawaran :**

- TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada pemborong-pemborong Telekom yang berdaftar dalam kelas K1, K2 & K3 dan C1, C2 & C3.
- Tawaran-tawaran yang dimaksudkan adalah bagi Provision Of Secondary Networks For Expo-Housing '99 Cabinet 027 Kampong Peripindahan Lambak Kanan.
- Tawaran-tawaran mestilah diterima dalam sampul surat yang bertutup rapi dan bertandukan : JTB/SO/GDG 0020/2001 - PROVISION OF SECONDARY NETWORKS FOR EXPO-HOUSING '99 CABINET 027 KAMPONG PERIPINDAHAN LAMBAK KANAN tanpa menunjukkan nama pemborong kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam tidak lewat daripada hari Isnin 16 April, 2001, jam 2.00 petang. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan diadun.
- Dokumen-dokumen terperinci tawaran boleh didapati dari Pejabat Pengarah Telekom di Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam dengan pembayaran sebanyak \$100.00 (tidak dikembalikan). Pembayaran hendaklah dibuat sama ada dengan wang tunai atau cek tempatan berserta dengan surat jaminan bank.
- Lukisan-lukisan, spesifikasi-spesifikasi dan lain-lain dokumen yang perlu boleh didapati dari Bahagian Perkhidmatan-Perkhidmatan & Operasi, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Perhubungan, Lapangan Terbang Lama, Berakas dengan menunjukkan rest-rest pembayaran cagiran tawaran.
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang temurah atau tertentu.
- Perbincangan bersama serta pemeriksaan tapak kerja adalah satu syarat tawaran dan bakal-bakal pemborong mestilah berjumpa dengan wakil Pengarah pada hari Isnin 9 April, 2001, jam 9.00 pagi di Bahagian Perkhidmatan-Perkhidmatan & Perbahagian, Tingkat 1, Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Telekom, Lapangan Terbang Berakas, Negara Brunei Darussalam.
- Hanya pemborong-pemborong yang berkelayakan dibenarkan hadir untuk perbincangan bersama serta pemeriksaan tapak dengan menunjukkan salinan pendaftaran mereka dalam kelas yang dimaksudkan atau surat kebenaran bagi penyertaan mereka dalam tawaran ini. Tawaran-tawaran tidak akan diterima daripada pemborong-pemborong yang tidak hadir.
- Sekiranya pemborong-pemborong gagal menyiapkan projek tersebut pada tarikh yang ditetapkan tanpa sebarang sebab-sebab yang bertulis yang boleh diterima, maka bayaran denda sebanyak 0.1 peratus bagi setiap hari lewat dan tidak melebihi 10 peratus daripada jumlah harga projek tersebut akan dikenakan.
- Kerja-kerja pelaksanaan mestilah dijalankan dalam jangka masa 4 bulan dari tarikh penerimaan surat tawaran berjaya dan harga sebut-harga mestilah sah laku selama 6 bulan dari tarikh tutup tawaran.

**JABATAN PERKHIDMATAN-
PERKHIDMATAN ELEKTRIK**

- Bilangan Tawaran : JPE/LTN/0010/04/2001 - Tajuk Kerja PELAJAT MUFTI KERAJAAN CONSTRUCTION OF GALLERY TO EXHIBIT MUHAF, MANUSCRIPT, TASBEH AND TONGKAT COLLECTION OF KERAWAY DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM (PEMANGKUAN LRT).
- Tarikh tutup : 2 April, 2001 hari Isnin jam 2.00 petang.
- Cagiran : \$250.00 (tidak dikembalikan). Harga Dokumen : \$53.00 (tidak dikembalikan).
- Sampul tutup : Kotak Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pembangunan, Tingkat 8, Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, BS 8710, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
- Kelayakan : Ais LRT yang bertulis sahaja.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Kaunter Pengedaran Dokumen, Tingkat Bawah, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Kementerian Pembangunan.



DI DALAM MAHKAMAH BESAR BANDAR SERI BEGAWAN

KEBANKRAPAN NO. 302 TAHUN 1999
THE ISLAMIC BANK OF BRUNEI BHD. ... Pemintut Penghakiman/
Pemertisyon

DAN
HAJI MOHAMMAD BIN HAJI ABDULLAH (BYIC NO. 077520) ...
Penghutang Penghakiman/Pemertisyon

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA
Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 25 November, 2000.
Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-
pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai
Penerimaan Rasmi, Mahkamah Besar, pada **11 April, 2001** jam 9.30 pagi.
Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah di-
serah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan
bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan-simpan
kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan
bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 11 April, 2001
jam 9.30 pagi di Mahkamah Besar.
Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti atau wakil-
wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyahut penghutang
semasa pemeriksaan awam penghutang mengenai dengan hal-hal yang ada
juga sebab keagalannya. Bertarikh 27 Februari, 2001.

DYG RAMZIDAH PKDQ HJ ABDUL RAHMAN - Timbalan Pegawai
Penerimaan Rasmi

KEBANKRAPAN NO. 280 TAHUN 2000
IRB FINANCE BERHAD ... Pemintut Penghakiman/Pemertisyon

DAN
HAJI ISMAIL BIN DAUD (BYIC NO. 289633) ... Penghutang
Penghakiman/Pemertisyon

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA
Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 1 Mac, 2001.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-
pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai
Penerimaan Rasmi, Mahkamah Besar, pada **3 April, 2001** jam 2.00 petang.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah di-
serah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan
bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan-simpan
kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan
bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 3 April, 2001
jam 2.00 petang.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti atau wakil-
wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyahut penghutang
semasa pemeriksaan awam penghutang mengenai dengan hal-hal yang ada
juga sebab keagalannya. Bertarikh 5 Mac, 2001.

LIM SIEW YEN - Timbalan Pegawai Penerimaan Rasmi



JABATAN PERKHIDMATAN- PERKHIDMATAN ELEKTRIK

Bilangan Tawaran : JPE/LTN/JAN/38/2001 : Tajuk Kerja : PEMELI-
HARAN BANGUNAN, KAWASAN JAKUASA & PERUMAHAN
SHOASSKW, LUMUT.

Tarikh tutup : **9 April, 2001** hari Isnin jam 2.00 petang.
Harga Tawaran : \$100.00 (tidak dikembalikan). Harga Dokumen : \$25.00
(tidak dikembalikan).

Tempat tutup : Kotak Lembaga Tawaran Negara, Peti Tawaran, Lembaga
Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan
Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710.

Kelayakan : Pemohon yang berdaftar dalam Kementerian
Pembangunan dalam kategori 4(a), 4(c), 4(d) dalam kelas II, III & V.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh
diperolehi dari Kaunter Pengeluaran Dokumen, Tingkat Empat (4),
Bahagian Perbekalan, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Kementerian
Pembangunan.



SEKRETARIAT MAJLIS EKONOMI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PELAN PEMULIHAN EKONOMI JANGKA PENDEK

Bilangan Tawaran : JKP/12/2001

Syarat-Syarat Tawaran :
TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari pemohon-pemohon yang
berdaftar kelas III, IV atau V kategori 2 bagi :

Projek : PROPOSED 22 UNITS OF TERRACE HOUSING AT KAMPONG
PANDAN RESETTLEMENT/HOUSING SCHEME (PACKAGE 1), CON-
TRACT H10C, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM. **Projek No :**
JKP/12/2001.

Bilangan Tawaran : JKP/13/2001

Syarat-Syarat Tawaran :
TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari pemohon-pemohon yang
berdaftar kelas III, IV atau V kategori 2 bagi :

Projek : PROPOSED 22 UNITS OF TERRACE HOUSING AT KAMPONG
PANDAN RESETTLEMENT/HOUSING SCHEME (PACKAGE 2), CON-
TRACT H10C, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM. **Projek No :**
JKP/13/2001.

Bilangan Tawaran : JKP/14/2001

Syarat-Syarat Tawaran :
TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari pemohon-pemohon yang
berdaftar kelas III, IV atau V kategori 2 bagi :

Projek : PROPOSED 22 UNITS OF TERRACE HOUSING AT KAMPONG
PANDAN RESETTLEMENT/HOUSING SCHEME (PACKAGE 3), CON-
TRACT H10C, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM. **Projek No :**
JKP/14/2001.

Dokumen-dokumen tawaran dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di
Jabatan Kemajuan Perumahan, Bahagian Pentadbiran Kontrak, Tingkat 1,
Bangunan Jabatan Kemajuan Perumahan, Negara Brunei Darussalam
sehingga jam 10.00 pagi hari Sabtu 7 April, 2001.

Tarikh buka : 21 Mac, 2001 (Rabu)



JABATAN PERIKANAN KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA

Bilangan Tawaran : JPI/12/2001

Syarat-Syarat Tawaran :
TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari syarikat-syarikat yang
benar (bona-fide) bagi Upgrading Of Sungai Jambu Fish Farm
Facilities.

Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan di dalam sampul surat yang
bertutup rapi (sealed) dengan menyatakan :

JPI/12/2001 - UPGRADING OF SUNGAI JAMBU FISH FARM
FACILITIES.

di bahagian atas sebelah kiri tanpa menyatakan identiti penender dan
dihantar kepada alamat berikut : Pengerusi, Lembaga Tawaran Negara,



JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Bilangan Tawaran : JKP/04/2001

Tajuk Tawaran : TAWARAN BAGI MENDAPATKAN SATU (1) UNIT RUANG
KEDAI DI PUSAT KEMASYARAKATAN NO. 2 KAWASAN RANCANGAN
PERUMAHAN NEGARA LAMBK KANAN, NEGARA BRUNEI DARUS-
SALAM. Bilangan Tawaran : JKP/04/2001.

Lokasi : Di Pusat Kemasyarakatan No. 2, Kawasan Rancangan Perumahan
Lambak Kanan, Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Jumlah ruang yang ditawarkan : 1 unit ruang kedai
Sewa setiap bulanan : \$300.00 (Tiga Ratus Ringgit Brunei) sebulan.
Keluasan bagi setiap unit : 55.70 kaki persegi.

Tempoh penyewaan : 5 tahun.
Dokumen tawaran : Boleh diperolehi daripada Bahagian Pentadbiran
Kontrak, Tingkat 1, Bangunan JPE/JKP, (Jabatan Perkhidmatan
Elektrik/Jabatan Kemajuan Perumahan), Lapangan Terbang Lama,
Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh buka tawaran : 28 Mac, 2001.
Tarikh akhir mengambil dokumen tawaran : 21 April, 2001 (Sabtu) tidak
lewat jam 2.00 petang.

Tarikh tutup tawaran : **23 April, 2001 (Isnin)** tidak lewat jam 2.00 petang.
Tempat tutup tawaran : Pengerusi, Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8,
Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara
Brunei Darussalam.

Cagaran tawaran : \$100.00 (Satu Ratus Ringgit Brunei) tunai - dikembalikan
kepada penawar yang tidak berjaya dan yang telah menghantar tawaran
yang jujur.

Bayaran Dokumen tawaran dan lukisan : \$15.00 (Lima Belas Ringgit Brunei)
tidak dikembalikan kepada penawar.

Waktu pembayaran : Isnin - Khamis : 8.00 pagi hingga 11.00 pagi. 1.30
petang hingga 2.30 petang. dan Sabtu : 8.00 pagi hingga 10.00 pagi.

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TERBUKA kepada semua penduduk RPN Lambak Kanan saja yang
mempunyai Sijil Pendaftaran Perniagaan Bab 16 & 17 mahkamah
untuk memberikan tawaran bagi mendapatkan unit/ruang kedai di
Pusat Kemasyarakatan No. 2 Kawasan Rancangan Perumahan
Negara Lambak Kanan, seperti yang dinyatakan dalam notis tawaran.

2. Pemohon-pemohon hendaklah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli
Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam.

3. Pemohon mestilah membawa bersama kad pengenalan asal pemilik-
pemilik syarikat dan salinan asal (original) sijil pendaftaran syarikat dan
memberikan satu salinan bergambar untuk simpanan jabatan ini.

4. Cagaran tawaran dikenakan sebanyak \$100.00 dan akan dikembalikan
kepada setiap syarikat yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran
yang jujur. Bayaran dokumen tawaran dikenakan sebanyak \$15.00 dan
tidak dikembalikan. Resit pembayaran berserta sijil pendaftaran
syarikat hendaklah ditunjukkan kepada Bahagian Pentadbiran Kontrak
sebelum borang dan dokumen tawaran dapat diserahkan. Penawar
yang telah mengambil dokumen tawaran tetapi gagal untuk menghantar
tawaran atau menghantar lewat daripada masa yang ditetapkan
atau tersalah alamat maka cagaran tawarannya tidak akan dikemba-
likan dan menjadi hak kerajaan.

5. Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan jam yang ditetap-
kan pada notis tawaran tidak akan diterima dan dilayan.

6. Borang tawaran mestilah diisi dengan lengkap dan betul dengan
tulisan yang terang, jika tidak permohonan tawaran akan ditolak.

7. Harga tawaran tidak boleh dipadam dengan cecair padam atau seperti
blanco, tippex dan lain-lain. Jika ada kesilapan pada harga tawaran
penawar hendaklah mengislah harga yang salah dan mencatat harga
betul di atasnya dengan disertai tanda tangan penawar. Harga tawaran
yang dipadam dengan blanco dan sebagainya adalah ditolak dan
tawarannya dikira tidak sah.

8. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang berutup
yang telah disediakan oleh jabatan ini tanpa menunjukkan identiti
syarikat dan hendaklah dimasukkan ke dalam Pengerusi, Lembaga

Tarikh tutup : **9 April, 2001 (Isnin)** tidak lewat jam 2.00 petang.
Tempat tutup : Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Bangunan
IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei
Darussalam.

Cagaran tawaran : \$500.00. Bayaran Dokumen & Lukisan Tawaran :
\$125.00 (tidak dikembalikan).

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran
mengikut alamat yang dinyatakan di dalam iklan.

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetap-
kan tidak akan dilayan.

3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang tertu-
tup rapi/sealed dengan menyatakan tajuk dan bilangan projek yang
berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada ala-
mat di para satu menurut arahan yang dinyatakan dalam Dokumen
Tawaran.

4. Dokumen-dokumen tawaran dan lukisan-lukisan serta keterangan-
keterangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Kemajuan
Perumahan, Tingkat 1, Bahagian Pentadbiran Kontrak, Negara Brunei
Darussalam.

5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada
setiap pemohon yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang
jujur (bona-fide tender).

6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemohon
dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemohon
adalah yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kelas yang ditetapkan.

7. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dengan menggunakan borang-
borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai
pencuculan tidak akan dilayan.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan
dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya
menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

9. Tawaran akan dikira sah laku tempoh 90 hari dari tarikh akhir menghantar
tawaran.

10. Penawar yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah
keberhasilan tawaran diperolehi akan dikenakan denda selaras
mengikut peraturan dan garis panduan yang diberikan oleh Lembaga
Tawaran Negara rujukannya LT/N/4 (39/1997).

11. Wakil syarikat yang hadir mengambil dokumen tawaran hendaklah wakil
yang dibenarkan oleh syarikat yang berkenaan dan hendaklah mem-
bawa bersama surat pengesahan dari syarikat dan kad pengenalan
wakil untuk rujukan Jabatan sebelum dokumen tawaran diserahkan.

Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha,
Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam dan dima-
sukkan ke dalam Peti Lembaga Tawaran Negara tersebut tidak lewat
dari **hari Isnin, 21 Mei, 2001** jam 2.00 petang.

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetap-
kan tidak akan dilayan.

3. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan lanjut boleh didapati dari
Jabatan Perikanan, Tingkat 3, Bangunan Kementerian Perindustrian
dan Sumber-Sumber Utama, Jalan Menteri Besar, Bandar Seri
Begawan BS 3910, Negara Brunei Darussalam.

4. Cagaran tawaran sebanyak \$100.00 adalah dikehendaki dan akan
dikembalikan kepada setiap tawaran yang benar (bona-fide) yang tidak
berjaya.

5. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-
borang tawaran yang telah disediakan.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan
dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk
menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

Tawaran Negara, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar
Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam.

9. Tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang tawaran
yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pencuculan tidak
akan dilayan.

10. Pemohon yang berjaya adalah dikehendaki untuk membayar wang
cagaran sebanyak tiga (3) bulan sewa sebelum menandatangani kontrak
perjanjian dan dibenarkan memulakan perniagaan.

11. Penawar tidak dibenarkan menarik diri setelah tawaran tutup. Bagi
mereka yang menarik diri akan dikenakan denda masa (diharamkan
mengikuti sebarang tawaran di jabatan ini sehingga tarikh yang di-
nyatakan) dan wang cagaran (\$100.00) tidak akan dikembalikan.

12. Harga tawaran dari penawar adalah bayaran premi bagi kelayakan
untuk mendapatkan satu unit ruang perusahaan dan tidak termasuk
perkara-perkara berikut :

i) Sewa bulanan yang telah ditetapkan sebanyak \$300.00 sebulan.
ii) Wang cagaran penyewaan (jika berjaya) sebanyak \$1,000.00 diba-
yar bersama harga tawaran secara tunai sebelum menandatangani
perjanjian kontrak.

13. Penawar berjaya yang telah gagal menjelaskan harga tawaran atau
cagaran penyewa dalam tempoh yang telah ditetapkan Jabatan adalah
dianggap melanggar syarat-syarat tawaran dan akan dikenakan denda
masa iaitu diharamkan dari mengikuti sebarang tawaran di Jabatan-
Jabatan di bawah Kementerian Pembangunan.

14. Penawar yang berjaya dikehendaki membiayai sendiri segala kos per-
belanjaan bagi membeli unit kedai yang ditawarkan tersebut dan
digalakkan supaya melawat tempat perusahaan tersebut untuk memastikan
keadaan status kerosakan pada unit-unit yang akan diperbaiki
tersebut.

15. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan
dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya
menerima tawaran yang tinggi atau sebarang tawaran.



UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

Bilangan Tawaran : UBD/E8/06/2001

Syarat-Syarat Tawaran :
TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang
terletak di Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan
Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam
tidak lewat jam 2.00 petang pada hari Isnin 2 April, 2001.

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan jam yang ditetap-
kan tidak akan dilayan.

3. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dengan wang tunai pada setiap
tawaran. Cagaran akan dikembalikan kepada setiap pemohon yang
tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).
Waktu menerima cagaran tawaran adalah seperti berikut :

Isnin - Khamis : 8.00 pagi - 11.00 pagi. 1.30 petang - 2.30 petang.
Sabtu : 8.00 pagi - 10.00 pagi.

4. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan jam yang ditetap-
kan tidak akan diterima dan dilayan.

5. Tiap-tiap tawaran hendaklah dinyatakan tempoh pembekalannya.

6. Segala kehendak dalam borang ini mestilah ditulis dengan betul dan
terang jika tidak permohonan tawaran ini akan ditolak.

7. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertu-
tup. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah di tulis tajuk atau bilan-
gan tawaran sepertiimana yang diiklankan serta tarikh tutup tawaran
sahaja, tanpa menunjukkan identiti pembekal/pemohon dan dititikan
kepada : Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Bangunan
IBB, Jalan Pemancha BS 8710, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei
Darussalam. Semua tawaran hendaklah sampai jam 2.00 petang ke
alamat di atas tidak lewat dari tarikh 2 April, 2001 hari Isnin.

8. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-
borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai
pencuculan tidak akan dilayan.

9. Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama.

10. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan
dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya
menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

**Bilangan Tawaran : UBD/E8/06/2001 : THE SUPPLY OF LABOUR,
SUPERVISOR AND TRANSPORT FOR UNIVERSITI BRUNEI DARUS-
SALAM.** Bayaran tawaran \$100.00 (dikembalikan). Bayaran dokumen
\$25.00 (tidak dikembalikan).



KEMENTERIAN PERTAHANAN

**Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/2001/X/3002 : SUPPLY OF ABATE 1%
& TAT GLUE (LARGES) 300G.** Wang Bayaran Tawaran : \$10.00 (tidak
dikembalikan).

**Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/2001/Z/3002 : MERCURY OBM (2
TYPES).** Wang Bayaran Tawaran : \$10.00 (tidak dikembalikan).

Syarat-Syarat Tawaran :

TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran,
Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Bahagian Lembaga Tawaran Negara,
Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara
Brunei Darussalam, tidak lewat jam 2.00 petang hari Isnin 9 April, 2001.

Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Unit Tawaran,
Jabatan Kewangan dan Perbekalan seperti alamat yang disebutkan di
perenggan (a) di atas semasa hari-hari bekerja (Isnin - Jumaat). Tarikh ter-
akhir mengambil dokumen tawaran pada 9 April, 2001 hari Isnin jam
10.30 pagi.

b) Wang bayaran Tawaran "Tender Fees" hendaklah dibayar di Bahagian
Kewangan, Jabatan Kewangan dan Perbekalan, Blok 169,
Kementerian Pertahanan, Blokiah Garrison BB 3510, Negara Brunei
Darussalam.

Waktu bagi menerima bayaran : Isnin - Khamis : 8.00 pagi - 11.30 pagi
2.00 petang - 3.30 petang dan Jumaat : 8.00 pagi - 10.30 pagi

c) Wang bayaran tawaran "Tender Fees" pembekal adalah dikehendaki
membayar tawaran bagi semua tawaran seperti yang diiklankan.

d) Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang paling
rendah.

e) Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan
hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat
hendaklah dinyatakan rujukan dan tajuk tawaran dan catatan tarikh
tawaran ini sepertiimana yang diiklankan. Contoh-contoh atau ka-
talog asal yang berkaitan dan bersesuaian dengan jenis tawaran yang
diiklankan mestilah dihantar ke Unit Tawaran, Jabatan Kewangan
dan Perbekalan, Blok 150, Kementerian Pertahanan, Blokiah Garrison
BB 3510, Negara Brunei Darussalam sehingga hari Jumaat tidak lewat
jam 4.00 petang pada minggu yang sama.



PENGAMBILAN PENUNTUT-PENUNTUT BARU BAGI SESI JUN 2001 BAGI MENGIKUTI KURSUS DI SEKOLAH VOKASIONAL SULTAN BOLKIAH, SERIA

Bil	Nama Kursus	Kelayakan Masuk	Cara Kursus	Peringkat Kursus
1	BDTEC National Diploma in Business and Finance	Lulus BDTVEC PND in Business and Finance atau tamat Tingkatan 5 dengan mendapat 4 kredit dalam mata pelajaran yang bersesuaian di peringkat G.C.E. 'O' level (Keutamaan akan diberi kepada pemohon yang mempunyai kredit dalam mata pelajaran Matematik, Bahasa Inggeris, Principle of Accounts, Economics & Commerce).	Sepenuh masa 2 1/2 tahun	Teknisyen
2	BDTEC National Diploma in Computer Studies	Lulus BDTVEC PND in Computer Studies atau tamat Tingkatan 5 dengan mendapat 4 kredit dalam mata pelajaran yang bersesuaian di peringkat G.C.E. 'O' level (Keutamaan akan diberi kepada pemohon yang mempunyai kredit dalam mata pelajaran Matematik, Bahasa Inggeris, Computer Studies & Sains).	Sepenuh masa 2 1/2 tahun	Teknisyen
3	BDTEC Pre-National Diploma in Business and Finance	Sekurang-kurangnya lulus empat (4) mata pelajaran peringkat 'O' atau Memperolehi gred 2 dalam empat (4) mata pelajaran di peringkat 'N'.	Sepenuh masa 1 tahun	Teknisyen
4	BDTEC Pre-National Diploma in Computer Studies	Sekurang-kurangnya lulus empat (4) mata pelajaran peringkat 'O' atau Memperolehi gred 2 dalam empat (4) mata pelajaran di peringkat 'N'.	Sepenuh masa 1 tahun	Teknisyen
5	BDTEC National Trade Certificate Grade 2 in Motor Vehicle Mechanic	Lulus BDTVEC National Trade Certificate Grade 3 in Motor Vehicle Mechanic.	Sepenuh masa 1 1/2 tahun	Kraft lanjutan
6	BDTEC National Trade Certificate Grade 2 in Vehicle Body Repair	Lulus BDTVEC National Trade Certificate Grade 3 Vehicle Body Repair.	Sepenuh masa 1 1/2 tahun	Kraft lanjutan
7	BDTEC National Trade Certificate Grade 2 in Refrigeration and Airconditioning	Lulus BDTVEC National Trade Certificate Grade 3 Refrigeration and Airconditioning.	Sepenuh masa 1 1/2 tahun	Kraft lanjutan
8	BDTEC National Trade Certificate Grade 2 in Welding and Fabrication	Lulus BDTVEC National Trade Certificate Grade 3 Welding and Fabrication.	Sepenuh masa 1 1/2 tahun	Kraft lanjutan
9	BDTEC National Trade Certificate Grade 2 in Dressmaking and Tailoring	Lulus BDTVEC National Trade Certificate Grade 3 in Dressmaking and Tailoring.	Sepenuh masa 1 1/2 tahun	Kraft
10	BDTEC National Trade Certificate Grade 3 in Machining	Tamat Tingkatan 3	Sepenuh masa 1 1/2 tahun	Kraft
11	BDTEC National Trade Certificate Grade 3 in Welding and Fabrication	Tamat Tingkatan 3	Sepenuh masa 1 1/2 tahun	Kraft
Ditanya perbezaan rasa beras paya dengan beras bukit, beliau menjelaskan tidak banyak perbezaannya mengikut jenis padi yang ditanam sama ada jenis keras dan lembut.

"Jenis-jenis padi memang banyak, tetapi kami masa ini hanya menumpukan menanam padi seperti padi pusu, padi subuk, padi indai abang dan padi bario yang kebanyakan ditanam oleh penduduk di sini," katanya.

Menurutnya, hasil-hasil padi yang dituai itu

akan dijual kepada mereka yang didatangkan daripada Thailand seperti beras wangi, ia tidak sedikit pun menjejaskan pendapatan kami termasuk dari segi rasa, beras tempatan lebih baik, lebih lembut dan lebih lemak serta lebih berkualiti," jelasnya.

"Walaupun terdapat beras yang didatangkan daripada Thailand seperti beras wangi, ia tidak sedikit pun menjejaskan pendapatan kami termasuk dari segi rasa, beras tempatan lebih baik, lebih lembut dan lebih lemak serta lebih berkualiti," jelasnya.

"JENIS-JENIS padi memang banyak, tetapi kami masa ini hanya menumpukan menanam padi seperti padi pusu, padi subuk, padi indai abang dan padi bario yang kebanyakan ditanam oleh penduduk di sini," kata Dayang Hajah Rokiah.



AWANG Haji Idris bin Abdullah menjelaskan, 200 ekar sawah padi telah diusahakan oleh golongan tua di Kampong Labi II.



DAYANG Hajah Rokiah binti Md. Halim berkata, menuai padi ketika ini cepat dengan menggunakan pisau khas.

Kayakan minda dengan ilmu pengetahuan

MEMPERKAYAKAN diri, organisasi dan negara dengan ilmu yang bermanfaat, pandangan yang bernas dan pengalaman yang membangun adalah perkara yang dituntut kepada kita semua.

Memperkayakan dan mempelajari ilmu yang bermanfaat memang dituntut dalam Islam sebagaimana disabdakan oleh Nabi.

Sebagaimana kita lihat Nabi pernah memanfaatkan sebahagian daripada tahanan kaum Musyrikin dalam Peperangan Badar untuk mengajar membaca dan menulis kepada umat Islam. Sebagaimana ternyata dalam hadis yang dikeluarkan oleh Tirmidzi dan Ibnu Majah: "Kata-kata bijaksana yang bermanfaat bagi orang beriman, di mana saja didapatkan, ia lebih berhak dipungut."

Sayidina Ali Radiallahuanhu berkata: "Ilmu itu penting bagi orang beriman. Kerana itu, rebutlah, meskipun ia dari tangan kaum Musyrikin."

Dari itu amat penting bagi seluruh badan dan anggota perkhidmatan awam sentiasa membuka hati dan memperkayakan minda dengan ilmu pengetahuan yang bermanfaat.

Dari itu perlu meng'up-date' ilmu dengan memungut 'good management practices' dalam hal-hal pengurusan.

Apa yang dimaksudkan dalam 'good management practices'

ialah corak dan gaya yang menuju ke arah 'Amar Makruf Nahi Mungkar'.

Inilah sebahagian daripada kewajipan Pusat Bimbingan Pengurusan, Institut Perkhidmatan Awam menurut Al-Quran dan As-Sunnah.

Perkara ini wajib ditimbulkan kerana ada sebahagian daripada kumpulan yang cuba menyempitkan fikiran mereka dan menyusahkan diri mereka sendiri dengan kejahilan.

* Mereka ini telah memiskinkan diri mereka dengan menghentikan pencarian ilmu.

* Mereka ini menghentikan hidup mereka di dunia dengan fikiran yang sempit.

* Mereka ini telah memalas-malaskan diri mereka berfikir dan menuntut ilmu.

* Mereka ini telah membodohkan diri mereka dan mereka ini akan merosakkan masyarakat.

Jangan dianggap pertukaran jawatan sebagai 'punishment'

Kerajaan akan sentiasanya memindah dan menukar jawatan sebagai satu cara untuk memperkayakan dan meningkatkan keberkesanan pentadbiran dan pengurusan supaya perkhidmatan awam akan lebih sempurna.

Semua pegawai-pegawai yang kanan, ketua-ketua jabatan, pegawai pertengahan dan rendah akan sentiasanya dipindah dengan tujuan untuk memperkayakan ilmu, pengalaman dan pandangan diri, organisasi dan negara umumnya.

Janganlah sekali-kali dianggap pertukaran-pertukaran ini sebagai 'punishment' dan janganlah sekali-kali dianggap pertukaran itu sia-sia dan janganlah membudayakan 'House Keeping Management' kerana pertukaran yang difikirkan selalu.

Kita perlu membudayakan dan bertanggungjawab sebagai ibu membimbing rumah tangga bukannya sebagai 'pembantu rumah' atau 'pesuruh' yang hanya makan gaji bertugas secara sempit menjaga rumah sahaja.

Kenyataan ini disuarakan oleh Dato Paduka Malai Haji Ali bin Malai Haji Othman, Pengarah Institut Perkhidmatan Awam semasa Majlis Penyampaian Sijil Akuan Kursus dan Hadiah Cemerlang Perkhidmatan Pelanggan Kali Ke-1/2001 di Dewan ShuTT, Institut Perkhidmatan Awam.

Seramai 176 orang peserta kursus yang menghadiri 12 buah kursus di IPA sejak awal Januari 2001 telah menerima sijil-sijil mereka yang disampaikan oleh Dato Paduka Malai Haji Ali.

Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan telah memenangi Hadiah Cemerlang Perkhidmatan Kaunter bagi tempoh suku tahun pertama 2001.



PENASIHAT Hal Ehwal Luar Korporat Syarikat Minyak Brunei Sendirian Berhad (BSP), Pengiran Haji Hassan ketika menyampaikan tajaan BSP kepada Awang Md. Zul-Athfi penuntut dari Maktab SOAS yang dipilih menyertai Pameran Sains di Taiwan. - Gambar oleh Ramli Tengah.

BANDAR SERI BEGAWAN, 19 Mac. - Dua orang pelajar sekolah menengah akan mewakili negara ke National Primary and High School Science Fair (NPHSSF) di Taipei, Taiwan pada 21 hingga 28 Mac.

Peserta negara, Dayang Hajah Ayuni binti Haji Buang mempersembahkan projek bertajuk 'The Comparative Biology, Taking Into Account A Prey Selection, Feeding Behaviour, Activity Rhythms and Interspecies Interactions of Common Spider Species In Forest of Kampong Rimba, Gadong and Ulu Temburong'.



DAYANG Hajah Ayuni yakin dapat mempersembahkan persembahan yang baik di sepanjang Pameran Sains di Taiwan. - Gambar oleh Ramli Tengah.



AWANG Md. Zul-Athfi yakin potensi negara untuk memenangi NPHSSF tetap terbuka luas. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Penuntut dari Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan ketika ditemui berkata, projek berkenaan akan membandingkan 'spider' atau laba-laba yang tinggal dalam dua habitat yang berlainan dengan mendedahkan kegiatan harian mereka.

"Kami mendapati hutan adalah penting bagi laba-laba sekali gus memberikan pengajaran bahawa perhutanan dan sumbernya sangat penting untuk mengekalkan alam semula jadi," jelas Dayang Hajah Ayuni, 19 tahun yang kini menuntut dalam prauniversiti dua dan akan menduduki peperiksaan 'A' Level. Mata pelajaran yang kini diambil ialah kimia, fizik dan matematik.

Beliau yakin dapat mempersembahkan persembahan yang baik dan seterusnya akan memberi kejayaan sepanjang pameran di Taiwan itu.

Dua peserta negara sertai Pameran Sains di Taiwan

Oleh Samle Haji Jait

Ketika ditanya mengenai cabaran, beliau berkata, kita pasti akan mendapat cabaran terutama dari segi komunikasi, bahasa Cina merupakan bahasa pertama negara Taiwan, sementara bahasa Jepun merupakan bahasa keduanya.

Katanya, kita juga akan berdepan dengan negara-negara maju tetapi kita akan mencuba yang terbaik dalam pameran tersebut.

Projek yang dipersembahkan itu telah memenangi Pertandingan Anugerah Saintis Muda Alam Semula Jadi Puteri Rashidah (PRYNSA) pada tahun 1999 yang dikendalikan selama setahun.

Sementara itu, Awang Md. Zul-Athfi pula mempersembahkan projek bertajuk 'A Study and The Relationship Between Soil & Leaf Litter Faunas and The Environmental Factors At Ulu Temburong National Park Brunei Darussalam'.

Projek yang mendapat tempat kedua dalam Pertandingan PRYNSA 1999 berkaitan dengan para pekebun yang ingin menanam atau bertani di kawasan tinggi atau rendah selain mendedahkan kebaikan

paras bumi untuk tanaman mereka.

"Sekalipun projek ini memerlukan idea yang ringkas tetapi perlu mempunyai fikiran yang lebih dalam," jelas penuntut dari Maktab SOAS ini.

Katanya, potensi negara untuk memenangi NPHSSF ini tetap terbuka luas memandangkan negara menghantar dua peserta dan lebih-lebih lagi projek yang ditonjolkan merupakan bidang biologi.

Penyertaan negara ke pameran itu atas undangan Pengarah Pusat Kebangsaan Sains Taiwan kepada Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Sementara itu, Penasihat Hal Ehwal Luar Korporat Syarikat Minyak Brunei Shell Sendirian Berhad (BSP), Pengiran Haji Hassan berkata, pihaknya akan sentiasa sama-sama menghulurkan bantuan bagi kemajuan dan perkembangan sains dan teknologi negara selaras dengan bidang berkenaan yang merupakan satu faktor utama bagi mempercepatkan perkembangan sumber tenaga manusia bagi pembangunan ekonomi negara.

BSP yang menaja elau, tiket penerbangan dan pakaian

peserta juga berharap dengan penyertaan itu, pihak-pihak tertentu akan dapat menimba pencapaian yang diperolehi selain akan menilai tahap pendidikan dan kebolehan penyelidikan sains di kalangan pelajar negara ini.

Ketua Pusat Kerjasama Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (STEP), Kementerian Pendidikan, Awang Mohd. Alidin pula menjelaskan, penyertaan negara ke NPHSSF ini akan mendedahkan penuntut dari Negara Brunei Darussalam bersua dengan rakan sebaya mereka selain berkongsi dan bertukar-tukar pengetahuan sepanjang pameran diadakan.

Tambahnya, dengan penyertaan itu juga akan memberikan pengalaman secara langsung terhadap perkembangan sains dan teknologi di peringkat antarabangsa selain dapat membandingkan kewibawaan serta mempiawikan tahap ilmu pendidikan dengan negara-negara maju.

Selain Negara Brunei Darussalam, pameran itu juga akan disertai oleh negara-negara Australia, Kanada, Hong Kong, Republik Indonesia, Jepun, Republik Korea, Malaysia, Mexico, Namibia, New Zealand, Republik Filipina, Arab Saudi, Afrika Selatan, Thailand, Amerika Syarikat dan Viet Nam.

PESTA MAKANAN LAUT

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM - APRIL 2001

(Brunei Darussalam's Seafood Fest - April 2001)



JABATAN Perikanan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama menganjurkan Pesta Makanan Laut sepanjang bulan April 2001.

3 April, 2001

Majlis Pelancaran Rasmi di Dewan Setia Pahlawan
Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (jemputan sahaja)
Jam : 9.00 pagi
Seminar dan Pameran Peluang-peluang Pelaburan Bagi Industri Perikanan
di Negara Brunei Darussalam (jemputan sahaja)

5 - 8 April, 2001

Peraduan Memancing Ikan Air Tawar di Taman Rekreasi Bukit Shahbandar
Jam : 9.00 - 11.00 pagi
1.30 - 4.30 petang

26 - 29 April, 2001

Karnival Makanan Laut
Kompleks Pendaratan Ikan Muara
Jam 9.00 pagi hingga 4.30 petang

- Jualan hasil industri perikanan
- Mempromosi ikan kromis
- Peraduan Memancing
- Peraduan Mewarna Bagi Kanak-Kanak
- Peraduan Meneka Berat Ikan
- Program Pemuliharaan Penyu

Lain-lain aktiviti sepanjang bulan April 2001

- Hidangan makanan laut disajikan oleh restoran-restoran dan hotel-hotel yang ikut serta.
- Sukan memancing dan menyelam di kawasan takat.

KELIHATAN penumpang-penumpang yang lain telah bersiap sedia dan ada yang berkemas sebelum sampai ke destinasi. Diyana duduk di tengah pesawat sambil memandang ke udara, kelihatan seperti objek-objek kecil. Walaupun amat penat sekali dirasakan, mata Diyana tak dapat dilepaskan. Dia pulang ke tanah air kerana menghadiri perkahwinan sepupunya itu pun hanya selama tiga minggu sahaja. Diyana terpaksa pulang ke London secepat mungkin untuk menyiapkan tesis.

Perjalanan amat panjang namun tak terasa kerana keramahan para paramugari melayan dengan penuh mesra dan baik. Setelah hampir tiba, semua penumpang-penumpang diarahkan kembali ke tempat duduk masing-masing dan memasang tali pinggang keselamatan. Beberapa minit kemudian pesawat yang membawa Diyana mendarat dengan selamat.

"Syukur ... Alhamdulillah. Aku sampai jua di tanah kelahiranku," bisik Diyana.

Di ruang ketibaan, Diyana terlihat ayah, Haji Azri dan ibu tiri, Hajah Radiah menunggu dengan penuh kesetiaan di luar. Sementara itu, semua penumpang-penumpang menunggu dengan kesabaran untuk mengambil beg dan selepas itu diperiksa oleh pihak imigresen. Setelah selesai segala urusan, Diyana keluar. Hajah Radiah terus meluru dan mendakap serta menangis. Air mata Diyana menitis, terasa kerinduan pada Haji Azri dan Hajah Radiah terbalas jua dengan pertemuan ini.

Sepanjang perjalanan ke rumah Diyana melihat keindahan bumi tercinta. Hampir 20 minit kemudian, kereta yang dipandu oleh Haji Azri sampai di perkarangan rumah. Amat terperanjat kerana kepulangannya kali ini disambut dengan penuh meriah. Diyana terasa lemas bila kesemua yang hadir memeluknya walaupun ia letih tetapi senyuman sentiasa melekat pada bibir Diyana. Seterusnya diadakan majlis kesyukuran. Setelah acara selesai, Diyana berbual mesra dengan keluarga terdekat. Terasa keletihan yang amat sangat, Diyana mengambil kesempatan berehat dan terus terlena dibuai mimpi indah. Sebenarnya Diyana tinggal bersama ibu kandungnya di London. Orang tuanya telah lama bercerai sejak usianya lapan tahun.

Diyana merupakan anak bongsu daripada tiga orang adik-beradik. Abangnya tertua bernama Hisyamuddin dan yang tengah, Daniel. Ibu kandung Diyana bernama Hajah Sarah merupakan anak campuran, di mana ayahnya orang Inggeris dan ibunya orang Melayu. Setelah orang tua Diyana bercerai secara rasmi, maka Hajah Sarah membawa diri dan menetap di London kerana arwah nenek Diyana ada meninggalkan rumah dan perusahaan. Sewaktu remaja Diyana bersekolah di tanah kelahirannya, Haji Azri bercadang menghantar Diyana mengambil peperiksaan 'O' level dan seterusnya menyambung pengajiannya ke peringkat Sarjana dalam bidang perniagaan. Hajah Sarah tidak menghalang ke mana haluan hendak dituju oleh Diyana setelah tamat pengajian nanti. Haji Azri dan Hajah Sarah tidak pernah bermusuhan walaupun sudah bercerai namun mereka tetap berhubung demi kepentingan hal-hal kehidupan anak-anak mereka. Setelah beberapa tahun mendudu, Haji Azri mendirikan rumah tangga dengan sepupunya, Hajah Radiah atas nasihat arwah bapa Haji Azri. Haji Azri dan Hajah Radiah dikurniakan dua orang anak lelaki. Hajah Radiah walaupun merupakan ibu tiri kepada Diyana dan abang-abangnya namun ia sangat mengasihi mereka seperti anak kandung sendiri.

Setelah beberapa hari berehat, Diyana mengambil kesempatan melihat persekitaran bersama abangnya, Daniel. Banyak telah berubah setelah enam tahun, Diyana tidak pulang. Daniel membeli-belah pakaian untuk menghadiri perkahwinan sepupu mereka nanti. Setelah selesai, Daniel membawa Diyana bertandang ke rumah sepupu mereka, Amelina yang akan mendirikan rumah tangga tak lama lagi. Ibu Amelina, Hajah Lina merupakan kakak kepada Haji Azri. Secara kebetulan orang

tua Diyana telah lama berada di situ kerana membantu membuat persiapan terakhir untuk majlis perkahwinan itu nanti. Diyana dan Amelina berbicara dambil bergurau. Diyana membantu Amelina menghias barang-barang hantaran di bilik tidur Amelina.

"Diyana tak lama lagi giliran awak. Nanti aku boleh membantumu," gurau Amelina.

Diyana hanya senyum sahaja. Tak berapa lama kemudian, pintu diketuk beberapa kali. Amelina mempersilakan masuk. Ternyata seorang pemuda yang pada pendapat Diyana mereka pernah bertemu sebelumnya.

Pemuda itu tersenyum ke arah Diyana dan terus me-

negurnya dengan mesra.

"Assalamualaikum! Diyana? Apa tak kenal dengan aku lagi? Kenapa tak menghabarkan engkau hendak pulang? Aku Kifli ... kita pernah bertemu di London dahulu semasa aku menghadiri kursus. Tak sangka kita akan bertemu di sini dan rupanya engkau sepupu Amelina? Inilah takdir dikatakan," kata Kifli.

Diyana melemparkan senyuman, barulah dia ingat akan Kifli. Diyana terperanjat juga kerana Kifli sekarang bertambah kacak, badannya berisi dan mempunyai misai. Memang mereka berdua telah lama mengenali antara satu sama lain. Setelah Kifli pulang ke tanah air mereka sering berutus surat hingga sekarang. Diyana ter-



JANGAN TINGGAL DAKU



Amelina memasak untuk saudara-mara yang hadir. Sejak dari tadi, Kifli asyik memandang ke arah Diyana. Haji Azri seolah-olah dapat melihat telatah Kifli. Semua yang hadir memuji masakan Diyana.

"Inilah bakal kualiti isteri yang baik. Pandai memasak ..." kata Amelina sambil melirik ke arah Kifli.

Diyana tersipu malu. Memang Diyana sibuk sekali, walaupun ia pulang ke tanah air namun ia lebih mengutamakan kerja-kerja kuliahnya. Walau bagaimanapun ia juga membantu Amelina membeli-belah di saat akhir sebelum berlangsungnya majlis perkahwinan itu.

Diyana dan Kifli sering bertemu di rumah Amelina. Sewaktu Diyana selesai mengerjakan salad, ternyata Diyana menerima tetamu yang tak sangka. Kifli berbual-bual dengan Daniel, Haji Azri dan

Hajah Radiah di bilik tamu dengan mesra.

Diyana tak menyangka Kifli begitu berani meminta izin kepada orang tuanya kerana mengajaknya keluar minum petang. Sebenarnya Diyana malas hendak keluar namun dilihat daripada raut wajah Kifli yang menampilkan kekecewaan akhirnya Diyana mengalah jua. Sewaktu mereka menikmati minum petang bersama, mereka banyak berbicara tentang kehidupan, kerjaya, masa lalu dan rancangan masa akan datang. Tibatiba Kifli mengajukan satu soalan yang tak diduga oleh Diyana.

"Diyana Apa engkau dah ada teman istimewa? Sebenarnya aku telah lama menaruh hati padamu semasa mula kita bertemu di London dahulu. Tentu engkau sudah

Lihat muka 13

DIYANA melemparkan senyuman, barulah dia ingat akan Kifli.

Diyana terperanjat juga kerana Kifli sekarang bertambah kacak, badannya berisi dan mempunyai misai. Memang mereka berdua telah lama mengenali antara satu sama lain. Setelah Kifli pulang ke tanah air mereka sering berutus surat hingga sekarang.

PUI SI ... PUI SI ... PUI SI ... PUI SI ...

HUJAN ITU KENANGAN

Kala hujan turun menyirami bumi cerah curahan pembawa rahmat, ketenangan jiwa sekali-sekala kegeranan bermain di sanubari petir kilat buat insan terpegun memang itu keagungan-Nya timbulkan kesedaran pada warga dunia penghuni di bumi banyak sengketa.

Pandangan mendung menyelidungi situasi terpancang olehku sekelompok insan berlingkang dalam sebuah kenderaan belakangnya tanpa tertutup tapi terbuka luas tiba-tiba hujan mencurah tanpa disangka tanpa diharap berebut-rebut menutup anggota menghindari kebasahan tapi terpaksa berserah terima hakikat, mereka kehujanan, kesetjukan, bergetaran.

Si penambang yang cekal harungi hujan menyusur sungai mencari mata pencarian menambang adalah pahala, sumbangan, penyampai hajat si penumpang rasa bersyukur, rasa rahmat hujan yang turun hanya rintikannya perahu tambang bergerak menuju destinasi terasa kepedihan memercik ke ruang raut wajah hujan rintikan seakan senjata kecil tajam namun hujan tidak halang tujuan ikhlas murni terawal dan syukur kerana hujan tidak selebat dijangka.

Hujan kau penyumbang ilham kenangan tertanam di lubuk hati resahku tanpamu kemarau kian mendekati kau anggapku syahdu, syahdu, tidak berkata walau kau lebat, rintikmu cukup mempesona kerana kau aku abadi satu kenangan kenangan dan impian tak mungkin luput walau cuba kuhapuskan

Omeyad, dhm

KEDINGINAN HUJAN

Kau tiba-tiba datang kedinginan sesuai hujan dalam senyuman bersama kuntum-kuntum damai dalam pandangan hidup angin berhembus perlahan berirama merdu sesuai hujan membisik cinta bernada kerinduan tentang perjalanan dalam keredaan dalam kedinginan kuingati seseorang.

Aln. Ab

SESEKALI MATA MEMOKAS

Sesekali mata memokas dalam bendung alih lalu teropera cerita antara benar dan dusta antara sika dan duka manusia empunya cita rasa titik hitam pun bermula mengheret pesona dosa.

Enny Eng, S.

KEHADIRAN

Kehadiran itu membawa perasaan yang begitu indah begitu mesra mungkin di wajah tidurku terakhir senyuman gembira buat sesuatu yang telah lama hilang tak berucap walau sepatah pun biarlah semuanya jadi rahsia hidupku ini kerana aku sedar jika bangunku juga masih terasa walau hingga ke akhir hayatku perasaan itu akan terus berakhta di jiwa biarlah ia di sana kerana aku rela bahagia itu kekal bersamaku walau kehadiran itu cuma di mimpi saja

Noniaz '2000

KERANA DIA

Aku takut kau setia aku tidak setia dan aku takut pelajaranku akan terganggu. Hanya kerana dia kau sanggup ungkapkan rangkai kata itu hatiku rasa sebak lalu mengalir air mata di pipiku lantas jatuh ke bumi.

Kata-kata itu sungguh berbisik dan memilikkan hati dan perasaanku sampai saat ini aku tak dapat melupakan rangkai kata itu.

Sayang hadirilah kau di sisiku semoga perasaan rindu ini terubat olehmu aku tak pernah menyalahkan dirimu semua itu kerana dia

C. Noy

TERPERANGKAP DALAM SENJA (Buat yang ranggi)

Ada kalanya mencari-cari gerak ilusi di penata nalusnisi dan getar sunyi langsung meningkatkan mata mengapungkan malam sepertiga.

Ada kalanya mengamati sepi dilingkari arlogi sering merahsiakan wujudnya solitude kedamaian.

Ada kalanya mengadunkan angin dipercikan warna menghablurkan hujan tropika mewalungkan senutata mega bertabrakan di Khatulistiwa.

Ada kalanya melampiaskan, jaluran metafora di lekukan bianglala yang meranduk kilauan prisma pesona.

Ada kalanya berusaha payah mengusir sangsi sesusuk mimpi terperangkap di bingkai senja membuihkan nazar rindu sewaktu-waktu.

Aishah Ameran

Dari muka 12

maklum kan di warkah aku sering meluahkan namun tiada yang pasti. Aku ingin memperisterikanmu," kata Kifli dengan nada serius.

Muka Diyana berubah dan baginya terlalu mendadak. Baru beberapa kali pertemuan, sudah ada seorang jejak ingin melamarnya. Belum terfikir oleh Diyana hendak mendirikan rumah tangga. Lagi pun ia masih menuntut dan ingin menaburkan baktinya memajukan perusahaan ibu bapanya. Diyana dengan tegasnya meninggalkan Kifli tanpa berkata apa-apa. Kifli cuba menahan namun gagal. Diyana jenu bersahabat dengan Kifli dan berazam untuk melupakannya. Beberapa kali Kifli cuba menghubunginya namun Diyana tak ingin melayang. Walaupun mereka bertemu di rumah Amelina, namun mereka tak bertegur sapa. Diyana sengaja menjauhkan dirinya daripada Kifli.

Tanpa difikir dan diduga oleh Diyana tiga hari sebelum pernikahan Amelina, rombongan meminang daripada pihak keluarga Kifli yang diketuai oleh Hajah Lina merupakan ibu saudara Diyana, Haji Azri dan Hajah Radiah amat terpelekat di atas kedatangan mereka yang bermaksud itu. Orang tua Kifli memang mengalu-alukan keputusan Kifli itu.

Haji Azri dan isterinya memang berkenan kepada Kifli sebagai bakal anak menantu mereka, lagipun mereka telah mengetahui latar belakang keluarga Kifli dan bertambah lagi erat kekeluargaan mereka. Namun, Haji Azri tak dapat memberi keputusan muktamad dan harus bertanya dahulu ke-

pada Diyana. Amat mendukacitakan kedua-dua belah pihak bila peminangan itu ditolak mentah-mentah oleh Diyana. Keesokan harinya, Diyana pergi menemui Kifli di pejabatnya. Kedatangan Diyana memang tak diduga namun bermakna bagi Kifli untuk cuba memujuk Diyana. Kifli cuba melomparkan senyuman namun Diyana menampakkan wajah yang bengis.

"Kifli ... Kenapa awak bertindak melulu? Berbincang dahulu dengan aku. Apa senang bagimu untuk memilih seorang isteri dalam masa yang singkat. Lagipun aku tak menyintaimu dan bagiku engkau hanya sahabat. Tetapi kerana tindakanmu ini, mulai sekarang persahabatan kita putus dan lupaklah aku. Aku bukan wanita yang layak untuk menjadi pendampingmu," kata Diyana dengan nada tinggi.

"Tolonglah mengerti perasaan ini, aku amat mencintaimu, selama ini engkau menyuruh aku bersabar. Tetapi sampai bila? Kita sudah dewasa. Aku mohon kali ini, berilah jawapan yang pasti dan aku akan beri engkau masa untuk meneliti semula jawapannya" rayu Kifli.

Diyana tetap dengan keputusan untuk tidak menerima Kifli. Terasa kehampaan pada pihak keluarga Kifli. Amelina cuba memberi nasihat pada Diyana tetapi tidak berkesan. Semasa hari pernikahan Amelina, Diyana bertembung dengan Kifli. Mereka tidak bertegur sapa. Sewaktu lafaz akad nikah diadakan, Kifli memandang tepat ke arah Diyana yang duduk hampir di sisi Amelina. Kelihatan muka Kifli sayu. Hajah Radiah amat memahami isi hati Kifli itu.

Acara persandingan Amelina juga selamat diadakan. Diyana sepatutnya masih mempunyai satu minggu lagi namun, keputusannya mendadak ingin pulang.

Tiba-tiba sahaja ia terasa berdosa pada Kifli dan kaum keluarganya. Setiap malam Diyana sering bermimpi akan Kifli. Ibu Diyana, Hajah Sarah juga tahu mengenai situasi anaknya itu kerana Kifli ada menghubunginya dan melahirkan hasrat untuk mempersuntingkan Diyana sebagai isteri.

Hajah Sarah juga berkeinginan akan Kifli. Di sana dilema timbul? Diyana bingung sekali kerana perkara ini menggugat hubungan kekeluargaan mereka. Banyak hati perlu dijaga lebih-lebih lagi orang tuanya, ayah dan ibu saudaranya serta keluarga Kifli yang mengharap mereka bersatu. Memang bagi Diyana, Kifli seorang jejak yang nekad dan bersungguh-sungguh dalam memperteguhkan janji. Untuk tidak menyakiti hati, Diyana mengambil keputusan untuk pulang sahaja dan melupakan Kifli. Pemerginya juga ditahan oleh ayahnya namun gagal. Sepanjang perjalanan ke lapangan terbang, hati Diyana tiba-tiba menjadi hiba dan menangis. Haji Azri, Hajah Radiah dan Danial kehairanan melihat kelakuan Diyana itu tetapi tidak berani menegurnya. Diyana terkenang akan Kifli dan dia terasa berdosa serta belum sempat meminta maaf.

Sewaktu Diyana berada di ruangan perpisahan dan bersedia hendak masuk ke dalam, namanya dipanggil beberapa kali ternyata kaum keluarganya. Ibu bapa Kifli juga ada. Haji Azri dan isterinya tersenyum lebar. Kifli kelihatan segak dan memegang pasport. Dalam hati Diyana tertanyanya Kifli hendak pergi ke mana? Lagi-pun hanya satu penerbangan sahaja yang akan berangkat.

Kapal terbang membawa Diyana di awan bersama Kifli di sisinya. Kepulangannya kali ini membawa makna kerana Kifli akan berjumpa dengan Hajah Sarah untuk meminta restu memperisterikan Diyana. Kifli dan Diyana bertentang mata. Diyana melemparkan senyuman manis dan terasa kebahagiaan yang sejati. Setelah mereka sampai di Lapangan Terbang Heathrow, Kifli membisikkan sesuatu ke arah Diyana.

"Jangan tinggalkan daku lagi," kata Kifli.

KAPAL terbang membawa Diyana di awan bersama Kifli di sisinya. Kepulangannya kali ini membawa makna kerana Kifli akan berjumpa dengan Hajah Sarah untuk meminta restu memperisterikan Diyana. Kifli dan Diyana bertentang mata. Diyana melemparkan senyuman manis dan terasa kebahagiaan yang sejati. Setelah mereka sampai di Lapangan Terbang Heathrow, Kifli membisikkan sesuatu ke arah Diyana.



سنتياس برسام بيسكيت
Sentiasa Bersama Biskita

سوسون رنچاغن تيليبيشن

susunan rancangan TELEVISYEN

PIHAK RTB berhak menukar mana-mana jua rancangan

RABU 28 MAC

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SIARAN TAMAT

PETANG

4.00	LAGU KEBANGSAAN
4.02	AL-QURAN
4.12	SUSUNAN RANCANGAN
4.15	ANIMATION HOUR : NEW WOODY WOODPECKER
5.00	JUARA - SIARAN LANGSUNG
5.30	TOYOTA WORLD OF WILDLIFE
5.45	BERITA
5.55	TOYOTA WORLD OF WILDLIFE - Sambungan
6.15	BIMBINGAN MUKMIN
6.30	AZAN MAGHRIB
6.38	AL-QURAN

MALAM

7.00	LIPUTAN SEMASA
7.25	DOKUMENTARI TEMPATAN - 'Maktab Jururawat' - Ulangan
7.39	AZAN ISYAK
7.45	DOKUMENTARI TEMPATAN - Sambungan
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	TEKAD
9.05	DRAMA CO PRODUCTION: TITIK CAHAYA - Siri Baru
9.45	MODERN MANAGEMENT
10.00	NEWS AT 10
10.30	MODERN MANAGEMENT - Sambungan
10.45	VENGEANCE UNLIMITED - 'Cruel And Unusual'
11.40	DOA DAN SIARAN TAMAT

KHAMIS 29 MAC

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SIARAN TAMAT

PETANG

4.00	LAGU KEBANGSAAN
4.02	AL-QURAN
4.12	SUSUNAN RANCANGAN
4.20	ANIMATION HOUR : DENVER: THE LAST DINOSAUR/FERDY
5.00	MANSION : GREAT HOUSE OF EUROPE - (Episod Akhir)

5.45	BERITA
5.55	MARI BELAJAR MENGAJI - Ulangan
6.20	DARI MAHKAMAH KADI
6.30	AZAN MAGHRIB
6.35	AL-QURAN

MALAM

7.00	SURAH YAASIIN
7.25	GEMA ISLAM
7.39	AZAN ISYAK
7.45	GEMA ISLAM - Sambungan
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	AN-NUUR - Siaran Langsung
9.50	DRAMA: LAILA LILI PUTIH
10.00	NEWS AT 10
10.30	DRAMA - Sambungan
10.50	WAYANG PILIHAN - 'Tin Cup'
12.20	DOA DAN SIARAN TAMAT

JUMAAT 30 MAC

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SUSUNAN RANCANGAN
10.15	SESAME STREET
11.15	TRAP TRIP
11.30	BERITA
11.40	THE GUERRILLA GARDENER
12.15	DISCOVER ISLAM: AISHA LEENO
12.30	SEMBAHYANG FARUJ JUMAAT - Siaran Langsung

PETANG

1.30	GEMA ISLAM - Ulangan
2.00	SUKAN ANTARABANGSA
2.30	DINA-MIK - Siaran Langsung
3.00	TAYANGAN GAMBAR - 'Time Warrior 3: Trapped In Toyworld'
3.29	AZAN ASAR
3.35	TAYANGAN GAMBAR - Sambungan
4.40	ANIMATION HOUR: VOLTRON: THE THIRD DIMENSION/TAMAN KANCIL
5.30	AT TAHZIB
5.45	BERITA
5.55	AT TAHZIB - Sambungan
6.10	UNDERSEA EXPLORER - 'The Emerald Sea'
6.30	AZAN MAGHRIB
6.36	UNDERSEA EXPLORER - Sambungan
6.45	BIMBINGAN MUKMIN

MALAM

7.00	LIPUTAN SEMASA
7.25	RITMA
7.39	AZAN ISYAK
7.45	RITMA - Sambungan

8.00	BERITA NASIONAL
9.00	DRAMA: KAN HALNYA - Episod Akhir
9.30	WILD RESCUES
10.00	NEWS AT 10
10.30	KHUTBAH JUMAAT
10.45	TELEDRAMA - 'Apa Salahku' Bhg. IV
12.15	DOA DAN SIARAN TAMAT

SABTU 31 MAC

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SUSUNAN RANCANGAN
10.10	ANIMATION HOUR : MISTER SIMON AND JIGGY JIGGY/HELLO KITTY'S PARADISE
10.55	LITTLE STAR
11.20	RITMA - Ulangan
11.30	BERITA
11.40	RITMA - Sambungan
12.00	ON LINE
12.26	AZAN ZUHUR
12.35	DOKUMENTARI: WARISAN BUDAYA - Ulangan

PETANG

1.00	PANGGUNG PETANG SABTU: - 'Golf Punks'
2.40	TINJAUAN - Ulangan
3.10	FROM THE EARTH TO THE MOON - 'Voyage Dans La Lune'
3.28	AZAN ASAR
3.33	FROM THE EARTH TO THE MOON - Sambungan
4.00	TOYOTA WORLD OF WILDLIFE
4.30	ANIMATION HOUR : GROUNDLING MARSH/ TUAH
5.15	GERAK BIJAK
5.45	BERITA
5.55	DRAMA RTB - PERTEMBUGAN - Ulangan
6.30	AZAN MAGHRIB
6.40	BIMBINGAN MUKMIN

MALAM

7.00	DUNIA ASIA
7.25	UNEARTHED
7.39	AZAN ISYAK
7.45	UNEARTHED - Sambungan
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	VARIASENI
9.50	TAYANGAN GAMBAR - 'Imminent Danger'
10.00	NEWS AT 10
10.30	TAYANGAN GAMBAR - Sambungan
12.00	DOA DAN SIARAN TAMAT

AHAD 1 APRIL

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN

6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SUSUNAN RANCANGAN
10.10	SESAME STREET
11.10	FUN TIME
11.30	BERITA
11.40	SUNDAY MATINEE - 'Little Heroes'
12.26	AZAN ZUHUR
12.31	SUNDAY MATINEE - Sambungan

PETANG

1.30	ENGLISH PREMIER LEAGUE 2000/2001
2.30	GEMA TV
3.00	PERTUKARAN RANCANGAN MOU
3.30	VISI REMAJA
3.33	AZAN ASAR
3.38	VISI REMAJA - Sambungan
4.05	BINTANG KECIL SEPARUH AKHIR PERTAMA
5.00	JUARA - Siaran Langsung
5.30	MARI BELAJAR MENGAJI
5.45	BERITA
5.55	MARI BELAJAR MENGAJI - Sambungan
6.10	BIMBINGAN MUKMIN
6.30	AZAN MAGHRIB
6.40	AL-QURAN

MALAM

7.00	PINTAR-PINTAR - Ulangan
7.39	AZAN ISYAK
7.45	PINTAR-PINTAR - Sambungan
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	TIRAI KELUARGA - 'Roda'
10.00	NEWS AT 10
10.30	TIRAI KELUARGA - Sambungan
11.00	CODE NAME: ETERNITY
11.45	DOA DAN SIARAN TAMAT

ISNIN 2 APRIL

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SIARAN TAMAT

PETANG

4.00	LAGU KEBANGSAAN
4.02	AL-QURAN
4.12	SUSUNAN RANCANGAN
4.15	ANIMATION - 'White Fang'
5.15	TRAP TRIP - Ulangan
5.30	WHAT A BLAST
5.45	BERITA
5.55	WHAT A BLAST - Sambungan
6.15	THAHARAH

6.29	AZAN MAGHRIB
6.36	AL-QURAN
6.40	THAHARAH - Sambungan

MALAM

7.00	LIPUTAN SEMASA
7.25	PERSPECTIVE
7.39	AZAN ISYAK
7.45	PERSPECTIVE - Sambungan
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	DRAMA CO-PRODUCTION: SITI AYU
9.30	ALUNAN GEMALAI
10.00	NEWS AT 10
10.30	TEKAD - Ulangan
10.45	THE LIGHTER SIDE OF SPORTS
11.15	DOA DAN SIARAN TAMAT

SELASA 3 APRIL

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SIARAN TAMAT

PETANG

4.00	LAGU KEBANGSAAN
4.02	AL-QURAN
4.12	SUSUNAN RANCANGAN
4.15	ANIMATION HOUR : DRAGON TALES/YOCKIES
5.00	WILD DISCOVERY - 'Dragons of Komodo'
5.45	BERITA
5.55	WILD DISCOVERY - Sambungan
6.00	DRAMA CO PRODUCTION: MANJA-MANJA PIABONG - Ulangan
6.29	AZAN MAGHRIB
6.40	BIMBINGAN MUKMIN

MALAM

7.00	THE FAMOUS JETT JACKSON - 'Spreading Wings'
7.25	DOKUMENTARI: GAYA HIDUP
7.39	AZAN ISYAK
7.45	DOKUMENTARI - Sambungan
8.00	BERITA NASIONAL
8.45	TINJAUAN
9.25	E.R - 'No Body Doesn't Like Amanda Lee'
10.00	NEWS AT 10
10.30	E.R - Sambungan
10.45	HARSH REALM - 'Manus Domini'
11.30	DOA DAN SIARAN TAMAT

BERAKAS, 15 Mac. - Serombongan seramai 10 orang pelajar dari sekolah-sekolah menengah dan maktab di seluruh negara yang terpilih untuk menyertai 'Korea-ASEAN Future Oriented Cooperation Project : Youth Exchange Programme', ke Republik Korea telah mengadakan lawatan ke Jabatan Penerangan, di Lapangan Terbang Lama, Berakas di sini.

Rombongan yang diketuai oleh Pegawai Pelajaran Kanan, Awang Haji Osman bin Judin itu telah diberikan taklimat yang bertajuk 'Melayu Islam Beraja (MIB) Dalam Dasar dan Pentadbiran' yang disampaikan oleh Pegawai Pentadbir jabatan tersebut, Pengiran Haji Rosli bin Pengiran Haji Halus.

Sementara itu, dalam Majlis Ramah Mesra dengan Pengarah Penerangan, Abd. Ghani mengingatkan para peserta yang mengikuti program tersebut supaya menjaga nama baik negara ketika berada di sana di samping menunjukkan imej serta tingkah laku dan pergaulan yang baik.

"Selaku duta kecil negara, tunjukkanlah keolahan yang baik yang dapat menunjukkan kebudayaan dan adat resam orang Brunei di samping meraih sebanyak-banyak yang mungkin ilmu pengetahuan untuk dijadikan pengajaran," saran Pengarah Penerangan.

Sebelum itu dalam pendekatan wakil PELITA BRUNEI bersama dua orang peserta yang terpilih mengikuti program tersebut, mereka melahirkan perasaan gembira dan bertiut.



AWANG Haji Khairul Ariffin bersyukur kerana terpilih untuk menyertai program tersebut. - Gambar oleh Abdullah HAD.



AWANG Muhammad Amir Salman menerangkan, penyertaannya dalam program ini sebagai pendorong kepada mereka untuk mencapai kejayaan. - Gambar oleh Abdullah HAD.

Oleh Abu Bakar HAR

Menurut pelajar tingkatan 4 Sains 1 dari Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajjah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Lumut, Awang Muhammad Amir Salman bin Haji Bujang menjelaskan, beliau tidak menyangka akan terpilih untuk menyertai program itu.

Menyentuh mengenai penyertaan ini, Awang Muhammad Amir Salman menerangkan, guru-guru di sekolahnya merupakan pendorong terhadap dirinya.

"Mengenai dengan pembahagian waktu belajar, saya hanya mengikuti jadual yang telah diberikan oleh guru sekolah di samping menyelaraskannya dengan waktu-waktu tertentu supaya ia tidak mengganggu waktu belajar," jelas beliau.

Seorang lagi peserta, Awang Haji Khairul Ariffin bin Haji Abdul Aji pula memanjatkan rasa syukur kerana terpilih untuk menyertai program tersebut.

Penuntut pra U dua Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan berpendapat, dengan mengikuti program tersebut akan menambah pengetahuan, di samping dapat berkongsi pendapat dengan rakan-rakan sebaya.

Beliau yang menganggap mereka adalah umpama duta kecil yang dapat menyampaikan sebarang maklumat mengenai negara ini, di samping dapat menimba ilmu yang berguna untuk dijadikan pengajaran apabila balik ke negara ini nanti.

Daripada seramai 37 peserta program ini hanya 10 peserta sahaja yang terpilih mengikutinya yang bermula pada 20 Mac hingga 20 April di Republik Korea.

Salah satu syarat penyertaan adalah berpanduan kepada pencapaian akademik, kegiatan pertandingan yang berkaitan dengan bidang sains teknologi dan alam sekitar.

Jaga imej negara



PENGARAH Penerangan, Abd. Ghani mengingatkan para peserta 'Korea - ASEAN Future Oriented Cooperation Project : Youth Exchange Programme' supaya menunjukkan imej serta tingkah laku yang baik. - Gambar oleh Abdullah HAD.

BERAKAS, 17 Mac. - Dewan Bahasa dan Pustaka mengambil punggur ke hadapan untuk mengembangkan serta menyebarkan bidang bahasa dan sastera Melayu kepada masyarakat Brunei khususnya kepada generasi muda dan luar negeri amnya.

Bermula 1 April, segmen rancangan televisyen yang bertajuk 'Bahtera Melayu' akan diselitkan dalam Rancangan Rampai Pagi, Radio Televisyen Brunei (RTB), pada setiap hari Ahad.

Ia akan disiarkan antara 15 hingga 20 minit yang akan memaparkan pelbagai usaha untuk mengembangkan bahasa dan sastera Melayu di negara ini.

Perkara ini telah dijelaskan oleh Timbalan Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Awang Haji Abdul Hakim bin Haji Mohd. Yassin di sini dalam perjumpaan bersama 10 peserta daripada wakil-wakil yang bergiat dalam menghidupkan bahasa dan sastera Melayu ketika ini.

Ini adalah sebagai satu su-

'BAHTERA MELAYU' DALAM RAMPAI PAGI TV

Oleh Abdullah Asgar

saluran rancangan televisyen yang juga dikelolakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, 'Kuiz Bahtera Melayu' yang juga diterbitkan seminggu sekali oleh RTB.

Rancangan 'Bahtera Melayu' ini bukan saja disiarkan melalui Rampai Pagi malah ia juga akan disiarkan oleh saluran radio RTB setiap minggu.

Antara lain dalam rancangan ini akan mengaitkan perbincangan dan diskusi, ceramah, wa-

wancara, tokoh, karya, kuiz dan sebagainya.

Beliau menjelaskan, tujuan lain rancangan ini ialah bagi menonjolkan atau menyerlahkan penulis dan karya tempatan di mana karya luar negeri akan mendapat perhatian sekali-sekala.

Di samping itu katanya, ia juga memberikan maklumat mutakhir kepada masyarakat negara ini mengenai bahasa dan sastera Melayu selain memberi kesedaran kepada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam betapa pentingnya bahasa dan sastera Melayu dalam

memelihara jati diri bangsa.

Mengulas mengenai Sambutan 40 Tahun Penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun ini yang kebetulan dengan Tahun Melawat Brunei 2001, beliau menjelaskan antara lain acara yang akan diadakan ialah Bacaan Puisi Islam dan Seminar Bahasa dan Sastera dan Budaya Melayu.

Tambahnya, banyak acara lain telah disusun bagi meraikan sambutan tersebut yang diharapkan boleh mengundang kedatangan pelancong luar negara bagi sama-sama memeriahkan sambutan ini.



TIMBALAN Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Awang Haji Abdul Hakim ketika membuat perjumpaan bersama sepuluh peserta daripada wakil-wakil yang bergiat dalam menghidupkan bahasa dan sastera Melayu. - Gambar oleh Abdullah HAD.



SEROMBONGAN para penghulu dan ketua kampung dari Daerah Brunei dan Muara yang diketuai oleh Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Dani ketika mengadakan lawatan ke Universiti Brunei Darussalam. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.



PENDAFTAR dan Setiausaha UBD, Awang Janin bin Erih ketika mengalu-alukan Pegawai Daerah Brunei dan Muara, para penghulu dan ketua kampung dari Daerah Brunei dan Muara ke UBD. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.

UBD alu-alukan sumbangan orang ramai

BERAKAS, 15 Mac. - Serombongan 106 penghulu dan ketua kampung Daerah Brunei dan Muara telah mengadakan lawatan singkat ke Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Rombongan pelawat dialu-alukan oleh Pendaftar dan Setiausaha UBD, Awang Janin bin Erih dan mereka diketuai oleh Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Dani.

Sejurus ketibaan para pelawat itu, mereka telah ditayangkan video klip mengenai perkembangan serta peranan UBD dan juga video projek mencantikkan kawasan UBD selama 25 minit.

Awang Janin bin Erih berkata, beliau mengalu-alukan kedatangan para penghulu dan ketua kampung yang merupakan lawatan kali pertama.

Dengan adanya tayangan video katanya, para pelawat khususnya penghulu dan ketua kampung akan mengetahui serba sedikit mengenai peranan serta misi UBD.

Di samping itu, para pelawat juga mendengar ceramah ringkas mengenai sejarah institusi penghulu dan ketua kampung di Negara Brunei Darussalam yang disampaikan oleh Pengarah Akademik Pengajian Brunei UBD, Dr. Awang Haji Abdul Latif.

Dalam ucapannya, beliau juga mengalu-alukan sebarang bantuan sama ada berbentuk material, kewangan dan sokongan moral dalam mengemaskinikan dan menghijaukan kawasan UBD, yang mana tambahnya, sebelum ini projek mencantikkan kawasan UBD telah dilancarkan.

Para pelawat juga berkesempatan meninjau lebih dekat kemudahan-kemudahan yang terdapat di UBD.

Oleh Haji Ahmad HS

Tingkatkan kecemerlangan melalui 'syura'

GADONG, 17 Mac. - 'Syura' adalah satu perkara wajib dalam organisasi jabatan dan bahagian. Tanpa 'syura', organisasi, individu dan masyarakat itu akan lemah, akan menemui kegagalan dan menuju ke arah kehancuran. Semua peringkat pegawai wajiblah mengamalkan 'syura' di rumah, di pejabat dan di dalam masyarakat.

Demikian ditekankan oleh Pengarah Institut Perkhidmatan Awam, Dato Paduka Malai Haji Ali bin Malai Haji Othman di Majlis Penyampaian Sijil Akaun kepada kira-kira 170 orang peserta kursus yang telah menghadiri 12 buah kursus anjuran Institut Perkhidmatan Awam (IPA) sejak bulan November 2000.

Ke arah ini, satu borang soal kaji selidik 'Komunikasi, Kesepaduan dan Keselarasan' telah diedarkan kepada semua kementerian dan jabatan-jabatan dalam perkhidmatan awam. Kaji selidik ini bertujuan untuk menimbulkan kesedaran tentang perlunya 'syura' diamalkan di semua peringkat. Kaji selidik ini sedang berjalan dan hasilnya akan menimbulkan dan menyedarkan semua pihak atas kekurangan dan kelemahan yang terdapat dalam perkhidmatan awam.

Perkara yang berkaitan dengan peningkatan

kecemerlangan perkhidmatan awam akan timbul daripada kaji selidik ini dan pemikiran-pemikiran strategik akan diusahakan bersama oleh 'Action Team' yang telah ditubuhkan oleh kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan.

Satu program khusus 'Peningkatan Keberkesanan Pengurusan Dalam Perkhidmatan Awam' melalui perkembangan sistem dan perilaku dalam organisasi akan dimulakan yang akan melibatkan semua agensi kerajaan melalui 'Action Team' yang dipimpin oleh ketua jabatan masing-masing.

Program ini menimbulkan harapan besar kepada pihak kerajaan dalam menangani kelemahan-kelemahan yang terdapat untuk mencapai kecemerlangan ke arah 'Al-Falaah' yang sentiasa dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Program ini khususnya akan dapat memenuhi tuntutan-tuntutan seperti yang terkandung dalam Rukun Akhlak dan Etika Kerja Perkhidmatan Awam seperti keikhlasan, ketelusan, komunikasi, kepimpinan dan keselarasan dasar. Kesemuanya ini bertepatan dengan kehendak yang terkandung dalam Wawasan Perkhidmatan Awam Abad 21.

Oleh Samle HJ

BERAKAS, 16 Mac. - Sepuluh agensi penjualan tiket bagi Penerbangan Diraja Brunei di Perth, Australia tiba ke negara ini di atas tajaan Penerbangan Diraja Brunei (RBA).

Tajaan itu merupakan satu intensif RBA di atas penjualan tiket yang tinggi oleh agensi-agensinya berkenaan yang berpangkalan di Perth.

Sepanjang tiga hari berada di sini, delegasi berkenaan telah menyaksikan sendiri pelbagai kemudahan perhotelan, dan melawat ke destinasi-destinasi menarik sebagai rancangan pakej pelancongan ke Negara Brunei Darussalam.

Agensi penjualan tiket tinjau kemudahan perhotelan

Eksekutif Pemasaran Penerbangan Diraja Brunei - Western Australia, Nicola Burton menjelaskan, pihaknya sibuk menerima tempahan yang penuh yang akan datang ke negara ini mengikuti RBA.

Katanya, sebanyak tujuh penerbangan yang mewakili

agensi penerbangan akan tiba di negara ini sepanjang tahun ini.

Sementara itu, Pengurus Travelshop Whitfords, Graeme Middleton pula gembira mengikuti Penerbangan Diraja Brunei buat pertama kalinya dan melahirkan pandangan istimewa potensi Negara Brunei Darussalam di bidang pelancongan.

Beliau juga yakin, Tahun Melawat Brunei 2001 yang sedang mendapat sambutan daripada pelancong luar akan memberi faedah yang lumayan kepada negara ini.

Ketibaan delegasi penerbangan dari Perth itu merupakan salah satu usaha kempen Tahun Melawat Brunei 2001.

Rombongan yang diketuai oleh Eksekutif Pemasaran Penerbangan Diraja Brunei, Nicola Burton itu juga disertai oleh agensi Travelshop Whitfords, Joy Tours, Mahsuri Travel, STA Travel Crawley dan Traveland Currumbine.

Turut ditaja ialah agensi Harvey World Travel Rockingham, Travel for Sports, Traveland Port Hedland dan Travel Impression.



SEROMBONGAN agensi penjualan tiket bagi Penerbangan Diraja Brunei di Perth, Australia telah tiba di negara ini bagi meninjau pelbagai kemudahan perhotelan di samping melawat destinasi-destinasi menarik di negara ini. - Gambar oleh Haji Masmaiah HMA.